



**DEWAN NEGERI SELANGOR YANG KEDUA BELAS
PENGGAL KEEMPAT
MESYUARAT KEDUA**

Shah Alam 13 JULAI 2011 (RABU)

Mesyuarat dimulakan pada jam 10.00 pagi

YANG HADIR

YB Dato' Teng Chang Khim, DPMS (Sungai Pinang)

(Tuan Speaker)

YAB Tan Sri Dato' Seri Abdul Khalid bin Ibrahim

PSM., SPMS., DPMS., DSAP. (Ijok)

(Dato' Menteri Besar Selangor)

YB Puan Teresa Kok Suh Sim (Kinrara)

YB Dato' Dr. Hasan bin Mohamed Ali

DIMP., SMS. (Gombak Setia)

YB Tuan Dr. Haji Yaakob bin Sapari (Kota Anggerik)

YB Puan Rodziah bt. Ismail (Batu Tiga)

YB Tuan Dr Xavier Jayakumar a/l Arulanandam (Seri Andalas)

YB Puan Dr. Halimah bt. Ali (Selat Klang)

YB Tuan Iskandar Bin Abdul Samad (Cempaka)

YB Tuan Liu Tian Khiew (Pandamaran)

YB Puan Elizabeth Wong Keat Ping (Bukit Lanjan)

YB Tuan Ean Yong Hian Wah (Seri Kembangan)

YB Puan Haniza bt. Mohamed Talha (Taman Medan)

(Timbalan Speaker)

YB Tuan Dr. Shafie bin Abu Bakar (Bangi)
YB Tuan Ng Suee Lim (Sekinchan)
YB Tuan Mohamed Azmin bin Ali (Bukit Antarabangsa)
YB Tuan Lau Weng San (Kampung Tunku)
YB Tuan Mat Shuhaimi bin Shafie (Seri Muda)
YB Tuan Lee Kim Sin (Kajang)
YB Tuan Haji Saari bin Sungib (Hulu Kelang)
YB Tuan Dr. Ahmad Yunus bin Hairi (Sijangkang)
YB Tuan Yap Lum Chin (Balakong)
YB Tuan Muthiah a/l Maria Pillay (Bukit Melawati)
YB Tuan Phillip Tan Choon Swee (Teluk Datuk)
YB Tuan Dr. Mohd. Nasir bin Hashim (Kota Damansara)
YB Tuan Khasim bin Abdul Aziz (Lembah Jaya)
YB Tuan Amiruddin bin Shari (Batu Caves)
YB Tuan Manoharan a/l Malayalam (Kota Alam Shah)
YB Puan Lee Ying Ha (Teratai)
YB Puan Gan Pei Nei (Rawang)
YB Dato' Haji Raja Ideris bin Raja Ahmad,
DSSA., AMS., AMN., PJK. (Sungai Air Tawar)
YB Dato' Haji Abd. Rahman bin Palil,
DSSA., KMN., AMS., AMN., PPT., PJK., JBM., (hc). (Sementa)
YB Dato' Hj. Mohd. Shamsudin bin Haji Lias,
DPMS., SSA. (Sungai Burong)
YB Dato' Dr. Karim bin Mansor,
DPMS., ASA., PJK. (Tanjung Sepat)
YB Dato' Ir. Muhammad Bushro bin Mat Johor
DPMS., KMN., AMN., ASA. (Paya Jaras)
YB Tuan Hasiman bin Sidom, PJK
YB Dato' Marsum bin Paing, DPMS., SSA., ASA. (Dengkil)
YB Datuk Haji Johan bin Abdul Aziz. JP., AMS. (Semenyih)

YB Datuk Mohd Isa bin Abu Kasim, DPSM., AMS. (Batang Kali)

YB Tuan Yap Ee Wah (Sungai Pelek)

YB Tuan Wong Koon Mun, SMS., PJK. (Kuala Kubu Baharu)

YB Tuan Sulaiman bin Haji Abdul Razak, SMS., PPN. (Permatang)

YB Tuan Ismail bin Sani. SMS., PJK. (Dusun Tua)

TIDAK HADIR

YB Tuan Dr. Abd. Rani bin Osman (Meru)

YB Tuan Edward Lee Poh Lin

YB Tuan Dr. Cheah Wing Yin (Damansara Utama)

YB Puan Hannah Yeoh Tseow Suan (Subang Jaya)

YB Tuan Nik Nazmi bin Nik Ahmad (Seri Setia)

YB Dato' Dr. Haji Mohamed Satim bin Diman,
DSSA., KMN., ASA., PJK. (Seri Serdang)

YB Tuan Dr. Haji Mohamad Khir bin Toyo,
PJK. (Sungai Panjang)

YB Dato' Mohamed Idris bin Haji Abu Bakar,
DSSA., AMS., PJK. (Hulu Bernam)

YB Dato' Amiruddin Setro, DPMS., ASA. (Jeram)

YB Dato' Haji Warno bin Dogol, DSIS., AMS., SMS., PJK. (Sabak)

YB Dato' Subahan bin Kamal, DIMP. (Taman Templer)

YB Tuan Abdul Shukur bin Idrus, KMN., SIS., ASBK. (Kuang)

YB Tuan Badrul Hisham bin Abdullah (Pelabuhan Klang)

TURUT HADIR

**(Mengikut Fasal LII (3) Undang-undang Tubuh Kerajaan
Selangor, 1959)**

YB Dato' Haji Mohammed Khusrin bin Haji Munawi DSIS., ASA., PPT.
Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor

YB Datin Paduka Zaayah Be binti T. Loth Khan, DPMS., DMSM., DSM., AMN.
Penasihat Undang-undang Negeri Selangor

YB Dato' Mohd. Arif bin Ab. Rahman, DSIS., SIS., AMS., AMN.
Pegawai Kewangan Negeri Selangor

PEGAWAI BERTUGAS

Encik Mohamad Yasid bin Bidin
Setiausaha Bahagian (Dewan/MMKN)

Puan Noor Asdiana bt. Abd Kadir
Ketua Penolong Setiausaha

Puan Mazian bt. Manan
Penolong Setiausaha I

Puan Noor Diana bt. Razali
Penolong Setiausaha II

Puan Nurul Haizan bt. Hj. Rais
Penolong Setiausaha III

Puan Siti Salbiah bt. Masri
Penolong Pegawai Tadbir

Encik Abd. Halim bin Abd. Rahman
BENTARA

Encik Ahmad Hafizan bin Yusof
PENOLONG BENTARA

Cik Noor Syazwani bt. Abdul Hamid
Puan Hajah Noridah bt. Abdullah
PELAPOR PERBAHASAN

(Tuan Speaker mempengerusikan mesyuarat)

TUAN SPEAKER : Dewan bersambung semula.

SETIAUSAHA DEWAN : *Bismillahi rahmani rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh* dan salam sejahtera. Aturan urusan mesyuarat penggal keempat, Dewan Negeri Selangor ke – 12 pada 13 Julai 2011 dimulakan dengan bacaan doa.

I. DOA

II. PERTANYAAN-PERTANYAAN

SETIAUSAHA DEWAN : Aturan urusan mesyuarat seterusnya, pertanyaan-pertanyaan.

TUAN SPEAKER : Morib.

YB TUAN HAJI HASIMAN BIN SIDOM : Terima kasih, Tuan Speaker. Soalan nombor 20.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
YB TUAN HAJI DASIMAN BIN SIDOM
(MORIB)**

TAJUK : SUBSIDI UNTUK RAKYAT

20. Kerajaan Persekutuan dijangka berbelanja lebih RM20 bilion bagi tahun 2011 bagi menampung pelbagai subsidi untuk rakyat berbanding Kerajaan Selangor berbelanja hanya kira-kira RM132 juta setahun untuk program air percuma.

Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar :-

- a) Apakah Kerajaan Negeri akan memperluaskan subsidi dalam perkara lain pula?
- b) Bagaimanakah status kewangan negeri ketika ini?

YAB DATO' MENTERI BESAR: *Bismillahirrahmanirrahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Dato' Speaker, YB Morib meminta membentangkan persoalan mengenai subsidi untuk rakyat. Dia menyatakan bahawa Kerajaan Persekutuan berbelanja RM20 bilion pada tahun 2011 bagi menampung pelbagai subsidi berbanding dengan Kerajaan Negeri Selangor berbelanja hanya kira-kira RM132 juta untuk program air percuma. Walaupun saya perhatikan keikhlasan YB dari Morib untuk menyoal perkara ini, boleh jadi asas '*fundamental*' soalan ini tidak berpandukan perbandingan tentang:-

1. Kerajaan Persekutuan adalah Kerajaan yang dibenarkan untuk mengutip cukai dan cukai-cukai itu sepatutnya disalurkan kepada rakyat. Jadi, oleh sebab itu kita bandingkan pendapatan Kerajaan Persekutuan melebihi RM132 billion dan RM20 billion sekurang-kurangnya adalah hasil kutipan cukai individu rakyat negeri Selangor. Itu kita nak faham tentang perkara itu.
2. Adakah, saya rasa saya nak terangkan tentang konsep, konsep pemerintah. Konsep pemerintah mestilah berasaskan memberikan perkara-perkara hak asasi. Jadi, itu bukan subsidi. Memberikan perkara-perkara mengenai hak asasi, kita tidak boleh anggap subsidi. Itu kita mesti anggap sebagai pemberian daripada Kerajaan sebagai satu Kerajaan yang menerima pendapatan daripada rakyat contohnya, pendidikan.

Pendidikan percuma tidak boleh dianggap sebagai subsidi. Kedua, kesihatan asas juga tidak boleh dianggap sebagai subsidi.

Saya juga mengambil kira, dalam perkiraan saya, pandangan saya, air dan tenaga adalah tidak boleh dianggap sebagai subsidi kerana ia mesti diberikan sebagai hak asasi. Oleh sebab itu, kita mesti bezakan penggunaan untuk hak asasi dan penggunaan selepas hak asasi. Kalau seseorang itu mengkaji tentang sistem kebajikan ataupun '*welfare system*', maka sistem itu mesti menekankan sekurang-kurangnya Kerajaan yang mementingkan rakyat akan memberikan hak asasi kepada rakyat dan hak asasi kepada rakyat itu adalah untuk menentukan rakyat mempunyai peluang untuk hidup dalam keadaan yang boleh mereka membangunkan keluarga mereka. Oleh sebab itu dalam siri ini, saya ingat perkara ini tidak banyak diperbincangkan tapi ada baiknya ahli-ahli kita untuk mengkaji apakah yang sepatutnya hak-hak rakyat yang mesti kita kembalikan kepada rakyat.

Untuk kajian ini, saudara boleh membandingkan pemberian yang diberikan ataupun hak-hak rakyat yang diberikan oleh negara seperti Australia, Kanada. Itu sebagai contoh negara Komanwel ataupun Scandivea, Finland untuk negara-negara yang menjalankan dasar '*social welfare system*' ataupun negara seperti di Germany dan '*social democratisation*'. Itu semua menunjukkan bahawa pembayar cukai diberikan hak asasi mereka supaya tidak lagi dipersoalkan. Tetapi selepas tahun itu, mereka boleh bekerja, membangunkan keluarga, mendapat pendapatan dan hasil dipulangkan juga kepada negara melalui cukai. Maknanya, Kerajaan Negeri tidak mendapat cukai. Bagaimanapun, saya sebagai Ahli Parlimen, bandar Tun Razak, ada mencadangkan kepada Kerajaan Persekutuan dan mungkin kalau Pakatan Rakyat berjaya ke Putrajaya, kita juga akan memperkenalkan satu sistem yang disebut '*equalisation system*'. Maknanya, satu sistem pengagihan, pendapatan cukai yang mengambil kira tentang jumlah cukai yang dibayar oleh negeri-negeri. Kemudian, pembangunan negeri-negeri yang maju dengan negeri-negeri yang tidak maju dan penggunaan infrastruktur yang menyeluruh yang dibiayai oleh Kerajaan.

Nampaknya Kerajaan Persekutuan sekarang sudah 30 tahun tidak mengamalkan satu sistem yang disebut '*equalisation system*' yang dikehendaki untuk menentukan semua rakyat, seluruh negara terbelah. Sebab itu, kita dapati jurang pembangunan negeri-negeri juga sangat besar perbezaannya. Oleh sebab itu.. dan adakah Kerajaan hendak memperluaskan pemberian subsidi?

Saya hendak terangkan sedikit tentang air percuma ini. Yang sebenarnya, ia tidak boleh diterjemahkan menjadi subsidi. Ia akhirnya apabila terdapat penyusunan semula air ini, nilai harta yang ada dimiliki oleh negeri Selangor ini sebahagian kecilnya akan diterjemahkan sebagai pemberian air percuma sebab kita kata harga air ini mestilah sesuai dengan kehendak dan penggunaan. Jawapannya, umpamanya 20 m³ (meter padu) percuma tetapi penggunaan melebihi 20 m³ (meter padu) bukan percuma. Lagi banyak digunakan, lagi tinggi kosnya. Jadi, bererti kita memberikan hak asasi untuk peringkat yang pertama tetapi pembayaran untuk yang lain itu gunanya untuk menjamin bahawa operasi air ataupun operasi pengurusan air ini adalah pada tahap yang tidak merugikan sesiapa pun. Demikian sikap kita yang mengapa kita ingin menyusun semula industri air ataupun pengurusan air di negeri Selangor. Sebab cara penswastaaan yang dibuat sebelum ini tidak mengambil kira kepentingan rakyat Selangor keseluruhannya.

Kedua, saudara bertanya bagaimana Kerajaan memperluaskan pemberian subsidi. Jawapan saya tidak. Kita bukan mahu memperluaskan subsidi. Yang sebenarnya, soalan yang kedua saudara tanya, bagaimana kewangan negeri ketika ini. Jawapan saya, soalan saudara itu, kalau saudara tanya soalan ini di Parlimen Malaysia, Menteri Kewangan menjadi gementar

sebab tidak cukup duit. Tetapi kalau saudara tanya kepada Menteri Besar Selangor yang juga menjaga kewangan, kita tidak gentar '*because*' kita tidak berhutang, kita tak berhutang. '*We use*' apa yang kita dapat. '*There is our financial strength is based on the earnings*'. Apa yang kita dapat, kita gunakan. Sebab itu sebab saya selalu cadangkan cara membuat belanjawan bukan meneka berapa banyak yang mahu digunakan, berapa banyak pendapatan tetapi apabila kita dapat pendapatan kita boleh tambah lagi penggunaannya. Dengan cara itu, kita boleh mendapat satu keadaan yang lebih stabil. Oleh sebab itu apabila saya bercakap dengan Pengarah Kewangan, saya akan tanya soalan, kita ada duit ke tidak? Kalau tidak ada duit buat apa pula kita mahu buat cadangan-cadangan pembesaran. Oleh sebab itulah, keadaan ini sangat penting dan saya rasa saudara dari Barisan Nasional dan juga rakan-rakan kita sendiri mesti mengambil satu sikap baru bahawa pembangunan negara Malaysia mestilah berasaskan satu pembangunan yang mengambil kira kebajikan semua rakyat dan asas-asasnya mestilah diberikan. Dengan sebab itu kita juga menentang penswastaan, banyak penswastaan kerana kita rasa penswastaan yang dilakukan ini tidak mengambil kira hak asasi masyarakat. Kita mahu masyarakat merasakan mereka boleh hidup dalam negara ini dengan mendapat peluang untuk membangun. Oleh sebab itu, keadaan ini mesti kita tentukan yang perkara-perkara asas tidak perlu dikenakan bayaran. Terima kasih.

YB TUAN DR. SHAFIE BIN ABU BAKAR : Tuan Speaker?

TUAN SPEAKER : Bangi.

YB TUAN DR. SHAFIE BIN ABU BAKAR : Terima kasih. Tuan Speaker, Selangor mendapati atau sudah mempunyai satu konsep '*equalisation system*'. Boleh ke beri sedikit rangka pendekatan supaya rakyat Malaysia faham untuk sokong kitalah akan datang tentang konsep '*equalisation system*' ini dan juga barangkali mungkin sudah diamalkan di Selangor sekarang. Terima kasih.

YAB DATO' MENTERI BESAR: Ha, apa yang saya nyatakan ini bukan perkara baharu! Ia sudah wujud dalam pembacaan saya. Saudara difikirkan sejak Bangi tahu Al-Ghazali mula fikirkan ini, perkara ini kemudian dia ambil pemikiran ini diterjemahkan dalam Hibru kemudian jadi Latin kemudian diambil oleh mereka yang berbincang tentang bagaimana pemerintahan *inner welfare society*. Jadi ada buku-buku yang Sir Thomas Lock dan banyak lagi pernah hasilkan. Tujuannya, akhirnya, kita mesti mengadakan suatu keadaan supaya jurang antara yang terlalu kaya itu dengan begitu ramai yang miskin itu berkurangan. Berkurangan. Dan konsep ini jelas saudara kita Yang Berhormat dari Bangi tahu ini adalah konsep yang diterima oleh Islam iaitu kalau kita mempunyai harta yang banyak yang kita tidak gunakan kita mesti membayar zakat ke atas harta tersebut supaya duit itu dimasukkan ke dalam Baitulmal dan dapat diagihkan kepada untuk kegunaan dan kebajikan kepada rakyat. Jadi oleh sebab itu *equalization* formula ini mengambil kira supaya yang kurang berada yang miskin diberi kesempatan untuk menggalakkan mereka berada ataupun mendapat pendapatan. Yang kaya memang kita biarkan terus tetapi dia juga bertanggungjawab kepada masyarakat untuk mengagihkan hasilnya untuk kegunaan masyarakat. Ini kita sebut dalam Islam sistem *of balance*. Kita ada *balance* sentiasa dalam keadaan keseimbangan yang merupakan satu asas yang saya rasa rakan-rakan dalam Pakatan Rakyat akan memperjuangkannya. Jadi saya tidak mahu mengambil masa di sini sebab *its a critical* konsep tetapi ia sudah dilaksanakan oleh beberapa negara dan ia berjaya untuk memberikan kesamarataan kepada rakyat negara tersebut. Terima kasih.

TUAN SPEAKER : Sungai Pelek.

YB TUAN YAP EE WAH : Terima kasih Tuan Speaker, soalan No. 21.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B TUAN YAP EE WAH
(SUNGAI PELEK)**

TAJUK: KEMPEN ZON BERSIH

21. Bertanya kepada YAB. Dato' Menteri Besar:

- a) Berapa jumlah kewangan yang telah dibelanjakan untuk tujuan tong sampah dalam program ini?
- b) Adakah program zon bersih mencapai sasarannya?

YB TUAN LIU TIAN KHIEW : Tuan Speaker, saya ucapkan terima kasih kepada Sg. Pelek kerana dia ingin bertanya mengenai kempen zon bersih yang agak penting untuk PBT. Tuan Speaker, Kerajaan Negeri telah memperuntukkan sebanyak RM1.2 juta setiap tahun untuk diagihkan kepada 12 PBT bagi pelaksanaan program zon bersih. Berikut adalah pecahan perbelanjaan yang telah digunakan khas untuk pembelian tong sampah mengikut PBT. MBSA – RM24,000.00, MBPJ – RM33,000.00, MPK – RM14,000.00, MPSJ – RM18,000.00, MPAJ – RM27,000.00, MPS – RM39,000.00, MPKj – RM4,300.00, MP Sepang – RM14,000.00, MDKS – RM15,000.00, MDKL – RM17,000.00, MDHS tak ada dan MDSP – RM1,800.00. Ini adalah secara tambahan bajet daripada PBT masing-masing. Secara keseluruhannya zon-zon bersih ini telah berjaya dilaksanakan yang mana untuk menjadikan Negeri Selangor sebagai sebuah negeri yang paling bersih di Malaysia dan semangat menjaga kebersihan dalam diri rakyat Negeri Selangor khususnya. Program zon bersih untuk sesi 2009 dan 2010 berjaya dilaksanakan dan sambutan yang diterima amat menggalakkan daripada semua pihak yang mana melibatkan jawatankuasa penduduk, NGO, agensi-agensi luar dan sebagainya termasuk syarikat-syarikat yang menjadi *sponsor* dan saya harus memberi pujian kepada MPK kerana MPK bukan sahaja mengadakan satu, mewujudkan satu zon bersih tetapi mereka menyediakan dua tempat zon bersih pada tahun yang pertama dan tiga tempat untuk zon bersih untuk tahun yang kedua. Dan lanjutan daripada itu Kerajaan telah memutuskan untuk meneruskan program zon bersih untuk tahun ini bermula, tahun lalu bermula bulan Oktober 2010. Tema bagi pemilihan kawasan program zon bersih adalah merupakan kawasan pekan dan jika dilihat dari segi pelaksanaan program ini dapat mengubah keadaan persekitaran di zon bersih dan juga masyarakat terutamanya dari segi penjagaan kebersihan dan kesihatan. Penduduk banyak didedahkan kepada kepentingan penjagaan persekitaran. Contohnya, pengawasan kes-kes denggi, kempen kitar semula dan amalan pembuangan sampah yang teratur. Selain itu matlamat untuk menarik penglibatan daripada masyarakat dalam mengatur serta memelihara alam sekitar secara bersama adalah tercapai dengan adanya kerjasama dari pihak mereka seperti aktiviti turun padang semasa program atau aktiviti gotong-royong dijalankan. Kerajaan Negeri telah memberi peringatan kepada semua PBT bahawa semua zon bersih harus dikekalkan sebagai zon bersih selepas tempoh kempen. Tiada *excuse* (dengan izin), biarkan zon bersih jatuh balik kepada zon kotor. Terima kasih.

TUAN SPEAKER : Sungai Pelek.

YB TUAN YAP EE WAH : Terima kasih Tuan Speaker, soalan tambahan. Harga, berapakah harga seunit untuk tong sampah yang diletakkan di kawasan zon bersih. Soalan yang kedua bagaimana dengan keadaan kebersihan selain daripada kawasan zon bersih kerana sering

kalinya saya menerima aduan sampah tidak diambil khususnya di kawasan taman-taman, lorong-lorong belakang dan longkang-longkang yang kotor menyebabkan pembiakan nyamuk. Jadi apakah tindakan yang akan diambil? Terima kasih.

YB TUAN LIU TIAN KHIEW : Terima kasih Sg. Pelek. Jadi memang, memang setiap zon bersih di ada pasukan, ada jawatankuasa yang kha nya ditubuhkan untuk menjaga kebersihan bersama-sama dengan kontraktor dan juga agensi yang lain. Harga tong sampah ini bagi Kerajaan Negeri kita hanya mengadakan tong sampah harus disediakan dan oleh kerana zon bersih masing-masing dia ada keperluan yang berlainan jadi dia ada kebebasan untuk memilih tong sampah yang dengan saiz yang berlainan jadi harganya berbeza-beza dan kita pun juga tidak memastikan kontraktor yang sama digunakan, tidak. Kita hanya memastikan tong sampah mesti disediakan. Jadi dan memanglah jawatankuasa khas ditubuhkan untuk menjaga kebersihan di zon bersih itu haruslah sentiasa memberi, membuat pemantauan dan juga melaksanakan semua program dengan baik. Sebaik-baiknya. Jadi kalaulah berlaku benda yang disebutkan oleh Sg. Pelek itu kita harus mengambil perhatianlah. Terima kasih.

TUAN SPEAKER : Sekinchan.

YB TUAN NG SUEE LIM : Terima kasih Tuan Speaker, saya ingin minta penjelasan daripada Yang Berhormat tentang program zon bersih ini sebab Yang Berhormat hari ini pun pakai *tie* kuning, bersihlah tu sokong. Apakah bentuk, bentuk pemantauan yang dilakukan oleh pihak PBT itu sendiri selepas menjalankan program zon bersih kerana di banyak kawasan rungutan, aduan tentang bersih hanya seminggu atau dua minggu sahaja. Peruntukan habis tapi kemudian dua minggu tetap kotor. Itu satu. Apakah pemantauan di pihak PBT itu sendiri, ada wujud pasukan atau tidak? Yang kedua, di pihak Yang Berhormat sendiri apakah pemantauan yang dijalankan oleh Yang Berhormat sendiri terhadap zon-zon bersih yang dilaksanakan itu. Terima kasih.

YB TUAN LIU TIAN KHIEW: Terima kasih Sekinchan. Di peringkat negeri di bawah UPEN kita ada satu pasukan yang khas ditubuhkan untuk melaksanakan pemantauan. Jadi apabila mereka buat pemantauan mereka secara senyap-senyaplah tidak memberitahu pasukan tempatan itu. Itu cara kita dan mereka apabila mereka turun padang, mereka buat laporan dengan buat video atau gambar dan sebagainya. Jadi itulah caranya dan di samping itu semua pasukan ataupun jawatankuasa khas untuk zon bersih itu harus dikekalkan walaupun kempen sudah *over*, pertandingan sudah *over*, sudah lepas tetapi harus dikekalkan dan selalunya kita melantik, kita memilih Ahli Majlis yang menjaga zon itu menjadi ketua. Jadi tak ada *excuselah* (dengan izin) kalau zon bersih itu tidak dikekalkan sebagai zon bersih dan kita minta kerjasama daripada semua dan setakat ini kita rasa zon bersih berjaya kerana kita jarang mendapat aduan daripada penduduk-penduduk yang berada di dalam zon bersih. Tetapi saya rasa ini tidak bermakna kita boleh lega dan dalam Bahasa Cina cincailah kita kena sentiasa menjaga zon bersih ini sehingga betul-betul bersih dan jangan jadi satu *laughing stcok* (dengan izin). Terima kasih.

TUAN SPEAKER: Seri Muda.

YB TUAN MAT SHUHAIMI BIN HJ SHAFIEI : Terima kasih, Tuan Speaker, soalan No. 22.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B TUAN MAT SHUHAIMI BIN HAJI SHAFIEI
(SERI MUDA)**

TAJUK: LEMBAGA PERUMAHAN DAN HARTANAH SELANGOR (LPHS)

22. Bertanya kepada YAB. Dato' Menteri Besar:

- a) Aduan dari penghuni perumahan rakyat LPHS, di Seksyen 26 Shah Alam adalah syarikat penyelenggaraan yang dilantik LPHS tidak melaksanakan tugas hingga surau dilimpahi air najis. Huraikan apakah benar dakwaan ini?
- b) Jelaskan, berapa unitkah rumah di perumahan ini kosong dan berapakah yang dihuni? Huraikan berapakah pecahannya mengikut kaum?
- c) Kenapa rekod polis dijadikan alasan untuk menolak permohonan penyewa dari kalangan orang miskin?

YB TUAN ISKANDAR BIN A. SAMAD : *Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh*, salam sejahtera, *Bismillahi rahmani rahim*. Terima kasih kepada Yang Berhormat. Berkenaan dengan projek perumahan rakyat di Seksyen 26, Shah Alam atau pun dipanggil sebagai PPR Hicom. Limpahan air najis adalah akibat dari saluran najis ataupun sistem pembedungan yang tersumbat. Ini berlaku bukan kerana *maintenance* atau penyelenggaraan yang tidak baik atau tidak sempurna. Ini adalah berlaku kerana barang-barang yang tidak sepatutnya telah dibuang ke dalam tandas. Di antara yang telah menerima akan kesan daripada limpahan ini adalah surau yang ada di situ. Oleh itu Lembaga Perumahan Hartanah Selangor yang menguruskan PPR itu telah melaksanakan kerja-kerja baik pulih untuk mengatasi masalah limpahan di surau itu dulu dan ini telah menelan belanja sebanyak RM1,800.00 dan kerja-kerja telah selesai pada 9 Jun yang lepas. Walau bagaimanapun untuk membaik pulih keseluruhan sistem pembedungan yang tersumbat, satu sebut harga telah diterima untuk RM20,000.00 dan kerja akan dilaksanakan dalam masa yang terdekat. Untuk soalan kedua, tentang *occupation* ataupun jumlah unit yang didiami atau jumlah unit yang ada di PPR HICOM itu keseluruhannya ada 980 unit dan unit yang diisi adalah 691 dan unit kosong adalah 289. Pecahan mengikut kaum unit yang diisi adalah kaum Melayu 471, kaum Cina 1 dan kaum India 219 menjadikan jumlah seperti yang saya katakan iaitu 691. Soalan yang ketiga pula, adalah semakan rekod polis sebenarnya tidak pernah menjadi syarat utama bagi pengambilan mana-mana penyewa. Kita tak pernah *vet* mana-mana pemohon yang nak masuk ke dalam PPR dengan rekod polis mereka tetapi di PPR HICOM ni cuma ada satu kes sahaja, satu kes di mana seorang, satu keluarga yang tinggal di situ telah menghalau seorang ahli keluarganya dan ahli keluarga ini telah memohon untuk tinggal untuk menyewa unit rumah di PPR tersebut dan kita mendapat maklumat bahawa sebab kenapa ahli keluarga ini dihalau oleh kerana terdapat rekod jenayah. Jadi pihak Lembaga Perumahan Hartanah Selangor telah melakukan semakan terhadap pemohon yang baru ini yang dihalau ini tetapi akhirnya pemohon ini telah dibenarkan untuk menyewa di PPR tersebut. Cuma perkara yang perlu diperbaiki adalah dari segi jangka waktu di mana pemohon itu memohon dan jangka ataupun masa ianya diluluskan itu perlu diperbaiki dan perlu dipercepatkan untuk supaya pemohon tidak tertunggu dan terpaksa duduk merempat di mana-mana. Terima kasih.

YB TUAN SPEAKER : Sri Muda.

YB TUAN MAT SUHAIMI BIN SHAFIEI : Soalan tambahan Tuan Speaker. Terima kasih kepada Yang Berhormat EXCO. Berdasarkan kepada jawapan yang diberi oleh Yang Berhormat itu nampak *on paper* dengan izin nampaknya cantik tetapi berasaskan kepada aduan yang dikemukakan kepada saya dan juga seperti mana jawapan Yang Berhormat tadi ada 289 unit kosong amat malang kerana ada satu orang penyewa yang nak menyewakan di situ mengambil masa lebih kurang 40 hari untuk dapat. Selepas seorang ahli keluarganya menghalau ibunya keluar daripada rumah ibu ini tidur di kaki lima PPR itu lebih 40 hari. Jadi kalau ada 289 unit yang kosong kenapa mengambil masa selama itu untuk tempatkan dia sewakan di bangunan terlibat. Jadi soalan saya ialah Apakah Yang Berhormat berasaskan perlu diwujudkan sebuah jawatankuasa untuk menyalut kenapa berlaku kelambatan yang begitu lama yang mengakibatkan imej kerajaan negeri terjejas?. Dan yang kedua kenapa alasan yang dikemukakan oleh pegawai-pegawai yang terlibat di kawasan itu tak dibenarkan pengadu ni sewa kerana anaknya terlibat dengan kes jenayah?. Saya tak faham, yang melakukan jenayah itu anak tetapi emak yang dijadikan mangsa. Apakah ini dasar atau pun polisi Lembaga Perumahan dan Hartanah Selangor.

YB TUAN ISKANDAR BIN A. SAMAD : Seperti yang saya katakan tadi bahawa dalam keadaan sedemikian kita melihat bahawa inilah di antara perkara-perkara yang perlu kita perbaiki. Jadi bermakna kalau polisi tu atau pun polisi yang dilaksanakan oleh Lembaga Perumahan dan Hartanah Selangor itu mengakibatkan sehingga 40 hari pemohon itu terpaksa tidur di tangga atau tidur di koridor dengan izin, jadi polisi tersebut perlu kita perbaiki untuk mempercepatkan dalam kes-kes yang ini terutamanya yang dibangkitkan dari segi jenayah. Jenayah yang dilakukan oleh keluarga tersebut, memang ada aduan terhadap keluarga tersebut kenapa pula yang jadi mangsa itu merupakan bapa atau pun keluarga yang lain yang dijadikan mangsa. Ini bermakna dari segi polisi itu kita kena kaji balik untuk memastikan untuk kita mempercepatkan kelulusan sewaan atau pun permohonan untuk menyewa. Yang itu kita kena kaji balik dan kita akan perbaiki. Insya-Allah. Terima kasih.

TUAN SPEAKER : Balakong.

YB TUAN YAP LUM CHIN : Tuan Speaker, soalan No. 23.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
YB TUAN YAP LUM CHIN
(BALAKONG)**

TAJUK : **PROGRAM BANTUAN 'BLUEPRINT'**

23. Bertanya kepada YAB Dato' Menteri Besar

- a) Berapakah jumlah orang rakyat Selangor yang telah mendapat kemudahan bantuan '*blueprint*' ini, dan jenis-jenis bantuan yang diberi.
- b) Berapakah jumlah peruntukan yang telah dikeluarkan untuk program ini sejak Pakatan Rakyat memerintah.
- c) Berapakah tempoh yang digunakan untuk memproses permohonan bantuan.

YB TUAN DR. XAVIER JAYAKUMAR A/L ARULANANDAM : Terima kasih Balakong. Program Bantuan *Blueprint* Pembasmian Kemiskinan Negeri Selangor telah memberi bantuan berupa peralatan ataupun mesin kepada pemohon yang layak diberikan bantuan. Jumlah

penerima Program Bantuan *Blueprint* Pembasmian Kemiskinan Negeri Selangor adalah seperti berikut, Tahun 2008 197 penerima, Tahun 2009 334 penerima, Tahun 2010 245 penerima, dan Tahun 2011 sehingga Jun 2011 206 penerima, jumlahnya ialah 982. Jenis-jenis bantuan yang diberi kepada pemohon yang layak adalah dari segi peralatan atau pun mesin dalam sektor makanan, jahitan, taska, pusat asuhan kanak-kanak yang diusahakan secara kecil-kecilan, kraf tangan, perniagaan runcit. Jumlah peruntukan yang telah dikeluarkan bagi program ini sejak 2008, tahun 2008 - 1,266,200 ringgit; 2009 ialah 1,083,200; 2010 – 1,174,000 dan 2011 sampai Jun ialah 606,835 ringgit dan jumlahnya kerajaan telah membelanja 4,130,235 ringgit Malaysia. Tempoh yang diambil bagi memproses permohonan program bantuan ini adalah selama 6 (enam) hingga 8 (lapan) bulan bergantung pada jumlah permohonan bagi satu-satu daerah. Terima kasih.

TUAN SPEAKER : Sijangkang

YB TUAN DR. AHMAD YUNUS BIN HAIRI : Tuan Speaker, soalan No. 24.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
YB TUAN DR. AHMAD YUNUS BIN HAIRI
(SIJANGKANG)**

TAJUK : **PENGGALAN DATA BERSEPADU RAKYAT (MISKIN) NEGERI SELANGOR**

24. Bertanya kepada YAB Dato' Menteri Besar

- a) Kerajaan pernah menyuarakan tentang perancangan untuk membina pangkalan data secara bersepadu rakyat miskin/asnaf melibatkan Jabatan Kebajikan Masyarakat, Lembaga Zakat Selangor dan lain-lain. Apakah status terkini perancangan tersebut.
- b) Adakah pangkalan data itu nanti dapat di akses di Pusat Khidmat DUN

YB PUAN RODZIAH BT ISMAIL : Terima kasih Tuan Speaker, saya menjawab soalan 24 yang berbunyi atau bertanyakan tentang perancangan untuk membina pangkalan data secara bersepadu rakyat miskin atau asnaf. Apakah status terkini. Selari dengan dasar kerajaan 'Dari kebajikan kepada berdikari atau pun lebih dikenali sebagai *'Welfare to workfare'*, Kerajaan telah membangunkan satu sistem yang dikenali sebagai *'Workfare Information System'* yang akan memberi fokus kepada *data base* golongan rakyat miskin untuk mengintegrasikan sistem bantuan dan akhirnya membantu mereka untuk menjana ekonomi dengan memberikan bantuan dan peluang untuk mereka-mereka yang di dalam *data base* itu untuk menceburi bidang pekerjaan dan perniagaan dengan bimbingan khusus dari Kerajaan Negeri. Sebelum ini *data base* ini agak terpaca-paca atau pun masing-masing agensi memiliki data basenya sendiri tetapi dengan adanya *'Workfare Information System'* ini pengintegrasian atau persepaduan itu dapat dilaksanakan. Sistem maklumat *workfare* ini juga membangun satu pangkalan data yang bersepadu yang mana bukan untuk pangkalan data itu sahaja tetapi dengan adanya pangkalan data ini ia akan memudahkan Kerajaan Negeri Selangor merancang, melaksana dan memantau program-program kemiskinan dan memastikan bantuan-bantuan disalurkan kepada rakyat yang tiada bertindihan bantuan itu sendiri. Jadi status terkini yang ditanyakan oleh Sijangkang pihak perolehan dan peruntukan kos untuk membangunkan sistem ini telah pun diluluskan baru-baru ini oleh Perbendaharaan Negeri Selangor dan Jawatankuasa Tetap saya dengan kerjasama Bahagian Teknologi Maklumat dalam proses mengumpulkan data-data yang sekarang ini

data-data yang sedia ada hampir 300,000 yang mana data-data ini kita akan kumpulkan dan kita akan memastikan ia dapat dibuka kepada semua.

Jadi soalan kedua daripada Sijangkang apakah ia dapat diakses di Pusat Khidmat, pastinya seperti mana yang telah saya laksanakan program-program Skim Mesra Usia Emas, TAWAS dan lain-lain ini sistem ini akan dilaksanakan secara *web base* atau pun laman web iaitu mewujudkan satu portal khusus yang akan memberikan bantuan kepada rakyat Selangor dan boleh diakses oleh mana-mana agensi, jabatan hatta Pusat Khidmat DUN yang diberikan kebenaran untuk mengakses maklumat oleh Kerajaan Negeri. Jadi sekarang ini memudahkanlah pihak-pihak semua pihak kalau ada mana-mana pemohon yang datang dari mana juga dalam Selangor ini kita akan dapat klik nama beliau kita akan tengok apakah latar belakang pemohon ini dan apakah mereka pernah dapat mana-mana bantuan daripada mana-mana agensi di dalam Kerajaan Negeri Selangor. Jadi insya-Allah dengan integrasi ini saya yakin selain daripada ini sistem akan memastikan tiada lagi pertindihan dan ketelusan dalam pemberian bantuan ini. Jadi mana-mana agensi yang telah memberi bantuan ini mereka akan meletakkan di dalam status permohonan ini sekian-sekian nama telah mendapat peruntukan daripada mungkin Zakat, mungkin JKM, mungkin Pejabat DUN jadi dengan ini senang pihak-pihak yang menguruskan permohonan memikirkan apakah jenis bantuan atau pun program-program untuk membangunkan peribadi tersebut dan jangkaan sistem akan dapat diakses dan operasi sepenuhnya insya-Allah kalau tidak jadi aral melintang kita akan dapat dilancarkan pada tahun ini juga. Jadi itu saja sekian.

TUAN SPEAKER : Sijangkang.

YB TUAN DR. AHMAD YUNUS BIN HAIRI : Soalan tambahan.

TUAN SPEAKER : Sijangkang.

YB TUAN DR. AHMAD YUNUS BIN HAIRI : Saya dapati ada beberapa kes yang datang ke Pusat Khidmat Masyarakat mungkin secara totalnya bilangannya agak yang mana sebahagian daripada mereka ini yang memohon bantuan daripada Jabatan Kebajikan Masyarakat yang mana kadang-kadang sehingga menghampiri setahun atau pun setahun lebih masih tidak lagi mendapat respons atau pun kepastian atau pun keputusan daripada Jabatan Kebajikan Masyarakat sendiri. Jadi persoalan saya apakah tindakan yang mungkin boleh diambil oleh Kerajaan Negeri Selangor jadi dalam memudahkan lagi proses-proses ini kerana Selangor adalah merupakan penyumbang peruntukan yang agak besar kepada Jabatan Kebajikan Masyarakat. Terima kasih

YB PUAN RODZIAH BT ISMAIL : Jadi Sijangkang jika kita lihat telah wujudnya nanti sistem *Workfare Information System* ini tidak ada lagi keraguan atau pun tanda tanya akan wujud sama Wakil Rakyat, pihak Agensi sama ada status seseorang pemohon itu bagaimana. Sebab setiap daripada agensi itu yang terlibat ini akan dimestikan untuk *key in* status yang telah ada. Contohnya kalau permohonan telah dibuat ia akan menunjukkan di situ permohonan telah dibuat atau pun bantuan telah diberikan, banyak mana itu akan wujud. Tetapi sekarang ini kita tengok disebabkan sistem ini terpancar-pancar atau pun terpisah kadang-kadang pihak-pihak kita, YB terpaksa memberi surat kepada agensi tersebut dan kadang-kadang surat tersebut tunggu responsnya begitu lama tetapi sekarang dengan sistem yang dibuat dengan sebagai sistem *work base* ini kita boleh klik dan kita akan dapat maklumat yang ada. Jadi dia *similar* atau pun lebih kurang sama bagaimana kita wujudkan lama SMUE dan sebagainya kita boleh tahu status itu insya-Allah kalau tidak menjadi aral bukan sahaja boleh dilihat melalui laman web tetapi kita boleh lihat melalui SMS sebagaimana yang telah kita wujudkan dalam laman-laman yang lain. Jadi bagi saya selaku EXCO yang bertanggungjawab tentang sistem

maklumat ini, saya merasakan bahawa ICT merupakan salah satu penyelesaian kepada masalah-masalah komunikasi yang agak lambat atau pun agak tidak telus ini atau pun kadang-kadang setahun kita masih tidak tahu maklumat ini dan saya percaya dengan sistem maklumat ini insya-Allah dapat menyelesaikan banyak masalah atau pun banyak pemikiran yang mengatakan sebenarnya bantuan ini ada atau tidak, bagaimana, macam mana, banyak mana kita pun tidak tahu dengan ini insya-Allah kita dapat menjawab dengan baik. Insya-Allah.

TUAN SPEAKER : Rawang

YB PUAN GAN PEI NEI : Tuan Speaker, soalan No. 25.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
YB PUAN GAN PEI NEI
(RAWANG)**

TAJUK : **KAWASAN SIMPANAN HUTAN YANG DIGAZETKAN**

25. Bertanya kepada YAB Dato' Menteri Besar:

- a) Senaraikan jumlah keluasan tanah, lokasi serta tujuan kawasan hutan simpanan yang telah digazetkan mengikut pecahan daerah daripada tahun 2000 hingga 2008.
- b) Apakah langkah-langkah yang diambil oleh kerajaan untuk menjaga kawasan simpanan hutan yang telah disewa keluar untuk tujuan pertanian dan senaraikan kawasan tanah hutan yang telah diluluskan untuk tujuan pertanian mengikut pecahan daerah bagi tahun 2001-2011.

YB PUAN ELIZABETH WONG KEAT PING : Terima kasih Rawang. Tuan Speaker, senarai hutan simpanan kekal yang di warta keluar daripada tahun 2000 hingga 2008 adalah seperti berikut; Tahun 2000 jumlah seluas 84.97 di warta keluar daripada Hutan Simpan Bukit Cherakah dan Hutan Simpan Hulu Langat kesemuanya adalah untuk tujuan pembangunan. Pada tahun 2001 jumlah seluas 460.827 di warta keluar daripada Hutan Simpan Sungai Buloh, Bukit Lagong, Bukit Cherakah, Ayer Hitam dan Telok Gedong tujuan pewartaan keluar juga untuk pembangunan. Pada tahun 2002 jumlah seluas 518.216 hektar di warta keluar daripada Sungai Buloh, Sungai Karang, Kanching, Bukit Badong dan Ampang kesemuanya untuk tujuan pembangunan kecuali di Bukit Badong untuk loji air. Pada Tahun 2003 jumlah seluas 2,243 hektar di warta keluar daripada Hutan Simpan Bukit Tarek, Hutan Simpan Templer, Bukit Lagong, Bukit Cherakah, Ayer Hitam kesemuanya untuk tujuan pembangunan. Pada tahun 2004 jumlah seluas 373.02 hektar di warta keluar daripada Hutan Simpan Rawang dan Sungai Karang. Kedua-duanya adalah untuk tujuan pertanian. Pada tahun 2005 jumlah seluas 250 hektar di warta keluar daripada Bukit Cherakah untuk tujuan pembangunan. Pada tahun 2006 jumlah seluas 428.51 hektar di warta keluar daripada Hutan Simpan Ayer Hitam dan Bukit Cherakah juga untuk tujuan pembangunan.

Pada tahun 2007 jumlah seluas 3,322.24 hektar di warta keluar daripada Hutan Simpan Bukit Tarek, Bukit Belata dan juga kompartmen 2 untuk tujuan pertanian dan juga perkampungan dan pada tahun 2008 jumlah seluas 95.13 hektar dirawat keluar daripada Jugra kompartmen 1 untuk tujuan pembangunan. Jadi jumlah besar adalah dari tahun 2000 sampai 2008 adalah 7,402.89 hektar dan di warta keluar. Secara amnya kebanyakan kawasan yang di keluar gazet ataupun di warta keluar adalah untuk tujuan pembangunan dan diberi kepada GLC-GLC seperti PKNS, Yayasan Selangor, SAP, PNSB dan juga untuk pertanian kepada PKPS.

Kerajaan Negeri telah memutus pembekuan pengeluaran permit penggunaan dalam hutan simpan kekal sejak akhir tahun 2008 kerana ianya berlawanan dengan konsep pengurusan hutan secara perbekalan, berkekalan. Walau bagaimanapun, permit penggunaan boleh dikeluarkan untuk tanaman kontan dan jangka pendek serta sekiranya ianya dilaksanakan secara perhutanan tani atau dengan izin 'agro forestry'. Jadi soalan Rawang untuk menyenaraikan permit penggunaan mengikut daerah sejak tahun 2001 adalah seperti berikut:

Di daerah hutan pantai Klang pada tahun 2000, maaf, jumlah yang disewa keluar ataupun diberi permit penggunaan untuk pertanian adalah 138.5 hektar. Dan senarai syarikat ataupun individu yang mendapat permit tersebut adalah Permatang Cabaran Sdn. Bhd. ini di kawasan daerah pantai Klang, Nilai Selesa Enterprise, Kin Mar Credit Sdn. Bhd., Ani Biskut, Rubiah binti Haji Mistam & Rakan-rakan dan Reka Wawasan Sdn. Bhd. Jadi jumlah adalah 138.5 hektar.

Untuk kawasan daerah hutan Hulu Selangor, jumlah yang diberi permit penggunaan untuk pertanian adalah hanya 22 hektar dan diberi kepada PKPS Landscaping Services Sdn. Bhd. Dan di Selangor Tengah jumlah seluas 64.68 hektar diberi permit penggunaan untuk pertanian dan kebanyakan mereka adalah individu-individu.

YB PUAN GAN PEI NEI : Soalan Tambahan Tuan Speaker.

TUAN SPEAKER : Ya, silakan Rawang.

YB PUAN GAN PEI NEI : Saya ingin bertanya memandangkan jumlah yang saya anggap begitu 'significant' yang di keluar wartakan untuk kawasan hutan paya untuk pembangunan ataupun tujuan lain, jadi apakah langkah-langkah kerajaan untuk memastikan dalam masa depan hutan-hutan ini sekiranya ada keperluan ataupun permohonan untuk di keluar wartakan kawasan hutan untuk tujuan tertentu seperti untuk kawasan perkuburan dan sebagainya, apa yang prosedurnya, ataupun ada tak dilarang sama sekali.

YB PUAN ELIZABETH WONG KEAT PING : Terima kasih Rawang. Pertamanya saya ingin maklum kepada semua bahawa kegunaan hutan ataupun Hutan Simpan Kekal yang dikeluarkan untuk tujuan perkuburan, kita tidak menggalakkan dan apa yang kita telah buat adalah, kita telah ada pihak Jabatan Perancang Negeri Selangor untuk mengenal pasti tapak-tapak di mana di luar kawasan hutan, di mana mereka boleh membangunkan kawasan perkuburan yang lebih sesuai, yang lebih selesa dan juga senang untuk penduduk-penduduk pergi ke kawasan perkuburan.

Saya rasa kalau perancangan di Negeri Selangor dijalankan secara baik, secara terancang dan in 'very systematic manner' kawasan hutan simpan kekal kita tidak akan di kacau ataupun di keluar warta. Walau bagaimanapun kalau YB Rawang boleh ingat pada awal tahun ini pada sesi yang pertama Dewan Negeri Selangor telah meluluskan satu pindaan yang penting iaitu pindaan kepada Akta Perhutanan Negara (Selangor) di mana kalau mana-mana Hutan Simpan Kekal di Negeri Selangor di warta keluar mereka perlu mengadakan satu dengan izin 'public hearing' mereka perlu memberitahu penduduk-penduduk yang duduk dekat hutan tersebut dan mereka juga perlu maklum kepada semua pihak awam untuk adakan, untuk memberi cadangan mereka ataupun untuk mereka membantah permohonan tersebut sebelum hutan itu di warta keluar. Saya rasa 'safe guide' yang penting di mana kalau, apabila pindaan undang-undang ini dilaksanakan maka hutan simpan kekal kita tidak boleh hilang secara senyap seperti mana yang kita telah saksikan berdekad-dekad ini.

Akhirnya saya juga ingin maklumkan kepada Dewan yang mulia ini, kalau kita lihat 'trend' pengeluaran Hutan Simpan Kekal ataupun pengeluaran warta kita boleh menyaksikan ataupun

melihat satu 'download trend' dengan izin dan ini merupakan satu langkah yang bagus di mana sekarang dan seluruh dunia pun mengwar-warkan isu perubahan iklim, isu alam sekitar dan kita sebagai sebuah negeri yang maju kita menunjukkan satu contoh yang baik kepada negeri-negeri yang lain di Malaysia.

YB TUAN ISMAIL BIN SANI : Soalan Tambahan Tuan Speaker.

TUAN SEPEAKER : Ya, silakan Dusun Tua.

YB TUAN ISMAIL BIN SANI : Terima kasih YB Speaker. Dusun Tua baru-baru ini menerima aduan daripada penduduk Taman Wangsa Cheras mengenai pencerobohan Hutan Simpanan Bukit Seputih oleh pendaki-pendaki bukit. Jadi saya percaya YB EXCO pun sudah maklum satu ketika dahulu pencerobohan ini telah berlaku dan Jabatan Hutan telah mengambil tindakan untuk menutup tempat berkenaan. Tetapi malangnya baru-baru ini perkara ini berulang kembali dan penduduk Taman Wangsa Cheras nampak hanya begitu gelisah kerana pendaki-pendaki bukit ini nampaknya meletak kenderaan mereka di depan-depan rumah dan dah ada pun berlaku pergaduhan di kalangan mereka. Jadi soalan tambahan saya, apakah pendirian Kerajaan Negeri tentang pencerobohan semula Bukit Seputih ini oleh pendaki-pendaki bukit ini dan keduanya apakah tindakan Kerajaan Negeri terhadap pencerobohan ini, terima kasih.

YB PUAN ELIZABETH WONG KEAT PING : Terima kasih Dusun Tua kerana telah memaklum kepada pihak saya tentang isu pencerobohan hutan simpan dekat Sungai Puteh. Sebenarnya hutan itu Jabatan Perhutanan Negeri Selangor telah cuba menangani masalah ini menjadi 'mediator' dengan izin antara penduduk-penduduk di kawasan taman tersebut dengan pendaki-pendaki. Kita pada 'on the one hand' dengan izin kita ingin menggalakkan orang menikmati dan menggunakan hutan rekreasi hutan lipur dan sebagainya. Tetapi 'on the other hand' dengan izin kita juga tahu kalau mana-mana kawasan hutan simpan kekal di ceroboh tak kira pendaki ke, ataupun penduduk dan sebagainya ini juga akan menimbulkan masalah. Jadi untuk kawasan dekan Taman Wangsa Cheras sebenarnya kita sudah tutup kawasan itu selama sejak 2 tahun yang lalu kita telah mengesyorkan satu jalan masuk yang baru untuk pendaki-pendaki mereka boleh masuk ke kawasan itu. Jabatan Perhutanan Negeri Selangor juga membuat 'treck' di sana khas di mana mereka boleh masuk secara sah kawasan yang sah, mereka ada kawasan 'parking' yang dekat satu 'hypermarket' yang dipanggil 'Econsave' dan sebagainya. Tetapi malangnya saya juga ada menerima satu dua laporan bahawa ada satu kumpulan yang kecil yang mereka masih menggunakan jalan yang lama kita tidak menggalakkan. Jadi apa yang telah buat 2 tahun yang lalu, kita telah buat 'fencing' di tapak-tapak di mana masa itu terdapat pencerobohan dan kita akan juga menyambungkan pemantauan kita dan cuba menggalakkan mereka menggunakan jalan masuk dan juga jalan keluar yang alternatif yang tidak mengganggu penduduk-penduduk yang duduk dekat hutan tersebut.

TUAN SPEAKER : Sementa.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
YB DATO' ABDUL RAHMAN BIN PALIL
(SEMENTA)**

TAJUK : MASALAH SOSIAL

26. Masalah sosial seperti gejala pembuangan bayi tetap berlaku di Selangor walaupun telah diperintah oleh Pakatan Rakyat. Bertanya kepada YAB Dato' Menteri Besar:

a) Apakah mekanisme kerajaan untuk membanteras masalah sosial?

- b) Sejauh manakah keberkesanan dan kejayaan untuk mengatasi masalah ini?
- c) Apakah halangan-halangan yang dihadapi bagi gejala ini/

YB PUAN DR. HALIMAH BINTI ALI: *Bismillahi Rahmani Rahim, Assalamualaikum Warahamatullahi Wabarakatuh* dan selamat sejahtera. Terima kasih kepada YB Sementa yang mahu bertanya. Sebelum itu kenyataan dia di dalam soalan sebelum soalan ini, masalah sosial seperti gejala pembuangan bayi tetap berlaku di Selangor walaupun telah diperintahkan oleh Pakatan Rakyat. Sebelum saya menjawab Sementa mungkin saya bagi komen tentang ayat ini mana Kerajaan Pakatan Selangor baru berumur tiga tahun 3 bulan 17 hari, hari ini. Anak-anak yang lahir selepas Pakatan Rakyat mengambil alih masih mentah dan tidak boleh melahirkan anak atau bayi jauh sekali nak buang bayi jadi maknanya gejala pembuangan bayi atau gejala sosial yang kita lihat pada hari ini adalah natijah daripada kerajaan yang terdahulu. Soalan apakah mekanisme kerajaan untuk membanteras masalah sosial?

Pentadbiran Kerajaan Negeri Selangor telah menganalisa kenapakah berlakunya masalah sosial yang telah disebutkan tadi. Justeru pentadbiran Selangor di bawah portfolio Pendidikan, Pendidikan Tinggi dan Pembangunan Modal Insan telah mengambil langkah yang proaktif dalam merancang dan merangka Pelan Tindakan Menangani Gejala Sosial untuk negeri Selangor. Dan mekanismenya berbentuk sepadu, bersepadu, komprehensif, impulsif dan tuntas dan mempunyai rancangan masa pendek dan masa panjang. Dan ianya juga mengambil bentuk '*colar bracy synergistic*' daripada semua jabatan-jabatan agensi kerajaan dan apa-apa sahaja sumber termasuk NGO aktivis sosial yang sudah ada tergembleng suara secara *bersynergy* untuk membantu dalam masalah mengatasi gejala sosial ini. Daripada peringkat pertama, satu mekanisme khusus telah diwujudkan seperti mewujudkan Jawatankuasa Induk Menangani Gejala Sosial Peringkat Negeri. Dan di dalam di bawah Jawatankuasa Induk ini kita telah melibatkan pelbagai jabatan agensi yang berkaitan seperti semua Pejabat Daerah, semua Pihak Berkuasa Tempatan, Polis Diraja Malaysia, AADK, Jabatan Agama Islam Selangor, Jabatan Kebajikan Masyarakat, Lembaga Zakat Selangor, Jabatan Pelajaran, Jabatan Kesihatan, Jabatan Pendaftaran Negara, Majlis Permuafakatan PIBG, Majlis Permuafakatan TADIKA Selangor, Persatuan Belia, Persatuan Wanita, IPT-IPT dan Aktivis-aktivis Sosial. Dan kita juga telah mewujudkan Jawatankuasa Menangani Gejala Sosial Peringkat Daerah sebagai pelaksana dasar-dasar yang ditetapkan oleh Jawatankuasa Induk. Dan peranan dan matlamat Jawatankuasa ini adalah merancang program mengenal pasti masalah dan punca untuk dibincangkan dalam mesyuarat jawatankuasa, menubuhkan Pusat Serenti GeMS di setiap daerah.

GeMS ini adalah satu *branding* atau jenama yang kita telah gunakan untuk jawatankuasa menangani gejala sosial ini supaya ianya lebih positif dan ia (dengan izin) *forward thinking* daripada kita memberikan konotasi negatif jadi stigma kepada mereka yang kita mahu bolehkan. Dan untuk memastikan pusat program-program kita dilaksanakan dengan efektif contohnya melaksanakan latihan kemahiran bersiri bulanan atau mingguan dengan fokus kepada minat remaja dan belia serta kumpulan terfokus masa kini.

Selain daripada itu, kita mewujudkan talian kasih bagi memudahkan remaja belia dan ibu bapa untuk mendapat khidmat nasihat dan panduan atas isu yang berkaitan seperti aspek sosial, ekonomi, pendidikan dan agama. Dan kita juga melibatkan NGO secara aktif supaya mereka juga menyokong dan membantu pelaksanaan program. Kita juga telah mewujudkan unit gejala sosial negeri Selangor secara khas untuk berfungsi sebagai penyelaras dan menyelenggara setiap program yang dirancang secara agresif dan bersepadu. Di sini saya nak tekankan di

mana apabila kita melihatkan secara menyeluruh (*overview*) dengan izin masalah gejala sosial di negeri Selangor ini, kita membuat pembangunan pangkalan data kerana apa yang kita lihatkan ialah datanya adalah terpisah dan tidak menggambarkan masalah sebenar atau keseriusan tahap gejala sosial di negeri Selangor. Maka kita telah meminta sehingga ke akar umbi untuk memberikan kita gambaran yang sebenarnya daripada jawatankuasa kemajuan dan keselamatan kampung daripada persatuan penduduk dan sebagainya supaya kita mendapatkan data tentang semua isu-isu gejala sosial yang berada di seluruh Selangor ini. Dan juga kita membuatkan senarai direktori *support system* yang ada sama ada daripada jabatan-jabatan atau agensi kerajaan mahupun swasta dan NGO *support system* yang boleh membantu kita daripada menangani masalah gejala sosial ini.

Kita juga menyenarai mengenal pasti isu-isu utama gejala sosial. Kita juga menyenarai isu-isu kemiskinan dan jabatan yang boleh membantu kita seperti Jabatan Kebajikan, Lembaga Zakat Selangor. Dan juga isu-isu yang masalah, isu-isu yang boleh menyebabkan atau menyumbang kepada gejala sosial atau menimbulkan lebih parah gejala sosial seperti masalah-masalah orang sakit, OKU, orang dibuang kerja dan sebagainya, anak-anak yang tidak mempunyai sijil lahir ataupun kad pengenalan dan juga kita telah menyenaraikan senarai mereka yang tidak bersekolah. Ada yang juga anak-anak di Selangor ini tidak pernah bersekolah langsung. Jadi, apabila kita telah menyenaraikan isu-isu ini kita juga mengenal pasti jabatan mana, agensi mana atau NGO mana atau persatuan manakah yang boleh membantu. Begitu juga dengan masalah isu rumah di lelong, senarai ibu tunggal, ibu tunggal. Dan kita juga membuatkan satu program di bawah pusat sehenti GEMS atau *one stop GEMS centre* ini di mana semua jabatan dan agensi kerajaan serta jawatankuasa keselamatan dan kemajuan kampung, persatuan penduduk dan juga segala sumber-sumber yang ada, sumber aset-aset yang ada (yang sudah ada) itu kita kenal pasti yang boleh membantu. Kita telah membuatkan jadual tugas di mana mereka ini boleh pergi ke tempat *one stop GEMS centre* ini untuk memberi khidmat seperti kaunseling oleh AADK, oleh Pejabat Agama Islam Daerah.

Begitu juga dengan masalah-masalah yang boleh diselesaikan oleh Lembaga Zakat Selangor, oleh Pejabat Kesihatan dan juga masalah-masalah yang melibatkan PDRM. Kita juga mewujudkan satu mekanisme di mana mereka ini boleh berkumpul (mereka yang bermasalah dan mereka yang berisiko di dalam keluarga yang bermasalah ini) boleh berkumpul dalam dengan izin untuk *sharing* berita-berita, untuk *sharing* masalah-masalah mereka supaya mereka ini boleh mengukuhkan ukhuwah atau hubungan mereka dan juga mereka boleh diwujudkan satu *atmosphere* atau suasana yang positif.

Selain daripada itu juga, kita juga mengenal pasti kumpulan-kumpulan yang boleh memberikan kesan positif kepada mereka seperti mungkin peniaga yang di dalam *neighborhood* atau kawasan kejiranan itu yang berjaya ataupun pesara yang berjaya. Mereka yang mempunyai anak-anak yang sudah berjaya sama ada mereka yang sudah berada di Institusi Pengajian Tinggi ataupun mereka yang memang mempunyai harta kemewahan hasil daripada program-program pendidikan yang boleh dicontohi oleh orang-orang yang bermasalah. Begitu juga kita mekanisme membantu mengatasi masalah gejala sosial juga ialah kita menekankan pengupayaan semua aset-aset komuniti yang sudah ada seperti masjid, seperti surau. Begitu juga dengan Jawatankuasa Keselamatan dan Kemajuan Kampung dan juga PEBT, begitu juga dengan tadika-tadika dan sekolah-sekolah dan kita juga kenal pasti mahasiswa yang melalui Majlis Permuafakatan Mahasiswa Selangor yang sudi memberikan khidmat bakti siswa mereka untuk membantu mereka-mereka ini.

Sebelum itu, YB Speaker. Saya nak sebut sebenarnya saya menjawab soalan bersekali dengan Bangi (107) dan Pelabuhan Klang (175). Dan bagi memastikan keberkesanan program, beberapa tindakan dan langkah telah diambil iaitu dengan menggunakan pendekatan

5P seperti berikut ; pencegahan – program ini dijalankan kepada golongan yang berisiko tinggi yang terdedah kepada masalah sosial seperti remaja, belia dan anak-anak dari pasangan yang mengalami masalah rumah tangga seperti mengadakan kursus jati diri remaja (GEMS).

Kedua, pembangunan dan pemulihan. Dilaksanakan secara berterusan kepada mereka yang telah terjebak dengan gejala sosial dengan sesi kaunseling dan dihantar ke kem pemulihan akhlak. Jawatankuasa Masjid dan JKK, PIBG serta NGO akan dilibatkan secara aktif untuk memastikan pendekatan terapi keluarga seperti Bengkel Keluarga Bahagia.

Ketiga, pencegahan dan penguatkuasaan. Dilaksanakan secara berperingkat dan berdasarkan kepada keperluan dan dilaksanakan oleh jabatan dan agensi yang berkenaan. Program seperti Kempen Anti Zina yang kita telah melibatkan semua PBT, PDRM, RELA dan sebagainya dan juga NGO-NGO di bawah Majlis Agama Islam Selangor.

Ketiga, mewujudkan mekanisme khusus yang menumpukan usaha membanteras masalah gejala sosial ini secara terancang, tersusun kemas dan efektif. Dan juga kita telah bertuah dan kita bernasib baik di mana ramai di antara aktivis-aktivis sosial yang memang sebegitu rimas dan begitu lemas melihatkan masalah gejala sosial yang begitu banyak ini telah sudi menawarkan diri untuk bersama-sama kita di dalam program-program ini. Sejauh manakah keberkesanan dan kejayaan untuk mengatasi masalah ini?

Saya ingin nak menyatakan di sini bahawa kita telah mengadakan *road show* (dengan izin) ataupun jelajah GEMS ke seluruh negeri Selangor di mana ianya dengan izin adalah *wake up call*. Keberkesanannya belum boleh dilihat dengan ketara kerana kita masih dalam kempen menyedarkan seluruh pimpinan sama ada daripada peringkat tertinggi sehinggalah peringkat di dalam kampung, di peringkat setempat, PIBG dan sebagainya bahawa masalah gejala sosial adalah memerlukan penglibatan dan peranan yang aktif dan proaktif yang perlu dimainkan oleh semua pihak. Jadi, apa yang kita telah adakan di mana pelaksanaan GEMS, kita yang di antaranya ialah tiga siri program-program anti zina yang kita adakan di seluruh daerah di negeri Selangor di mana mungkin ini sedikit sahaja statistik yang saya boleh katakan untuk tahap ini. Kita akan melihat secara menyeluruhnya dan kita merancang dalam R&D kita di mana apa yang kita adakan ini adalah secara holistik dan menyeluruh, bukan hanya berperingkat *one off program* sahaja kerana itu sudah tentu tidak akan menjayakan apa yang kita mengatasi masalah ini.

Jadi, Kempen Anti Zina 1 yang diadakan di seluruh Selangor pada 31 Ogos 2010. Siri 1 tiada tangkapan. Kawasan yang kita adakan adalah di Petaling. Kempen Anti Zina Siri 2 ada 135 kes tangkapan di semua 9 daerah, Anti Zina Siri 3 81 kes tangkapan yang kita adakan di seluruh 9 daerah. Berdasarkan statistik di atas menunjukkan bahawa jumlah kes penangkapan bagi kes berkaitan dengan jenayah syariah mencatatkan penurunan iaitu daripada 135 - malam tahun baru (1 Januari 2011) dan *valentine* - 81 kes. Hal ini membuktikan pelaksanaan Kem Anti Zina telah memberikan sedikit sebanyak satu impak kepada masyarakat mengenai bahaya zina kepada masyarakat khususnya dan amnya kepada negeri Selangor. Walau bagaimanapun, statistik Kempen Anti Zina 1 menunjukkan tiada tangkapan direkodkan kerana Kempen Anti Zina 1 merupakan satu permulaan dan hanya pencegahan dilakukan di mana risalah mengenai bahayanya zina diedarkan kepada masyarakat di daerah Petaling.

Yang kedua, kejayaan jawatankuasa menangani gejala sosial di negeri Selangor (GEMS) ini sedikit sebanyak (saya bukan mengatakan ini menunjukkan semua disebabkan oleh GEMS tetapi ia sedikit sebanyak) menyumbang kepada statistik Polis Diraja Malaysia dengan kadar jenayah secara keseluruhan di negeri Selangor yang stabil dan terkawal. Berdasarkan *indicator* indeks jenayah yang menunjukkan penurunan 8.38% dari 1 Januari 2011 sehingga 7 Jun 2011.

jadi hal ini membuktikan kempen kesedaran serta pengupayaan kolektif komuniti dalam jelajah GEMS yang melibatkan Majlis Dialog GEMS dengan penyertaan semua pimpinan tertinggi di setiap daerah di negeri Selangor yang terdiri daripada Pegawai Daerah, ketua jabatan / agensi kerajaan, ADUN, penyelaras Pusat Khidmat Masyarakat, penghulu, ketua kampung, AJK masjid, penggerak belia tempatan, ketua komuniti termasuklah Polis Diraja Malaysia, AADK, jabatan kebajikan, kesihatan dan sebagainya telah memberi kesedaran kepada masyarakat mengenai bahayanya gejala sosial dan pentingnya mencegah dan menanganinya.

Apakah halangan yang dihadapi bagi melaksanakan yang dihadapi bagi menangani gejala ini? Jadi di antara halangan yang kita terpaksa hadapi ialah pertamanya daripada bidang kuasa yang kita terhad. Di mana masalah bidang kuasa yang terbatas menyebabkan sesetengah tindakan perlu mendapat kebenaran daripada pihak yang bertanggungjawab dan perlu mengambil masa yang panjang. Kita perlu bekerjasama dengan Polis Diraja Malaysia dan daripada Jabatan Imigresen, daripada RELA sekiranya kita mengambil operasi atau tindakan-tindakan di mana kita mendapat aduan daripada pihak orang kampung, daripada rakyat tentang masalah-masalah yang boleh mencetuskan gejala sosial atau memang sudah ada wujudnya masalah-masalah seperti itu (perjudian, dadah, port maksiat dan sebagainya).

Kedua, kewangan yang terhad. Peruntukan kewangan yang terhad menyebabkan program-program menangani gejala sosial di Selangor terpaksa dilaksanakan secara berperingkat. Sebab itu, sekarang ini kita hanya di pilot projek atau projek perintis. Yang ketiga, di mana ketua jabatan dan agensi di bawah pusat mungkin bermasalah sedikit daripada segi inersia atau mungkin tidak boleh memberikan komitmen yang sepenuhnya sehingga kita boleh bergerak lancar dan licin. Yang keempat, inersia daripada peringkat masyarakat itu sendiri kerana kejahilan pelbagai golongan, kejahilan daripada segi agama, kejahilan daripada segi ilmu dan kemahiran pihak-pihak yang sekarang ini berdepan dengan masalah gejala sosial. Misalnya, bagaimana mahu bertindak sekiranya mereka ini terserempak dengan mereka yang melakukan gejala sosial. Sebab itu, insyallah di dalam salah satu perancangan kita ialah kita akan bekerjasama dengan Fakulti Sains dan Sosial UNISEL (Universiti Selangor) di mana kita akan mewujudkan satu pusat pengurusan sistem sosial dan ianya boleh memberikan latihan kepada semua yang bertanggungjawab sama ada secara langsung atau tidak langsung daripada NGO, daripada JKK, daripada pimpinan belia / wanita dan sebagainya. Juga kepada pembuat dasar-dasar dan pelaksana-pelaksana program supaya mereka memahami apakah itu masalah sosial, apakah itu sistem sosial yang berkesan. Sekian.

TUAN SPEAKER : Paya Jaras.

YB DATO' IR. MUHAMMAD BUSHRO BIN MAT JOHOR : Tuan Speaker, soalan 27.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
YB DATO' MUHAMMAD BUSHRO BIN MAT JOHOR
(PAYA JARAS)**

TAJUK : **BANTUAN UNTUK KAWASAN SUNGAI BULOH**

27. Kerajaan Persekutuan telah mengumumkan cadangan menjadikan kawasan Rubber Research Institut (RRI) Sungai Buloh sebagai hab baru pembangunan Lembah Kelang.

Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar :

- a) Apakah pandangan Kerajaan Negeri berhubung dengan cadangan tersebut?
- b)

- c) Apakah Kerajaan Negeri mempunyai idea pembangunan lain bagi kawasan Sungai Buloh?
- d) Adakah Kerajaan Negeri bersedia bekerjasama dengan Kerajaan Persekutuan untuk membangunkan hab berkenaan?

YAB DATO' MENTERI BESAR: Terima kasih Dato' Speaker. Paya Jaras membangkitkan persoalan mengenai kawasan Rubber Research Institut Sungai Buloh yang dikenal pasti oleh Kerajaan Persekutuan sebagai satu hab pembangunan baharu untuk Lembah Kelang. Kerajaan Negeri Selangor mengambil pendirian proaktif, maknanya kita bersedia untuk mendengar. Kedua untuk bersama-sama merancang pembangunan di sini kerana ini satu pembangunan yang besar yang melibatkan kawasan lebih 3,334 ekar dan melibatkan dua kawasan Pihak Berkuasa Tempatan; iaitu 1,482 ekar dalam pengelolaan Majlis Bandaraya Shah Alam dan 1,852 ekar dalam penguasaan Majlis Bandaraya Petaling Jaya. Saya sudah mendengar taklimat awal oleh pihak Kumpulan Wang Simpanan Pekerja yang merupakan pelabur utama dalam rancangan ini. Buat masa ini kita sudahpun meluluskan satu projek awal supaya syarikat Prasarana Negara Berhad membangunkan depoh MRT Mass Rapid Transit di Sungai Buloh di atas tapak 161,713 ekar dan rancangan-rancangan lain masih belum disediakan secara terperinci dan apabila ia berlaku ia dijangka diserahkan kepada Kerajaan Negeri untuk di bincang dan jika sesuai ia dipersetujui oleh pihak Perancang Negeri Selangor.

Jadi, adakah Kerajaan Negeri mempunyai idea pembangunan kita juga akan bersama-sama menyertai perbincangan pembangunan tersebut apabila pembentangan dibuat dalam Majlis Perancangan Negeri Selangor? Adakah Kerajaan Negeri bekerjasama dengan Kerajaan Persekutuan? Jawapannya ya dan saya telah menyatakan saya juga jadi ahli Jawatankuasa Pembangunan Greater Kuala Lumpur dan saya juga memastikan supaya seorang Ahli EXCO bersama-sama dalam usaha ini supaya kita dapat mempercepat dan memperkemas program pembangunan ini. Terima kasih.

YB TUAN SPEAKER: Sungai Pelek.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
YB TUAN YAP EE WAH.
(SUNGAI PELEK)**

TAJUK: BIASISWA IPT KERAJAAN NEGERI

28. Bertanya kepada YAB Dato' Menteri Besar:

- a) Berapa orang pelajar telah berjaya memperoleh tawaran Biasiswa IPT Kerajaan Negeri Selangor?
- b) Adakah pemberian biasiswa IPT mengikut kuota kaum atau berdasarkan meritokrasi?

YB. PUAN DR. HALIMAH BT ALI: Terima kasih kepada Sg. Pelek Sg. Pelek bertanya berapa pelajar telah berjaya memperoleh tawaran Biasiswa IPTA Kerajaan Selangor. Saya nak sebutkan kepada YB Sg. Pelek, Kerajaan Selangor mempunyai *accountability loan* maknanya pinjaman yang boleh ditukarkan kepada biasiswa sekiranya CGPA melebihi point 3.75 itu dia akan jadi biasiswa. Jadi setakat 31 Disember 2010 seramai 13,358 orang peminjam melibatkan

pinjaman sebanyak RM 118.7 juta telah dibiayai oleh Kerajaan Selangor dan soalan kedua Sg. Pelek ialah adakah pemberian biasiswa IPT mengikut kuota kaum atau berdasarkan meritokrasi. Saya anak sebutkan di sini segala yang diadakan diberikan oleh Kerajaan Negeri Selangor hanyalah berdasarkan meritokrasi tidak adapun kita sebutkan tentang kuota kaum. Jadi tidak ada masalah langsung tidak timbul tidak wujud di dalam Kerajaan Negeri Selangor masalah diskriminasi kaum. Sekian, terima kasih.

YB TUAN SPEAKER: Teluk Datuk.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
YB. TUAN PHILLIP TAN CHOON SWEE
(TELOK DATUK)**

TAJUK : PROGRAM JOM KE SUPERMARKET

29. Bertanya kepada YAB Dato' Menteri Besar:

a) Sila jelaskan program ini dengan terperinci.

YB PUAN RODZIAH BT ISMAIL: Terima kasih Telok Datuk, tentang isu ke Supermarket ataupun sekarang dikenali sebagai Jom *Shopping*, Teluk Datuk mohon supaya program ini dijelaskan terperinci untuk makluman semua YB Mesyuarat Kerajaan Negeri telah pun bersidang pada 30 Jun yang lepas telah bersetuju melaksanakan program Jom Shopping ini dan golongan sasaran bagi program ini adalah warga emas umur 60 tahun ke atas dan telah mendaftar melalui Sistem Skim Usia Emas atau pun yang belum mendaftar boleh berbuat demikian. Dana awal bagi program ini adalah sebanyak RM 5 juta yang akan dibiayai oleh Kumpulan Semesta Sdn. Bhd. Dan disalurkan melalui Menteri Besar Incorporated. Kalau saya boleh kongsi bahawa tujuan program Jom Shopping ini bukan sahaja untuk memastikan golongan warga emas ini boleh berbelanja dan kupon yang diberikan ialah sebanyak RM100.00 tetapi kita mahu skim ini juga membolehkan kebanyakan warga emas yang sekarang ini rata-rata kita lihat masa mereka kebanyakannya di dalam rumah. Jadi kita mengharapkan dengan program Jom Shopping ini mereka bolehlah bersosial ataupun keluar dengan pimpinan kawasan ataupun pihak-pihak yang menguruskan program ini untuk mereka bersama-sama mengeluarkan ataupun pergi ke tempat pasaraya yang telah ditentukan untuk shopping dengan ini kita mengharapkan bahawa mereka telah dapat diberikan ruang untuk berjalan ataupun kita membuat satu program untuk membeli belah ini sekali. Jadi kalau ikutkan program ini insya Allah akan dimulakan pada 15 Julai ini akan dirasmikan oleh Dato' Menteri Besar sendiri di Kuala Selangor dan konsepnya adalah mereka yang telah mendaftar ini akan dihubungi oleh pihak Pusat Khidmat dan mereka yang bersetuju untuk terlibat ini akan berkumpul dan dibawa ke tempat pasaraya yang telah ditentukan. Jadi mereka dibawa ke pasaraya tersebut dan pihak pasaraya yang telah bersetuju bersama dalam program ini adalah Pasaraya Tesco, Econsave dan juga Giant Supermarket. Jadi di situ mereka akan dikumpulkan dan akan bersama-sama dengan pimpinan kawasan juga bersama keluarga mereka yang ingin turut serta bagi tempat-tempat yang out skirt ataupun jauh mereka akan dibawa melalui bas. Bas-bas ini akan disediakan oleh pihak PBT dan memandangkan kita membuat apa ni mekanismenya untuk yang jauh-jauh ni melalui bas jadi kita kena memastikan bahawa jumlah bas yang disediakan mencukupi. Jadi ada PBT-PBT yang tidak mempunyai bas mungkin bekerjasama dengan Pejabat Daerah dan agensi-agensi lain untuk turut serta dalam program ini. Dan seterusnya program ini sampai di sana nanti mereka akan pergi berbelanja mengikut apa keperluan yang mereka rasa mereka perlukan. Maknanya tidak ada satu sekatan barang-barangan yang boleh

dipilih mereka akan pergi dan memilih barangan sendiri dan akhirnya akan pulanglah dan kita akan hantar balik pulang. Tetapi saya mengambil kesempatan ini Tuan Speaker untuk menyatakan bahawa program ini kita tidak memaksa kepada warga emas yang tidak mampu ataupun tidak di sudut fizikalnya ataupun ada keuzuran. Ya, jangan paksa, maknanya kalau yang uzur tu janganlah pula kita bawa mereka naik bas kita mengharapkan baucer RM 100.00 ini kita dapat tanya bagi pihak beliau apakah barangan-barangan keinginan warga emas ini hantar barang ini ke rumah mereka. Jadi kita tidak ada paksaan yang uzur itu jangan kita paksa untuk turut serta nanti akan datang mudarat yang lain. Jadi kebimbangan tentang kos yang terlibat ialah sebanyak RM 5 juta dan satu perkara yang saya agak gembira bahawa pihak-pihak pasaraya yang mahu terlibat ini juga telah memberi komitmen untuk memberikan CSR mereka iaitu di tempat itu nanti mereka akan meraikan juga warga emas dan dengan menyediakan sedikit jamuan ringan dan sedikit cenderahati daripada pihak pasaraya. Jadi itu jawapan daripada saya Tuan Speaker.

YB TUAN SPEAKER: Teluk Datok.

YB PHILLIP TAN CHOON SWEE: Berapakah kos anggaran untuk program ini?. Yang kedua, adakah program ini dijalankan berterusan setiap tahun atau "one off" dengan izinnya.

YB. PUAN RODZIAH BT ISMAIL: Seperti mana yang telah diumumkan bahawa program ini adalah program "one off" ya, maknanya ianya tidak melibatkan peruntukan yang telah sedia ada di bawah skim kematian 2005 itu. Ini adalah duit lain, duit daripada Semesta Sdn. Bhd. Keuntungan Semesta Sdn. Bhd. Sebanyak RM 5 juta dan kita lihat kalau bandingan kepada jumlah yang telah mendaftar sekarang ini telah hampir 170,000 warga emas itu kalau perlu tambahan ini pihak kerajaan telah pun bersetuju untuk memperuntukkan RM 5 juta ke RM 10 juta ya perkara ini. Ini adalah satu program "one off" dan ianya tidak berterusan mungkin tahun depan sebagaimana Dato' Menteri Besar sebutkan pada awal ucapan beliau bahawa tahun depan mungkin kita bincang program lain pula. Sekian.

YB TUAN SPEAKER: Kampung Tunku.

YB TUAN LAU WENG SAN: Terima kasih Tuan Speaker, kami menyambut baik cadangan daripada Kerajaan Negeri ini, soalan saya ialah kalau kita memerhati perlaksanaannya rata-ratanya secara kasar perlaksanaannya adalah agak birokratik. Jadi saya ingin bertanya adakah Kerajaan bersedia untuk menerima cadangan bahawa kelonggaran diberi kepada ADUN-ADUN untuk menjalankan program ini kerana saya lihat kalau kita lihat apa angka yang kita mencapai setiap DUN kalau di kawasan saya 3,000 orang warga usia emas yang telah berdaftar kalau satu bas hanya boleh menampung paling maksimum 40 orang saya tak tau sampai bila baru habis pemberian kupon ini. Jadi saya bercadang adakah YB juga menerima cadangan aya supaya kelonggaran diberi kepada ADUN mungkin kupon ini boleh diberi kepada ahli, penjaga ataupun penama dia dan apabila mereka datang ambil kupon mereka boleh isi satu borang akuan mereka akan menggunakannya di mana bila sahaja mereka nak beli, bila mereka nak beli itu terpulang kepada ahli atau ahli keluarga mereka. Apakah pendapat YB.

YB. PUAN RODZIAH BT ISMAIL: Saya faham tentang apa yang di consent oleh Kampung Tunku tetapi program ini pada asalnya adalah untuk memastikan bahawa pemimpin kawasan bersama-sama dengan warga emas untuk turun dan membantu warga emas ini untuk membolehkan mereka ke pasaraya. Jadi program ini kita dahulukan kepada mereka yang ingin terlibat. Maknanya kalau boleh saya jelaskan sedikit prosesnya adalah daripada Pusat Khidmat sendiri yang dibantu oleh Rantai Mesra Sdn. Bhd. Yang menguruskan Skim Warga Emas ini Pusat Khidmat akan menghubungi pihak warga-warga emas yang dalam list Pusat Khidmat dan mereka boleh bertanya sama ada sekian-sekian tarikh ditetapkan untuk kita bawa mereka ke

Jom Shopping ini ke pasaraya-pasaraya ditentukan. Tetapi kalau pihak tersebut tidak mahu terlibat kita akan bagi peluang kepada mereka yang nak terlibat sahaja. Jadi maksudnya isu ini kita tidak ada birokrasi maknanya proses itu hanya kita mohon supaya Pusat Khidmat memantau dan memastikan bahawa warga-warga emas ini tidak ketinggalan dan pastinya ianya tidaklah orang kata membebankan kerana bagi mereka yang tidak boleh terlibat kita kata tak apa kita bagi kepada yang terlibat bagi mereka yang uzur kita akan pastikan mereka tidak ketinggalan untuk pergi sendiri ke rumah mereka untuk kita hantarkan barangan yang telahpun dipersetujui untuk di ambil ataupun dibeli oleh warga emas tersebut. Jadi bagi saya birokrasi ini sebenarnya kalau diikutkan kita telah separuh daripada program ini telah boleh diselesaikan disebabkan *data base* semua telah ada sedia. Maksudnya saya Pusat Khidmat telah tahu siapakah warga emas yang mendaftar sepertimana Kampung Tunku kata tiga ribu lebih ada di dalam kawasan tetapi mungkin dengan proses ini kita memberi jadual itu sendiri mereka akan pasti boleh menyusun program ini dengan baik. Saya rasa program ini tidak jauh bezanya dengan program skim memogram percuma yang telah kita buat, program percuma kepada wanita yang telah kita buat prosesnya agak mudah kita hanya perlu menyediakan peserta dan pihak peserta itu akan di bawa. Tetapi kita yakin bahawa program ini kalau di tempat-tempat bandar ianya tidak memerlukan pengangkutan bas untuk ke tempat itu. Pihak peserta boleh dikumpulkan di pasar raya tersebut bersama-sama dengan ADUN untuk pergi. Kenapa kita tak bagi terus kupon-kupon ini kepada semua yang mendaftar kerana saya tidak mahu ianya berlakunya ketitisan ataupun pihak yang sepatutnya pergi sendiri dan dapatkan barangan itu ketitisan ataupun digunakan oleh di pihak-pihak lain. Jadi itu masalahnya dan saya dapati bahawa taklimat itu yang lepas mengatakan bebanan kepada Pusat Khidmat itu adalah saya rasa sepatutnya Pusat Khidmat sepatutnya rasa terpenggil dan seronok bersama-sama dengan warga emas. Pada saya belanja sahaja isu kebersamaan itu yang kita nak cadangkan. Terima kasih.

TUAN SPEAKER : Batu Caves.

YB TUAN AMIRUDIN BIN SHARI : Jadilah terakhir. Soalan nombor 30.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
YB TUAN AMIRUDIN SHARI
(BATU CAVES)**

TAJUK : PEMERIKSAAN SKIM PERUBATAN WANITA SELANGOR / MAMMOSEL

30. Bertanya kepada YAB Dato' Menteri Besar :

- a) Berapa ramai penyertaan skim tersebut? Sila pecahkan mengikut kawasan DUN / Parlimen
- b) Berapa banyak yang telah dibelanjakan untuk skim tersebut sehingga Mei 2011

YB PUAN RODZIAH BINTI ISMAIL : Terima kasih Batu Caves saya lagi menjawabnya. Soalan yang dikemukakan adalah pemeriksaan skim perubatan wanita Selangor iaitu berapa ramaikan penyertaan skim tersebut. Jadi kalau kita lihat bahawa skim ini telah dimulakan pada 6 November 2010 yang lepas dan sehingga kini yang berdaftar sehingga Mei, 30 Mei 2011 seramai 8225 wanita telah menyertai skim kesihatan ini dan untuk Batu Caves, Batu Caves telah menghantar seramai 217 wanita untuk membuat pemeriksaan mammogram percuma. Tentang soalan yang kedua berapa banyakkah yang telah dibelanjakan untuk skim ini.

Kerajaan Negeri Selangor telah membelanjakan sebanyak 787,440 ringgit bagi rawatan seramai 8225 orang dalam tempoh tujuh bulan ini. Itu saja sekian.

TUAN SPEAKER : Masa pertanyaan telah tamat. Silakan Setiausaha. Sekarang saya mempersilakan YAB Dato' Menteri Besar untuk membawakan usul.

YAB DATO' MENTERI BESAR : Dato' Speaker dan Ahli-Ahli Yang Berhormat. Saya ingin membawa satu usul yang berbunyi seperti berikut:

“ Bahawasanya Dewan yang bersidang pada hari ini mengikut Peraturan 11 dan Peraturan Tetap Dewan Negeri Selangor hendaklah ditangguhkan supaya ramai rakan-rakan kita boleh dapat mengambil masa untuk menziarahi keluarga Allahyarham Raja Aziz Addruse yang meninggalkan kita dan kita sambung persidangan ini pada hari ini pada jam 2.30 petang.

YB PUAN TERESA KOK SUH SIM: Tuan Speaker saya menyokong.

TUAN SPEAKER: Ahli-Ahli Yang Berhormat sekalian, usul ini telah pun disokong, saya kemukakan untuk mendapatkan persetujuan. Ahli-Ahli Yang Berhormat yang bersetuju sila kata ya. Ahli Yang Berhormat yang tidak bersetuju sila kata tidak. Usul dipersetujui. Dengan ini saya menangguhkan dewan sehingga 2.30 petang. Dewan ditangguhkan.

(Dewan ditangguhkan pada jam 11.43 pagi)

(Dewan disambung semula)

(Tuan Speaker mempengerusikan mesyuarat)

TUAN SPEAKER : Dewan di sambung semula.

SETIAUSAHA DEWAN : Aturan urusan mesyuarat seterusnya usul No.12 Tahun 2011 Usul di bawah peraturan tetap 26 Perenggan 1 oleh YB Kota Alam Shah.

YB TUAN MANOHARAN A/L MALAYALAM : Terima kasih Tuan Speaker. Saya ingin membawa usul No.12 Tahun 2011 usul di bawah peraturan tetap 26 Perenggan 1. Usul berbunyi seperti berikut. Bahawasanya Dewan yang mulia ini dengan serta merta mengutuk dan membantah sekeras-kerasnya tindakan Persekutuan yang telah gagal atau enggan untuk membina jambatan ke 3 di Klang bagi mengatasi kesesakan jalan raya walaupun ia telah dijanjikan oleh Kerajaan Persekutuan semasa kempen pilihan raya ke 12 pada tahun 2008 sebagai janji-janji pilihan raya mereka. Tuan Speaker pemimpin dan kerajaan yang bertanggungjawab akan sentiasa menunaikan janji pemimpin Kerajaan Barisan Nasional tidak termasuk dalam golongan ini mereka telah mengabaikan janji untuk membina jambatan ke 3 di Klang yang dilafazkan pada pilihan raya yang ke 12 pada tahun 2008. Tuan Speaker pada Mac 2008 bekas Menteri Kerja Raya Dato' Seri S. Samy Veelu dan bekas Menteri Besar Selangor Ahli Berhormat Sungai Panjang telah bersama-sama melancarkan projek pembinaan jambatan yang ke 13 di Klang, tetapi sehingga ke hari ini tiada sebarang tanda yang projek RM 240 juta itu akan dilaksanakan. Ada desas desus mengatakan projek ini diketepikan susulan kepada kekalahan Barisan Nasional untuk menerajui Kerajaan Negeri Selangor. Tuan Speaker jika ini benar sikap pemimpin Barisan Nasional tidak ubah dari perangai kanak-kanak yang cepat merajuk dan juga memaparkan sikap negatif Barisan Nasional ingin membalas dendam terhadap rakyat Selangor yang telah memilih Pakatan Rakyat sebagai Kerajaan yang baru. Ada juga penspekulasi Tuan Speaker bahawa ada projek ini merupakan projek zaman Pak Lah sama dengan projek-projek Koridor Era itu yang telah diketepikan dan pupus dari ingatan orang ramai. Menurut cadangan asal projek jambatan yang panjangnya 2.5 kilometer kita sepatutnya ada 4 jejambat atau *flying over*. Jambatan tersebut sepatutnya *completement* jambatan Kota dan jambatan Musaddin dengan menyambungkan ke jalan pasar tepi sungai dan juga Jalan Meru dan Jalan Kapar dengan Jalan Sg. Bertik. Selepas sekian lama orang awam menikmati perjalanan yang selesa jejambat di Persiaran Sultan Ibrahim disiapkan. Tetapi saya risau beberapa lama lagi keadaan ini akan berterusan perkembangan pesat penduduk di Klang. Orang ramai tidak sedar penduduk jumlah 1 juta di Klang merupakan hampir 2/3 daripada jumlah penduduk Kuala Lumpur. Tuan Speaker ada beberapa pusat bandar baru yang telah dibina didirikan di beberapa tahun dan kebelakangan ini lebih-lebih lagi akan dibina. Justeru itu jambatan ke 3 ini penting untuk mengelakkan kesesakan jalan raya pada masa hadapan. Perjalanan pada masa ini selesai tetapi situasi akan pasti berubah di masa depan. Jambatan ke 3 ini juga akan menyalurkan mengelakkan trafik dari memasuki bandar Klang sebab trafik yang menunjuk ke Klang Selatan dari Jalan Kapar, Jalan Meru dan NKBE tidak perlu menggunakan jambatan Kota, jambatan Musaddin. Begitu juga pemandu dari Klang Selatan yang menunjuk ke Jalan Kapar Jalan Meru Jalan Kuala Selangor dan NKBE akan menjalani perjalanan selesai dengan menggunakan jambatan itu Kuala Selangor dan NKBE akan menjalani perjalanan selesai dengan menggunakan jambatan ke 3. Tuan Speaker semasa dalam soal jawab di Parlimen tahun lepas penjelasan telah diutarakan bawah kerajaan pusat tidak ada dana atau peruntukan untuk melaksanakan projek ini. Tetapi kita juga telah diberitahu pada sesi lepas bahawa jumlah RM48 juta dibelanjakan setiap tahun untuk membelanjai sewa penyelenggaraan kediaman Perdana Menteri dan Timbalannya. Ada pembaziran besar dari

segi pengurusan wang kerajaan pusat. Mereka di kerajaan pusat harus menutup aliran wang seperti ini dan juga mengelakkan perbelanjaannya tidak menguntungkan serta menghapuskan pembaziran yang menelan berjuta-juta ringgit. Saya mengesyorkan kerajaan khususnya Kementerian Kerja Raya mengemukakan cadangan baru untuk membiayai jambatan ke 3 dan Kementerian Kewangan meluluskannya. Bekas Menteri Kerja Raya dan bekas Menteri Besar Selangor langsung tidak bertanggungjawab untuk tanpa tampil ke hadapan untuk melancarkan projek jambatan ke 3 tersebut 4 hari sebelum pilihan raya yang lepas. Walaupun peruntukan pembiayaan projek belum bersedia. Inilah cara pemimpin BN pancing undi dengan janji-janji kosong dan penipuan. Tuan Speaker kita tidak boleh senang dengan keadaan sedia kala kita harus merancang masa depan. Ada peribahasa ada orang yang tenat hampir mati dahagakan tidak boleh mengali lubang untuk perigi. Peribahasa Melayu menyahut sediakan payung sebelum hujan. Jambatan ini harus dimasukkan ke dalam RMKe10 atau ke dalam *Nasional Ki Area* sama seperti projek sungai demi kehidupan yang bertujuan untuk baik pulih Sg. Klang serta mengindahkannya. Jika kita tidak membuat demikian kesesakan jalan akan timbul semula di bandar Klang iaitu Bandar Diraja bagi di Negeri Selangor jambatan ke 3 bukan lagi suatu pilihan tetapi suatu yang mesti dilaksanakan. Baru-baru ini Tuan Speaker kita telah saya telah terbaca di dalam akhbar yang mengatakan Negeri China telah membina jambatan yang paling besar yang paling terpanjang di dunia 42 kilometer dalam tempoh 4 tahun sahaja. Mana kala di Klang sudah 3 tahun berlalu sehingga ke hari ini kita tidak nampak jambatan ke 3 di Negeri Selangor dan dengan ini saya memohon agar usul ini diterima. Sekian, terima kasih.

TUAN SPEAKER : Ya Sekinchan

YB TUAN NG SUEE LIM : Terima kasih Tuan Speaker. Sekinchan bangun untuk menyokong usul di No.12 Tahun 2011 di bawah oleh Ahli Dewan Negeri kawasan Kota Alam Shah yang mendesak Kerajaan Persekutuan supaya segera membina jambatan ke 3 Klang yang dijanjikan sejak tahun 2008 di mana 3 hari sebelum pilihan raya satu upacara resmi sudah dilancarkan dan diketahui oleh seluruh negara dan seluruh dunia upacara pecah tanah, tanahnya pecah tapi jambatannya tidak nampak oleh bekas mantan Menteri Besar YB dari Sg Pajang bersama teman-temannya secara resmi telah mengadakan upacara tersebut untuk membina mewar-warkan pembina jambatan tersebut membantu pembangunan mengurangkan kesesakan lalu lintas di bandar Klang. Tuan Speaker permintaan ini adalah perlu di ambil perhatian segera oleh Kerajaan Persekutuan memandangkan Klang merupakan satu Bandar Diraja dan Klang juga adalah sebuah bandar perdagangan di mana Pelabuhan Klang terletak berhampiran di Klang dan despotnya. Tumpuan antarabangsa kenderaan lori, treler lalu lalang di Klang melintasi jambatan di Klang yang ada sekarang ini kian hari kian banyak lalu lalang dan saya khuatir dalam masa yang dekat ini jambatan yang sedia ada tidak dapat menampung kenaikan, kesibukan lalu lintas. Maka dengan itu perlu disegerakan projek ini supaya Klang perdagangan dan aktiviti yang dijalankan di Bandar Klang ini dia akan membawa menjana ekonomi Negeri Selangor khasnya Malaysia kerana Selangor merupakan negeri yang menyumbangkan GTP yang tinggi di antara negeri di Malaysia ini. Kalau Selangor aktiviti ekonominya terganggu dan terlewat maka akan terganggu perkembangan ekonomi negara di Malaysia. Ini cukup penting tambahan pula Negeri Selangor adalah membayar cukai rakyat Negeri Selangor membayar cukai yang paling tinggi menyumbangkan cukai yang paling tinggi kepada Kerajaan Persekutuan. Dianggarkan lebih kurang RM20 bilion setahun cukai yang diambil dikutip kepada rakyat Negeri Selangor oleh Kerajaan Persekutuan. Tetapi amat malang cukup malang kerana hasilnya di salur kembali wang yang dikembalikan kepada rakyat Negeri Selangor di sekitar RM300 juta sahaja. Ini adalah tidak adil sama sekali dan tanggungjawab Kerajaan Persekutuan adalah menjaga semua negeri semua rakyat di negeri Malaysia termasuk rakyat di Negeri Selangor. Walaupun di Negeri Selangor sekarang ini diperintah oleh Kerajaan Pakatan Rakyat ini adalah keputusan rakyat wajib Barisan Nasional pihak Barisan Nasional hormat pemilihan

keputusan rakyat bukan menggunakan arena politik sedemikian untuk menghukum rakyat di Malaysia ini. Ini adalah cukup tidak adil kalau perkara ini terus berlanjutan saya memberi amaran rakyat sudah semakin pandai semakin berpendidikan mereka akan bangkit pada pilihan raya akan datang membuat satu keputusan menghukum Barisan Nasional biar terlingkup terus daripada arena politik Malaysia ini kalau menggunakan perkara sedemikian pendekatan sedemikian. Saya memberi amaran awal jangan kita pandang remeh kalau kita adakan pilihan raya apa gunanya kita adakan pilihan raya kalau kerajaan tidak menghormati suara hak rakyat keputusan yang dibuat oleh rakyat mana pilihan raya itu olok-olok sahaja. Dalam sistem demokrasi ini yang kalah harus akur dari peringkat pusat harus menerima mandat yang diberi oleh rakyat mana-mana kita akan melaksanakan mana projek yang wajib disegerakan pasti mesti salurkan wang untuk bina jambatan ke 3 Klang ini bukan sahaja jambatan ke 3 perkara sama berlaku di Sekinchan di Jalan Persekutuan Limau stamen daripada Kapar ke Sabak Bernam dari mana kawasan Sekinchan daripada kilang nanas sampai Balai Bomba Sekinchan sekitar

TUAN SPEAKER : Itu sudah jauh Yang Berhormat kembali ke Klang

YB TUAN NG SUEE LIM : Ia ada sangkut sikit contoh, contoh Tuan Speaker, saya contoh sedikit...

TUAN SPEAKER : Itu jauh sangat.

YB TUAN NG SUEE LIM : Ya, ya. Saya nak tunjukkan mana mereka mendiskriminasikan layanan yang tidak adil terhadap dari segi kepentingan rakyat, ya jadi jalan yang rosak pun tidak mahu diturap, wang diturap kurang dijaga. Ini cara pemikiran sempit mereka. Janganlah kita melakukan kerja-kerja sedemikian, bertaubatlah segera ya hormatilah suara rakyat. Yang Berhormat Tanjung Sepat ya bagi taulah kawan-kawan Ketua Pembangkang, bagi tau Najib Perdana Menteri, bagi tahu Menteri Kerja Raya. Kalau kamu tidak tahu buat, enggak bisa buat, kalau nak ketek tolong undur biar Pakatan Rakyat yang naik untuk kita ambil alih, untuk kita jaga seluruh Malaysia. Inilah saya sokong penuh usul yang dibawa oleh Yang Berhormat untuk tuntutan segera jambatan Klang ketiga dibina untuk kebajikan, kepentingan kebaikan rakyat Negeri Selangor rakyat Klang dan seluruh Malaysia. Sekian, terima kasih Tuan Speaker saya mohon menyokong.

TUAN SPEAKER : Ahli-Ahli Yang Berhormat usul ini telah pun disokong, saya buka untuk dibahaskan. Ya Bangi, sila.

YB TUAN DR. SHAFIE BIN ABU BAKAR : Terima kasih Tuan Speaker, Bangi berdiri untuk menyokong Usul Nombor 12 Tahun 2011 Usul yang dibawa Peraturan Tetap 261 oleh Yang Berhormat Kota Alam Shah. Jadi kalau kita lihat pihak Kerajaan Persekutuan bukan saja ingkar menunaikan janji membina jambatan ketiga di Klang tetapi juga ingkar dan tidak menunaikan janji untuk mendirikan hospital di Shah Alam ini. Sudah dituntut beberapa kali tetapi janji tak pernah ditunaikan. Saya fikir sindrom pendustaan ini berterusan berlaku yang bukan setakat apa ni jambatan Klang, hospital tetapi janji baru ni kita nak mengadakan demonstrasi Bersih untuk diberi stadium untuk kita gunakan juga tidak ditunaikan. Jadi kalau dalam Hadis Rasulullah s.a.w semalam Hadis tak dibenar saudara saya nak bawak, saya bawak hari ini yang semalam. Jadi Hadis Rasulullah s.a.w. *Salasumbang* maaf dalam Bahasa Arab, *salasumbang kunna munafiqan izahaddakazabawa wa izawaada waahlakfa wa iza tumina khona*. RasulAllah s.a.w. menyatakan bahawa tiga jenis tanda orang-orang yang munafik apabila dia bercakap dia dusta, apabila dia berjanji dia tak tunaikan janji dan apabila dia diberi amanah dia khianatkan amanah. Saya nampakkan ketiga-tiga ini ada dalam apa ini

Kerajaan Persekutuan ni tidak apa ni berdusta, tidak menunaikan janji dan diberi amanah tidak ditunaikan amanah.

YB TUAN MAT SHUHAIMI BIN SHAFIEI : Nak mencelah sikit. Nak mencelah sikit.

YB TUAN DR. SHAFIE BIN ABU BAKAR : Sila, sila.

YB TUAN MAT SHUHAIMI BIN SHAFIEI : Terima kasih Yang Berhormat Speaker. Tadi saya tertarik dengan apa yang disebut oleh Yang Berhormat Bangi berkenaan dengan tiga tanda-tanda orang yang munafik. Jadi soalan saya kepada Yang Berhormat Bangi, apakah istilah kepada kepimpinan Kerajaan Pusat kalau tiga-tiga ciri itu dah ada nak sebut perkataan apa yang sesuai untuk digelarkan kepada mereka.

YB TUAN DR. SHAFIE BIN ABU BAKAR : Hadis itu merumuskan kesemuanya dalam istilah munafik, jadi barangkali istilah itu sahajalah yang kita gunakan pada PM sendiri dan juga Pegawai-Pegawai di bawahnya yang tidak menunaikan janji dan apabila diberi amanah dia khianat, apabila bercakap dia dusta jadi ketiga-tiganya ada sebab itu sesuai dipanggilkan dia munafik tapi kita jangan bimbang segala elemen kedustaan ini kita himpun semua dan kita akan bawa kepada rakyat tentang bagaimana janji-janji yang telah dibuat oleh pemimpin Kerajaan Persekutuan terhadap Selangor dia tak tunaikan janji. Ya, jadi mereka ini ertinya semacam berdendam ya, dendam ini juga Rasulullah s.a.w ada berkata yang bermaksudnya *al hassadu yak kululhasanad kama taqkullnaq kamaltakkulnaq al hataq* maknanya orang hasad ni macam api membakar dalam sekam, jadi begitu lah ertinya kedustaan yang dibuat akan membakar Kerajaan Persekutuan sendirilah yang Insya-Allah akan runtuhlah kerana mereka sendiri menghimpunkan kayu-kayu pendustaan supaya membakar diri mereka sendiri. Jadi kita seharusnya mengambil iktibar daripada apa yang dilakukan oleh Kerajaan Pusat ni supaya tidak terjadi kepada Negeri Selangor dan alhamdulillah kita akan menunaikan apa yang kita janji dan insya-Allah rakyat akan menilai kita dari segi kesungguhan kita, janji yang kita tunai dan amalan yang kita buat yang boleh menjadi contoh tauladan kepada negeri yang lain sendiri. Saya terima benda ini tentang majalah ni, saya rasa bangga sekali bila tengok ertinya Dewan Undangan Negeri kita ada dalam majalah ini. Ini menandakan kepercayaan apa dia ni Parlimen peringkat dunia terhadap Negeri Selangor terutama dari segi ketelusan. Kita memang mengamalkan ketelusan. Dalam gambar ni nampaknya gambar ADUN Sekinchan nampak memang ada dalam ini, Bangi adalah sikit. Ini mencerminkan penghormatan dunia terhadap Dewan kita yang begini bermutu dan bersifat amanah. Kalau tidak, tidak diberi tempat yang sebegini mulia Tuan Speaker. Sekian terima kasih.

TUAN SPEAKER : Ya, Hulu Klang. Silakan.

YB TUAN HAJI SHAARI BIN SUNGIB : Terima kasih Tuan Speaker memberi peluang saya mengambil bahagian. *Bismillahi rahmani rahim*. Saya ingin tarik perhatian Dewan yang mulia ini tentang janji-janji yang telah dibuat oleh mantan Menteri Kerja Raya bukan hanya dinyatakan bahawa peruntukan itu telah diluluskan tapi beliau menyatakan dalam satu majlis pelancaran yang dihadiri sendiri oleh mantan Menteri Besar pada masa itu yang disiarkan secara besar-besaran dalam Bernama bahawa segala reka bentuk telah selesai, jambatan boleh dibuat pada bulan Julai 2008. Bukan sahaja itu maknanya kalau jambatan itu dibuat pada tahun 2008 setahun rakyat Selangor sudah dapat menikmati jambatan itu kalau dibuat tapi ini adalah janji-janji kosong dan setakat yang bukan hanya dia berkata tentang jambatan ketiga bahkan Menteri Kerja Raya pada masa itu mengisytiharkan bahawa rancangan untuk membuat jambatan ke empat sudah pun dibuat iaitu menyambungkan Lebuhraya Pantai Barat ke Bandar Klang secara terus. Jadi ini ada kaitan dengan demokrasi kerana apa yang dinyatakan diamalkan oleh Kerajaan BN adalah janji-janji kosong yang hanya menggula-gulakan pengundi

setiap kali pilihanraya dan setiap kali pilihanraya lebih Parlimen dibubarkan maka lebih banyak lebih rancak janji-janji yang dibuat oleh BN kepada rakyat dan ini menyalahi amalan demokrasi bertaraf dunia. Kita bangga bahawa Dewan Negeri Selangor dengan meluluskan FOI telah dibuat liputan dalam majalah The Parliementarial yang bertaraf dunia tetapi kita amat sedih kerana di Malaysia ini sebagaimana yang dimaklumkan bahawa demokrasi tidak hidup dan tidak subur patutnya *care taker government*. Amalan ini akan menghalang mana-mana kerajaan yang sedang memerintah apabila telah diisytiharkan pembubaran parlimen untuk tidak mengadakan janji-janji dan ini akan memberikan peluang yang adil bagi rakyat untuk menyahut membuat pilihan yang tepat. Selaras dengan usul yang telah kita luluskan, tentang Bersih, tentang hak Kerajaan Negeri memanfaatkan kemudahan-kemudahan awam di bawah stadium, dewan-dewan di bawah Kerajaan Negeri, saya ingin juga menghubungkan dengan apa yang disebut oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar dalam satu majlis di Klang pada bulan Jun yang lepas iaitu menyeru rakyat di Klang untuk membuat kempen besar-besaran menuntut agar jambatan ketiga ini dibina. Jadi ini saya nak *combine* demokrasi, hak rakyat, seruan Menteri Besar untuk membuat menyeru rakyat mengadakan kempen besar-besaran so saya mencadangkan MPK Majlis Perbandaran Klang secara rasmi menggerakkan kempen menuntut jambatan ke tiga dibina dan kempen ini diadakan setiap hari Sabtu dengan menggerakkan kakitangan awam, rakyat awam, orang ramai untuk berhimpun di kawasan jambatan tersebut dengan memakai baju kuning. Jadi maknanya kita gabungkan usul yang telah diluluskan semalam dengan seruan Menteri Besar dan hak rakyat untuk menuntut hak mempunyai jambatan ketiga. Jadi saya mohon untuk menyokong usul ini. Terima kasih.

TUAN SPEAKER : Ya, Kampung Tunku.

YB TUAN LAU WENG SAN : Terima kasih.

TUAN SPEAKER : Ini jambatan Klang ni banyak minat ni yang bukan orang Klang. Jambatan ini kawasan saya. Sila Kampung Tunku.

YB TUAN LAU WENG SAN : Kami membantu Tuan Speaker untuk menyampaikan hasrat bukan sahaja Sungai Pinang tapi Klang dan juga rakyat Selangor walaupun saya bukan orang Klang, saya bukan saya tidak menetap di Klang, kawasan saya bukan pun di Klang tapi saya rasa ini adalah berkenaan dengan *survivor* ataupun masa depan politik, masa depan ekonomi Negeri Selangor dan juga Malaysia. Kalau kita lihat fakta-fakta sekali pantas di Klang amat menakjubkan, bilangan penduduk di bawah Majlis Perbandaran Klang ialah satu juta seratus tiga belas ribu orang iaitu yang ketiga terbanyak di Malaysia. Yang pertama ialah di Subang Jaya, yang kedua ialah Kuala Lumpur dan bilangan penduduk ini sebenarnya lebih tinggi juga daripada Petaling Jaya. Port Klang, Pelabuhan Klang merupakan pelabuhan pemindahan yang ketiga belas tersibuk di seluruh dunia dan merupakan pelabuhan ke dua puluh enam tersibuk berdasarkan kontena. Jadi ini telah jelas menunjukkan bahawa untuk sebuah kawasan seperti Klang yang mempunyai penduduk yang ramai yang masih sedang membangun dan mempunyai sebuah pelabuhan yang bertaraf antarabangsa yang begitu sibuk, jambatan yang ketiga ini merupakan sesuatu yang diperlukan. Malangnya pada tahun 2008 mantan Menteri Kerja Raya dan mantan Menteri Besar Selangor pada masa itu menggunakan isu ini sebagai satu isu untuk memancing undi kerana ianya dilancarkan beberapa hari sebelum hari pengundian pilihanraya. Saya ambil daripada keratin akhbar Bernama pada 5hb Mac 2008 dan saya ingin mengambil merujuk kepada apa yang dinyatakan di sini. Projek pembinaan jambatan ketiga merentasi Sungai Klang sepanjang 3.8km di sini yang menelan kos 230 juta dijangka siap sepenuhnya dalam masa dua setengah tahun, kata Menteri Kerja Raya Dato' Seri S Samy Velu. Saya juga memetik apa yang disebut di sini, panjang keseluruhan projek ini adalah 3.8km. Ianya bukan sahaja meliputi jambatan baru tetapi pembinaan jalan baru sepanjang 2 km, jambatan baru sepanjang 0.5km dan menaiktarafkan jalan sedia ada sepanjang 1.3km. Ianya memang sudah

dinyatakan di sini tetapi malangnya ianya dijadikan sebagai satu projek untuk memancing undi. Apa yang lebih dahsyat lagi mengikut apa yang saya sempat perolehi Ahli Yang Berhormat dari kawasan Kapar juga membangkitkan soalan ini di Dewan Rakyat tidak lama dulu dan jawapan yang diperolehi beliau dari Kementerian Kerja Raya bahawa siling tambahan untuk kajian separuh penggal Rancangan Malaysia Ke 9 untuk membina projek ini ditolak oleh Kementerian Kewangan. Maknanya ialah apabila projek ini diwar-warkan beberapa hari sebelum hari pengundian tahun 2008 projek ini sebenarnya belum mendapat kelulusan daripada Kementerian Kewangan, hanya apabila perkara ini telah dibangkitkan di media dan kemudian Pakatan Rakyat menang Kerajaan Negeri Selangor, Kementerian Kerja Raya mengemukakan permohonan untuk meminta siling tambahan bagi membina jambatan ini dan kemudiannya ia ditolak. Ini menunjukkan bahawa ini bukan sahaja projek untuk memancing undi tapi juga projek mee segera seperti apa yang berlaku di kawasan Ijok semasa tahun 2007 di mana jalan dibina dinaik taraf tetapi Kerajaan Negeri tidak membayar hutang-hutang kepada kontraktor dan kemudian pada tahun 2008 kalau kita masih ingat kita perlu meminta peruntukan tambahan untuk membayar wang itu. Jadi ini menunjukkan betapa bercelaru perancangan Bandar di bawah Barisan Nasional ini. Jadi saya minta supaya rakan-rakan kita sekarang ditambah seorang lagi ahli di dalam Dewan kita Sungai Burong masuk supaya perkara dipercepatkan, jangan main-main dengan suara rakyat. Saya juga menyambut baik usaha dan cadangan daripada Yang Berhormat Hulu Klang yang menuntut supaya rakyat dan juga kerajaan negeri membawa isu ini memimpin rakyat untuk mendesak kerajaan pusat membuat, membina jambatan yang baru ini. Ini merupakan sesuatu yang tidak boleh dilengah-lengahkan lagi. Saya juga menyarankan kepada kerajaan negeri supaya Exco yang akan dilantik ke dalam jawatankuasa yang akan memantau projek *crain river, river of life* yang dipelopori oleh kerajaan persekutuan ini juga mendesak supaya pembinaan jambatan ketiga ini dimasukkan sebagai sebahagian daripada projek yang akan dibina di bawah projek raksasa ini. Ini merupakan sesuatu yang penting, tapi kita tidak boleh bergantung sahaja kepada Yang Berhormat Kota Alam Shah, Yang Amat Berhormat Menteri Besar untuk membawa isu, rakyat perlu bangkit, rakyat perlu bangkit dan mendesak kerajaan pusat menunaikan janji mereka. Kalau kerajaan negeri bila kita menjadi kerajaan negeri janji-janji barisan nasional dahulu pun kita perlu langsaikan, kita perlu tunaikan, mengapa pula barisan nasional tidak melakukan perkara yang sama. Jadi saya rasa ini sudah menunjukkan bahawa, ini jelas menunjukkan bahawa rakyat di Klang tidak boleh duduk diam-diam sahaja. Kita tidak boleh tunggu kerajaan negeri membawa isu ini, kita tidak boleh tunggu ahli-ahli yang terhormat yang berasal dari Klang untuk membawa isu ini. Rakyat sendiri kena bangkit dan sebagai satu usaha saya ingin membantu, saya baru sahaja membuat satu *face, facebook* bina jambatan ketiga untuk Klang, untuk mendesak sekali lagi dengan lebih, kuat lagi, supaya kerajaan negeri, supaya kerajaan pusat membina jambatan ketiga ini dan juga kerja-kerja pembinaan jalan-jalan baru, naik taraf jalan baru yang lain. Ini penting bukan sahaja untuk negeri Selangor, ini penting untuk rakyat dan ekonomi Selangor dan Malaysia keseluruhannya, dengan itu Kg. Tunku ini juga menyokong usaha murni daripada Kota Alam Shah untuk menuntut pembinaan jambatan ketiga ini disegerakan. Terima kasih.

TUAN SPEAKER : Pihak kerajaan hendak membalas, ya, sila, orang Klang juga, sila.

YB PUAN DR. HALIMAH BT ALI : Assalamualaikum dan selamat sejahtera. Saya diminta oleh Yang Amat Berhormat Ijok untuk bercakap bagi pihak kerajaan. Kita sedia maklum bahawa seluruh kawasan parlimen dan seluruh kawasan dewan negeri Selangor di daerah Klang kecuali DUN Sementa yang termenang tanpa bertanding telah memilih, telah memilih wakil rakyat daripada Pakatan Rakyat dan saya yakin dan percaya rakyat-rakyat di daerah Klang seluruhnya bahkan dengan semangat yang telah ditunjukkan oleh ahli dewan negeri daripada kawasan bukan dalam daerah Klang juga menunjukkan satu semangat di mana janji

yang telah diberi oleh pihak pemimpin tertinggi kerajaan barisan nasional pada waktu itu di mana perdana menteri sendiri dikatakan telah meletakkan batu asas konon-kononnya membayangkan kepada rakyat di Klang mahu membina jambatan yang ketiga. Jadi dengan letaknya batu asas orang Klang pun sepatutnya seronok bahawa barisan nasional memang akan bina jambatan ketiga. Namun begitu, alhamdulillah rakyat di Klang seperti yang saya sebutkan tadi tidak terpedaya dengan janji-janji barisan nasional mungkin apa yang disebutkan oleh Bangi dan oleh Seri Muda tadi ada berkaitan di mana janji itu telah berpuluh-puluh kali mungkin beratus kali telah diberi oleh kerajaan barisan nasional namun daripada bukti yang telah begitu nyata dan ketara dalam sejarah mereka gagal menunaikan janji-janji yang begitu manis sebelum pilihan raya dan oleh kerana juga di Pengkalan Batu di mana batu asas untuk jambatan ketiga Klang ini diletak ini, masih menunggu-nunggu lagi bilakah agak bayangannya sebab saya sendiri apabila kita ada mengadakan dialog di mana bersama dengan menteri besar di daerah Klang, bila kita bertanya dengan Pengarah Jabatan Kerja Raya sendiri, rupanya tidak ada langsung pun di dalam perancangan RMK-10 tentang pembinaan jambatan ini, jadi inilah yang kita malang sedikit di mana janji yang begitu besar, projek yang begitu besar yang akan membelanjakan begitu besar dan memberi infak yang begitu besar sebenarnya bukan daripada rancangan yang rapi, sistematik yang memang mahu diadakan. Tetapi saya bagi pihak kerajaan negeri Selangor bersetuju dengan apa yang telah disebutkan oleh semua wakil-wakil rakyat yang telah menyokong usul Yang Berhormat Kota Alam Shah tadi di mana rakyat itu sendiri memainkan peranan yang begitu besar untuk memberikan satu gambaran yang jelas kepada kerajaan barisan nasional untuk memberikan tumpuan khas kepada pembinaan jambatan Klang ini dan insya-Allah bagi pihak kerajaan negeri Selangor kerana kitalah yang memulakan satu perancangan untuk projek pembangunan Sungai Klang ini sudah tentu ia adalah satu daripada perkara yang kritikal dan baik dan utama untuk difikirkan bersama untuk dijadikan salah satu projek yang penting untuk memastikan pembangunan Sungai Klang ini menjadikan kejayaan yang insya-Allah akan menunjukkan satu mercu tanda lagi di Klang itu nanti. Jadi saya bagi pihak kerajaan negeri Selangor mengucapkan syabas kepada ahli-ahli yang berhormat kerana begitu peka kepada masalah rakyat di Klang itu sendiri dan juga yang telah pun lama ditipu oleh janji-janji oleh kerajaan barisan nasional lebih-lebih apabila menjelang pilihan raya nanti. Insya-Allah kita akan apa, daripada kerajaan itu sendiri kita insya-Allah akan melihat bagaimana mahu mempertingkatkan kualiti hidup rakyat bagaimana untuk memberikan prasarana, infrastruktur kemudahan awam yang lebih bermakna dan kita di dalam Pakatan Rakyat dalam negeri Selangor ini kita lebih membuktikan dengan buat dulu, lepas itu kita umumkan bukan seperti budaya kerajaan barisan nasional umum dulu, lepas itu bertahun-tahun, berdekad-dekad tak buat-buat lagi. Terima kasih Tuan Speaker.

TUAN SPEAKER : Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, adapun masalah di hadapan Dewan ini adalah satu usul yang berbunyi bahawasanya dewan yang mulia ini dengan serta merta mengutuk dan membantah sekeras-kerasnya tindakan kerajaan persekutuan yang telah gagal dan enggan untuk membina jambatan ketiga di Klang bagi mengatasi kesesakan jalan raya walaupun ianya telah dijanjikan oleh kerajaan persekutuan semasa kempen-kempen pilihan raya kedua belas pada tahun 2008 sebagai janji-janji pilihan raya mereka. Bahawa dengan ini, Dewan yang mulia ini menggesa kerajaan persekutuan agar segera membina jambatan ketiga tersebut untuk rakyat Selangor khususnya dan rakyat Malaysia amnya. Ahli-ahli Yang Berhormat yang bersetuju sila kata 'Ya', Ahli-ahli Yang Berhormat yang tidak bersetuju sila kata 'Tidak'. Usul dipersetujui.

SETIAUSAHA DEWAN : Aturan urusan mesyuarat seterusnya usul No. 13 Tahun 2011, usul di bawah Peraturan Tetap 26 (1) oleh Yang Berhormat Kota Alam Shah.

YB TUAN MANOHARAN A/L MALAYALAM : Terima kasih Tuan Speaker. Saya ingin membawa usul No. 13 Tahun 2011 yang berbunyi seperti berikut:

Bahawasanya dewan yang mulia ini menarik perhatian bahawa Pakatan Rakyat mengamalkan prinsip kebebasan beragama *freedom of the religion* sepertimana yang termaktub dalam Perkara 11 Perlembagaan Persekutuan. Bahawa dengan ini Dewan yang mulia ini menggesa kerajaan negeri Selangor untuk segera memutuskan dan mengeluarkan Surat Pekeliling *seculars* kepada semua pihak-pihak berkenaan dan berkaitan agar semua masjid, surau, kuil-kuil hindu, tokong-tokong cina, gereja dan semua rumah-rumah ibadat bukan Islam tidak boleh dirobuhkan dan juga tidak boleh dipindahkan tanpa persetujuan ataupun kebenaran Exco kerajaan negeri Selangor. Bahawa dengan ini Dewan yang mulia ini menggesa kerajaan negeri Selangor untuk mengekalkan di tempat asalnya semua masjid, surau, kuil-kuil hindu dan tokong-tokong cina, gereja dan semua rumah-rumah ibadat bukan Islam.

Dengan izin Tuan Speaker, Tuan Speaker, masyarakat Malaysia terkenal seluruh dunia sebagai masyarakat majmuk, aman, makmur dan damai berpuluh-puluh tahun sebelum konsep 1Malaysia diheboh-hebohkan yang pada pendapat saya lebih kulit daripada isi. Pemimpin kerajaan persekutuan oleh barisan nasional melaungkan kepentingan perpaduan kaum tetapi tingkah lakunya serta pendekatannya untuk mencapai matlamat tersebut hanya mengelirukan rakyat sebab niatnya tidak sehaluan dengan kata-kata. Dalam pendek, kata pimpinan persekutuan oleh barisan nasional tidak sama sekali mementingkan perpaduan dan seruannya, hanya untuk tujuan perhubungan awam semata-mata. Niatnya bertujuan untuk menyebelahkan rakyat sama seperti tingkah laku penjajah British iaitu dengan izin *divide and row*.

Pada tahun 2008 barisan nasional telah dihukum oleh rakyat kerana rakyat hilang kepercayaan tetapi pemimpin mereka masih angkuh dan tidak mahu mengindahkan seruan rakyat. Mereka masih bertungkus-lumus untuk membangkitkan isu agama dan perkauman dengan tujuan menakutkan umat Islam bahawa agama Islam tergugat dengan pimpinan kerajaan Selangor oleh Pakatan Rakyat. Hanya mereka tidak kata langsung tetapi mereka menggunakan khidmat sekumpulan yang kononnya NGO dan media massa yang hampir kesemuanya dalam genggaman mereka.

Tuan Speaker,

Pihak barisan nasional bijak *outsource* penonjolan isu-isu agama dan perkauman. Contohnya protes kepala lembu di mana anasir-anasir yang bertanggungjawab diberi layanan istimewa oleh Naib Presiden UMNO selaku menteri dalam negeri. Saya mengaku UMNO sangat bijak dalam hal penswastan dan *outsourcing* dengan mewujudkan organisasi seperti PERKASA, Protes Kepala Lembu dan sebagainya. Tujuannya ialah untuk memaparkan gambaran bahawa orang ramai terutamanya umat Islam tidak selesa dengan pimpinan Pakatan Rakyat di negeri Selangor. Pintarnya UMNO baling batu sembunyi tangan. Kenapa saya membangkitkan hal UMNO dan konconya Tuan Speaker, sebab UMNO bertujuan melaksanakan agenda perkaumannya di Selangor dan Pakatan Rakyat terpaksa memberi respons dengan harapan ianya terjerat. Strategi barisan nasional bertujuan untuk memaparkan kerajaan Pakatan Rakyat di negeri Selangor sebagai lemah dan telah memberi ruang kepada tuntutan golongan ekstremis agama lain. Mereka mahu rakyat menyanjungi UMNO sebagai satu-satunya parti yang dapat melindungi hak orang Melayu dan kedudukan orang Islam. Mereka juga menggunakan media massa yang kebanyakannya dalam kuasa mereka untuk melanjutkan agendanya. UMNO memang tidak bertanggungjawab dan kita memang bodoh jikalau kita bergerak dengan kehendak mereka.

Tuan Speaker,

Satu contoh *modest operand* UMNO ialah bagaimana mereka menghasut segelintir mereka yang kuat suara untuk menampilkan isu tempat ibadat bukan Islam yang berdekatan dengan kawasan perumahan. Kumpulan ini akan protes tentang kesesakan jalan serta isu bising yang wujud dari tempat ibadat ini. Mereka yang tidak bertanggungjawab ini akan menggunakan media massa yang bersehaluan dengan mereka untuk menghebohkan hal ini dengan secukup-cukup. Orang ramai akan menjadi kurang selesa dengan ketegangan suasana dan kerajaan negeri terpaksa menangani isu ini yang kecil tetapi kini telah diperbesarkan sehingga menggugat keamanan yang sedia ada. Isu ini dapat diselesaikan dengan mudah sekali melalui proses perundingan dan semangat muhibah tetapi walau apa pun penyelesaiannya UMNO dan media massa akan menghebohkannya sebagai suatu kegagalan di mana orang Melayu semakin hilang hak mereka di bawah pimpinan kerajaan Pakatan Rakyat dan kononnya orang bukan Islam tidak lagi menghormati hak dan agama orang Islam. Bijaknya UMNO dan Utusan Malaysia tetapi syukurlah kita tahu rakyat semakin hari semakin tidak terganggu dengan ugutan sebegini.

Tuan Speaker, keadaan sebenar adalah jauh daripada keinginan UMNO dan kunci-kuncunya dari satu isu kepada isu yang lain. Syukurlah Pimpinan Kerajaan Negeri di bawah Yang Amat Berhormat Menteri Besar, Dato' Tan Sri Khalid Ibrahim telah berjaya memamatkan bom masa atau *bom time* yang berpotensi yang menghancurkan kesejahteraan rakyat dan membawa kita ke jalan sejahtera

TUAN SPEAKER: Yang Berhormat, Yang Berhormat, tunggu sebentar. Kuala Kubu Baharu ada apa?

WONG KOON MUN: Hendak bertanya,

TUAN SPEAKER: Boleh bertanya.

YB TUAN MANOHARAN A/L MALAYALAM: Tuan Speaker saya tidak izinkan, saya mahu menghabiskan sedikit sahaja nanti boleh bahaskan untuk menyokong.

TUAN SPEAKER: Sila teruskan.

YB TUAN MANOHARAN A/L MALAYALAM: Tuan Speaker, penyelesaian perpindahan Kuil Hindu di Seksyen 3 Shah Alam, merupakan contoh yang agak tepat untuk krisis yang telah dirancang. Krisis ini telah dipadamkan dengan jayanya oleh pimpinan Kerajaan Negeri Pakatan Rakyat tetapi kesan sampingan daripada penyelesaian ini meninggalkan rasa pahit di kalangan pihak bukan Muslim kerana setiap kali merekalah pihak yang terpaksa berundur sama ada rumah ibadat mereka dipindahkan atau dirobohkan. Di mata pengadilan golongan masyarakat ini ianya kurang memuaskan dan ada kemungkinan besar kita akan kehilangan sokongan mereka jikalau kita bertindak sebegini cara seperti UMNO membekalkan krisis yang bersifat perkauman atau keagamaan. Kita tidak boleh memberi ruang kepada rakyat untuk memikirkan yang berbeza daripada dulu iaitu roboh digantikan dengan pindah.

Di George Town Pulau Pinang ada 3 rumah ibadat besar dan beberapa yang kecil berhampiran di antara satu sama lain termasuk Masjid Kapitan kelip. Masyarakat situ hidup dengan harmoni dan tempat itu terkenal sebagai destinasi pelancong. Orang asing kagum dengan sifat persaudaraan masyarakat yang erat walaupun terdiri daripada berbilang bangsa dan agama.

Di Melaka dan Perak juga ada tempat seumpama ini. Mid Valley di Kuala Lumpur Tuan Speaker masyhur sebagai pusat membeli belah dan beristirahat. Pembangunan pusat Komersial ini dilaksanakan dengan tidak memindahkan atau merobohkan kuil Hindu yang telah wujud bertahun-tahun sebelum Mid Valley City didirikan. Saya mampu memberi berpuluh contoh-contoh lain seperti ini, yang pentingnya kita perlu sedar bahawa kita tidak perlu sehaluan dengan hasrat UMNO. Kenapa kita harus memberi perhatian kepada kepentingan dan perhatian dengan Pihak Pemaju dan Korporat semata-mata kenapa Pihak Pemaju tidak boleh menyusun pembangunan mereka supaya tidak menjejaskan harta awam yang sedia ada. Dengan ulasan ini saya ingin Dewan yang mulia ini menimbang Usul saya dan setiap rumah Ibadah di Selangor tidak di roboh atau dipindahkan dan dengan ini saya memohon agar Usul saya bernombor 13 tahun 2011 diterima. Terima kasih.

TUAN SPEAKER: Ada penyokong.

YB TUAN LAU MENG SAN: Terima kasih Tuan Speaker, Kg. Tunku berdiri untuk menyokong Usul yang dibawa oleh Yang Berhormat kawasan Kota Alam Shah. Kg. Tunku telah meneliti Usul ini dan saya telah mendapati bahawa Usul ini selaras dengan jiwa dan semangat dasar Kerajaan Negeri Pakatan Rakyat sejak kami memimpin Kerajaan Negeri sejak tahun 2008. Usul ini telah menetapkan supaya rumah-rumah Ibadat untuk Masjid, Surau, kuil-kuil, tokong-tokong dan gereja tidak boleh di roboh, dipindah tanpa kebenaran daripada Exco Kerajaan Negeri Selangor. Ini sebenarnya sesuatu yang telah diputuskan sejak awal lagi dan ianya perlulah dilaksanakan sehingga setiap masa. Apa yang saya ingin bangkitkan di sini adalah Kerajaan Negeri perlulah menetapkan supaya pembinaan Masjid, surau, kuil, tokong gereja dan sebagainya sentiasa mematuhi garis panduan dan piawaian Perancang Bandar Selangor. Kalau kita mengikut dari sini rumah ibadat ini perlulah dibina di atas tapak yang keluasannya tidak melebihi dari 0,5 hektar atau 1.2 ekar. Di kawasan lot ini perlulah yang diikuti oleh bangunan adalah di antara 40 hingga 60 %. Tadahan penduduk adalah setiap tapak tadahan penduduk adalah 5000 penduduk untuk satu tapak ataupun 2600 penganut untuk satu tapak. Saya berpendapat bahawa sudah sampai masanya untuk Kerajaan Negeri Selangor supaya *Guard line* atau garis panduan itu ini dipatuhi dengan tetap bukan sahaja Pemaju-pemaju Swasta juga Pemaju-pemaju yang dimiliki Kerajaan Negeri seperti PKNS dan PNSB dan sebagainya. Adalah amat penting supaya pembinaan dan juga kewujudan tempat-tempat ibadat ini dapat disuburkan di Negeri Selangor kerana seperti apa yang diidamkan oleh Kerajaan Negeri Selangor. Negeri Selangor bukan sahaja perlu mencapai sebuah negeri yang maju dari segi teknologi Sains Ekonomi tetapi juga perlulah maju dari segi sahsiah ini adalah Usul ini perlu disokong dan dilaksanakan Kerajaan Negeri Selangor supaya Pembangunan Sahhsiah rakyat Negeri Selangor dapat dijalankan selaras dengan pembangunan ekonomi, teknologi di Negeri Selangor. Dengan itu Kg.Tunku memohon untuk menyokong.

TUAN SPEAKER: Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, Usul ini telah disokong dibuka untuk dibahaskan. Rawang.

YB PUAN GAN PEI NEI: Tuan Speaker,

TUAN SPEAKER: Ya Rawang.

YB PUAN GAN PEI NEI: Terima kasih kepada Tuan Speaker. Rawang ingin menyokong Usul yang dibawa oleh YB Kota Alam Shah. Cuma dengan beberapa penambahan dan terlebih dahulu saya ingin mengucapkan tahniah dan syabas atas inisiatif Pakatan Rakyat Negeri Selangor yang telah kita tubuhkan satu Jawatankuasa Rumah Ibadat bukan Islam yang sebelum ini belum pernah ditubuhkan yang dianggotai oleh Yang Berhormat Kota Raja dan Yang Berhormat Kinrara Yang Berhormat Pandamaran Yang Berhormat Bukit Lanjan untuk kita

bersama-sama membuat satu polisi dan bagi menjaga hak dan kepentingan agama semua kaum dan bangsa maksudnya yang bukan Islam di Negeri Selangor ini. Rawang sebenarnya terima banyak permohonan daripada rumah-rumah ibadat bukan Islam termasuk gereja dan juga Persatuan Buddha yang menyatakan memang kekurangan kawasan untuk mereka menjalankan aktiviti bukan sahaja berbentuk keagamaan tetapi juga aktiviti untuk komuniti memandangkan bilangan penganut semakin ramai dan mereka juga memahami dengan hasrat Kerajaan Negeri untuk tidak membenarkan kawasan perumahan ataupun kawasan komersil dijadikan tempat keagamaan tetapi disebabkan tiada satunya garis panduan ataupun perancangan yang teratur menyebabkan banyak rumah ibadat menghadapi kekangan dari segi tanah dan juga tempat mereka laksanakan dan mendirikan pusat mereka. Saya berharap pihak Kerajaan Negeri boleh meluluskan usul ini atau dengan satu mengambil keperluan Perbandaran sebab bukan semua rumah ibadah mereka mahu kekal di tempat asal memandangkan proses Perbandaran yang berlaku dan ramai penganut sebenar yang telah berpindah tempat yang lain tetapi yang lebih penting, prinsipnya kita memudahkan penganut pelbagai kaum ini untuk akses kepada tempat ibadah mereka saya rasa itu adalah prinsip yang amat penting. Dengan itu Rawang menyokong Usul ini.

TUAN SPEAKER : Sekarang saya mempersilakan Pihak Kerajaan untuk menjawab. Kajang.

YB TUAN LEE KIN SIN : Untuk menyokong Usul yang dibawa oleh Kota Alam Shah. Kajang berpendapat dan juga Kajang telah bersama Jawatankuasa Agama bukan Islam dan juga mendapati sebenarnya Jawatankuasa dan juga Pihak Kerajaan telahpun mengeluarkan Pekeliling berkaitan dengan binaan dan juga rumah ibadah bukan Islam iaitu dalam Pekeliling ini telah dimaklumkan semua rumah-rumah Ibadat bukan Islam yang dibina sebelum 2008 memang diarahkan tidak ada perobohan tanpa kebenaran daripada Pihak EXCO MMKN. Jadi Pekeliling ini sudah wujud dan juga binaan rumah ibadat bukan Islam yang dibina tanpa kebenaran selepas 2008 tidak dibenarkan dan bermaksud kalau tidak mengikut akta Kerajaan Tempatan dan Pihak Berkuasa Tempatan boleh mengambil tindakan ke atas binaan-binaan yang dibina tanpa izin selepas 2008. Dan sama juga sekiranya kita lihat, Kajang mendapati usul yang dibawa ini ada kelemahannya iaitu sekiranya binaan-binaan ataupun rumah ibadat termasuk masjid surau yang dibina tanpa kebenaran yang wujud di dalam Negeri kita maka ia telah bercanggah dengan akta yang sedia ada. Maka Pihak Berkuasa Tempatan memang mempunyai kuasa untuk mengarahkan atau menguatkuasakan perobohan ini. Di samping itu juga Kajang ingin membawa perhatian bahawa dan Perancangan Bandar dan Desa yang diutarakan oleh Kg. Tunku tadi ia memang ada piawaian-piawaian tertentu piawaian yang harus diikuti.. akan tetapi kita dapati dalam perancangan-perancangan dan juga peruntukan tapak tanah untuk rumah ibadat khususnya bukan Islam. Memang amat kekurangan, Memang kita dapati ada taman-taman yang dibina dan melebihi 5000 penduduk dan juga penganutnya begitu ramai beribu-ribu tetapi tempat untuk mereka sembahyang, untuk beribadat memang tiada. Jadi ini harus kita perhati dan inilah sebabnya salah satu sebabnya terdapat rumah-rumah ibadat tempat-tempat ibadat di dalam rumah kediaman, rumah kedai, ataupun tempat tanah tapak Kerajaan atau tapak tanah persendirian dibina tanpa kebenaran dan ini harus kita teliti Kerajaan di Bawah Pakatan Rakyat lepas 2008 harus kita teliti dan kaji balik kawasan-kawasan di mana kekurangan rumah-rumah ibadat ini. Harus kita kaji balik sekiranya dalam kawasan komuniti tersebut memang kekurangan maka kita harus pertimbangkan kawasan lapang ataupun kawasan yang dirizabkan yang tidak digunakan boleh dipertimbangkan tukar syarat penggunaan yang menjadikannya rumah ibadat bukan Islam. Selain daripada itu Tuan Speaker, Kajang juga berpendapat bagi rumah-rumah ibadat tidak kira masjid, ataupun rumah ibadat bukan Islam yang wujud yang sudah begitu lama misalnya di Kajang sendiri ada rumah ibadat seratus tahun dan rumah ibadat di Kelompang pun lebih dari 100 tahun. Masjid di Beranang pun begitu lamanya. Jadi kesemua bangunan-bangunan ini, bukan sahaja terus

dikekalkan tetapi ia harus dijadikan rumah-rumah pembangunan warisan yang harus dipertahan dan diberi peruntukan untuk buat sebarang naik taraf dan pembaikan yang tidak akan merosakkan rumah warisan sebegini. Jadi inilah sebahagian daripada cadangan Kajang dan dengan ini Kajang menyokong dengan syarat dengan keadaan pindaan bagi usul ini. Sekian, Terima kasih.

TUAN SPEAKER : Pihak Kerajaan sila.

YB TUAN DR. XAVIER JAYAKUMAR A/L ARULANANDAM : Tuan Speaker mula-mula saya ucapkan terima kasih kepada Kota Alam Shah untuk membawa Usul memang penting di dalam Negeri Selangor dengan cadangan-cadangan yang telah dibawa oleh Ahli-ahli Dewan Undangan Negeri. Kerajaan Negeri Selangor memang prihatin kepada situasi tempat ibadat di dalam Negeri Selangor dan sebab itu kita telah pun adakan satu jawatankuasa yang dipengerusikan oleh tiga wakil EXCO dan mesyuarat ini adakan pada tiap-tiap dua bulan sekali, enam sekali setahun. Isu penting Speaker ialah dengan apa yang kita faham dan tahu di Negeri Selangor memang tidak cukup tanah untuk tempat-tempat ibadat keseluruhannya. Masalahnya ialah Perancang Bandar dan juga pembinaan-pembinaan sebelum 2008 kita nampak telah biarkan pembinaan tanpa ada lulusan daripada pihak-pihak Perbandaran atau pun pihak Kerajaan. Dengan adakan tempat-tempat ibadat yang telah pun didirikan oleh penduduk dan rakyat di Negeri Selangor, kita telah buat satu ketetapan bahawa lepas 2008 semua binaan tempat ibadat yang telah pun didirikan akan dibiarkan dan tidak akan dirobohkan. Tetapi, lepas 2008 sesiapa pun, di mana-mana kawasan pun, nak binakan tempat ibadat kena didapatkan lulusan daripada kerajaan Pakatan Rakyat Negeri Selangor dan mesti ada kelulusan dari pejabat Majlis Daerah dan juga pejabat Tempatan di dalam kawasan itu. Dengan itu kita telah buat beberapa keputusan bahawa sekarang kita nampak, kita terima banyak permintaan dari berbagai keagamaan di dalam Negeri Selangor ini untuk adakan tempat-tempat ibadat-ibadatnya masing-masing. Dengan tidak mencukupi tanah *priority* yang dibagi oleh Kerajaan ialah untuk kita lihat bahawa kawasan itu yang diminta adakah tidak didirikan tempat-tempat ibadat sebelum dari ini dan juga jarak jauh dari satu kawasan berapa tempat ibadat yang telah sudah pun diadakan sebelum Kerajaan buat keputusan untuk memberikan tempat-tempat ibadat kepada orang-orang yang minta. Tetapi, kita telah buat satu keputusan di dalam Perancang Bandar sekarang di mana-mana kawasan yang lebih 100 ekar yang akan dibangunkan sebagai satu tempat kediaman, mesti memberikan tempat atau pun tanah untuk semua agama di dalam Negeri Selangor. Sebab, peraturan yang ada sekarang kita nampak untuk masjid dan surau sudah pun diadakan, so kita panjangkan permintaan ini kepada tempat-tempat ibadat selain dari Islam pun kita minta kurang-kurangnya untuk diberikan tanah untuk beberapa agama-agama yang minta di dalam kawasan-kawasan masing-masing. Kepada soalan dan permintaan yang kita tidak boleh pindah tempat-tempat ibadat yang sudah dibenakan, ini ialah satu-satu ah! permintaan yang kita boleh ada perundingan sebab bukan semua tempat-tempat ini perlu kita buat pindaan tetapi ada juga beberapa tempat yang kita nampak dengan pembinaan dan pembangunan yang datang di dalam negeri Selangor adalah kepastiannya yang kita kena pinda tempat-tempat ibadat masing-masing. Tetapi kita syorkan bila kita pinda tempat-tempat ini kita akan bagikan tanah alternatif kepada mereka yang minta atau pun yang paksa kena dipindah kepada kawasan yang lain. Satu-satu masalah yang hadapi kita di dalam Negeri Selangor ialah tempat-tempat ibadat di dalam tanah-tanah ladang yang telah kita nampak. Bila tanah ladang ini ditukar milik daripada pertanian kepada pembangunan Perancang Bandar, *Town Planners* dan *Developers* kena diingatkan bahawa tempat-tempat ibadat ini kena di nampak dibagikan khususnya tanah-tanah masing-masing bila membangunkan tanah-tanah di kawasan-kawasan mereka masing-masing. So, Tuan Speaker, saya sebagai wakil dari Kerajaan meminta kerja sama dari semua pihak memang kita tidak beri pembinaan yang baru pada waktu yang sekarang. Siapa-siapa pun bina mana-mana tempat-

tempat ibadat. Adakah di tepi jalan ke, di bawah pokok ke, kecil besar ke, di rumah ke, di kawasan rumah tidak dibenarkan untuk pembinaan mereka semakin sebab kena dapat kelulusan dari Kerajaan sebelum dibenakan tempat-tempat ibadat ini. So, saya minta kerja sama dari semua pihak, Wakil-wakil Rakyat, kaum-kaum, ketua-ketua komuniti, ketua-ketua kampung, ketua dusun untuk ah! membuat satu, ah! pindaan, pinda yang itu binaan tempat-tempat ibadat ini bukanlah untuk diri sendiri tetapi untuk komuniti yang duduk di dalam kawasan itu. Sebab itu kita sekarang bekerjasama dengan semua pihak, semua agama, semua persatuan agama di dalam negeri Selangor untuk kita dapatkan satu maklumat dan kita capai satu muafakat di antara sama-sama untuk kita adakan satu kawasan yang-yang baik, yang satu-satunya ..

YB TUAN MOHD. ISA BIN ABU KASIM : Tuan Speaker, Tuan Speaker.

TUAN SPEAKER : Penjelasan.

YB TUAN MOHD. ISA BIN ABU KASIM : Ya. Terima kasih Yang Berhormat EXCO. Cuma saya hendak mendapat kepastian kalaulah katakan sekarang ada satu binaan di atas rizab jalan. Hari ini Dewan telah memutuskan tidak ada pemindahan, tetapi pemindahan itu tidak ada kelulusan Majlis secara macam YB cakaplah, secara suka-suka buat tadi. Macam mana *status* dia tu. Kalau kita hendak melebarkan jalan JKR misalnya. Bolehkah kita memindah tanpa penggantian. Itu saja penjelasan, terima kasih Tuan Speaker.

YB TUAN DR. XAVIER JAYAKUMAR A/L ARULNANDAM : Terima kasih, Batang Kali. Ah! Malangnya, permulaannya tempat ibadat ini tidak dibagi kelulusan untuk dibenakan. Ya! sudah dibenakan, sudah didirikan sekarang. Dan masalahnya sebab dengan pembangunan di dalam negeri Selangor ini yang kita dapatkan satu negeri yang maju, memang pembesaran jalan-jalan ini akan dilangsungkan, akan diadakan. Pada waktu, kalaulah kita nampaknya dengan pembesaran jalan itu memang penting untuk kawasan itu kita boleh berunding dengan mana-mana pihak juga yang ada di atas tanah itu untuk kita buat satu keputusan. Tak semestinya kita kena roboh atau pun tukar pindah jalan itu tetapi kita boleh *alternate roads* yang kita boleh buat, *alternate* jalan yang *alternate* pun kita boleh buat. Untuk kita, ah! ah! datang kepada satu *conclusion* yang lebih munasabah kepada semua yang ada. Memang di atas jalan rizab kita tidak benar untuk pembinaan mana-mana tempat-tempat ibadat. Saya, saya mengakui. Mengikut dengan Perancang Bandar yang ada dan undang-undang yang kita ada, kita tahu, kita akui bahawa tidak boleh. Tetapi ini telah dilakukan sebelum 2008 kita nampak ini semua diberikan, biarkan mereka bina. Lepas itu, sekarang masalahnya ialah macam mana kita hendak atasi, ah! kuil-kuil atau pun tempat-tempat rumah ibadat ini sudah diwujudkan.

YB TUAN MOHD. ISA BIN ABU KASIM : Penjelasan saya lagi bermakna pihak Kerajaan bersetuju untuk memberi kerja sama untuk menasihatkan kepada pemilik-pemilik rumah ibadat ini terutamanya kuil dan tokong ini untuk memindah ya. Bersetuju, ya. Bukan kita *stick* pada ini mengatakan tidak boleh langsung. Makna ada dibolehkanlah dengan beberapa keadaan. Itu sahaja mohon penjelasan. Terima kasih.

YB TUAN DR. XAVIER JAYAKUMAR A/L ARULNANDAM : Kerajaan, tidak boleh katakan, kita langsung tidak boleh pinda mana-mana kuil atau pun tempat-tempat ibadat. *You cannot be tied up with that ruling, ah! its imposibble, so, saya, saya* sebagai kerajaan kita minta kita perundingan. Kita boleh dapatkan satu *win win situation* di antara dua-dua parti yang di mana kita boleh atasi masalah ini dengan perundingan. Tuan Speaker, Ah!

YB TUAN LEE KIM SIN : Tuan Speaker, saya minta laluan, penjelasan.

TUAN SPEAKER : Ya. Kajang.

YB TUAN LEE KIM SIN : Terima kasih Tuan Speaker, dan juga EXCO. Kita nampak di depan kita sekarang ini, usul yang nampaknya ada percanggahan ya. Yang bercanggah, iaitu perenggan yang pertama mengatakan EXCO ya, selepas perbincangan dan kebenaran boleh dipindah atau di *relocate*. Tapi, yang perenggan kedua ini, mengatakan mengekalkan di tempat asalnya, semuanya masjid, surau itu rumah ibadat. Jadi ada percanggahan dari isi usul ini. Jadi, adakah ah! pihak Kerajaan hendak mengekalkan usul sebegini di mana tiada pindaan. Tidak boleh dipindah atau pun di *relocate* dan hendak kekalkan tempat asalnya. Ini ada percanggahannya. Jadi minta penjelasan daripada pihak Kerajaan.

YB TUAN DR. XAVIER JAYAKUMAR A/L ARULNANDAM : Saya ingat kita faham apa cadangan usul ini. Tetapi kita sebagai kerajaan, satu kerajaan yang prihatin dan bertanggungjawab kita mesti adakan satu sistem yang lebih munasabah di mana perundingan-perundingan ini boleh diadakan. Kita tidak boleh satu buat pendirian sekarang yang langsung tidak boleh dipindahkan di mana-mana. Tapi, saya minta kerjasama Dewan ini untuk timbangkan bahawa walau pun kita cuba untuk tidak dipindahkan kalau boleh di mana-mana tempat ibadat, tetapi *case by case basis* ah! adalah kita kena gunakan kita punya kuasa dan juga ah! *discussion* kita untuk kita buat demikian. Saya harap ya Dewan ini faham bahawa situasi ini memang satu *sensitive issue* yang kita hadapi tetapi kita kena bekerja sama-sama untuk mengatasi masalah ini. Ah! Tuan Speaker saya harap ya semua pihak akan beri kerjasama kepada Kerajaan untuk kita atasi masalah tempat ibadat di dalam negeri Selangor dan kepada semua *developer* dan juga orang-orang yang minat untuk bangunkan tanah-tanah masing-masing dari sekarang ingatlah untuk berikan tanah-tanah untuk tempat-tempat ibadat di dalam pelan-pelan pembinaan mereka di negeri Selangor. Sekian, terima kasih.

TUAN SPEAKER : Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, ada pun masalah di hadapan Dewan ini ialah satu usul yang berbunyi bahawasanya Dewan yang mulia ini menarik perhatian bahawa Pakatan Rakyat mengamalkan prinsip kebebasan beragama seperti mana yang termaktub dalam perkara 11 Perlembagaan Persekutuan. Bahawa dengan ini Dewan yang mulia ini menggesa kerajaan Negeri Selangor untuk segera memutuskan dan mengeluarkan Surat Pekeliling, *Circular* kepada semua pihak-pihak berkenaan yang berkaitan agar semua masjid, surau, kuil-kuil Hindu, Tokong-tokong Cina, Gereja dan semua rumah-rumah ibadat bukan Islam tidak boleh dirobuhkan dan juga tidak boleh dipindahkan tanpa persetujuan atau kebenaran EXCO Kerajaan Negeri Selangor. Bahawa dengan ini Dewan yang mulia ini menggesa kerajaan Negeri Selangor untuk mengekalkan di tempat asalnya semua masjid, surau, kuil-kuil Hindu, Tokong-tokong Cina, Gereja dan semua rumah-rumah ibadat bukan Islam. Ahli-ahli Yang Berhormat yang bersetuju sila kata ya. Ahli-ahli Yang Berhormat yang tidak bersetuju, sila kata tidak. Usul dipersetujui.

PENOLONG SETIAUSAHA DEWAN : Aturan urusan mesyuarat seterusnya, usul No. 14 Tahun 2011, usul di bawah Peraturan Tetap 26 (1) oleh Yang Berhormat Kota Alam Shah.

YB TUAN MANOHARAN A/L MALAYAM : Terima kasih Tuan Speaker. Saya ingin membawa usul No. 14 Tahun 2011 yang berbunyi seperti berikut: Bahawasanya Dewan yang mulia ini dengan serta merta melaksanakan program-program khusus bagi kaum India di seluruh Negeri Selangor di bawah Pakatan Rakyat yang amat prihatin terhadap nasib kaum India dengan melancarkan skim-skim berikut:

Mempertimbangkan untuk membuka tanah seluas 2,000 ekar bagi 200 buah keluarga kaum India yang miskin bagi mengusahakan tanah itu untuk tujuan pertanian, penternakan dan atau perikanan. Dan, mempertimbangkan untuk menubuhkan satu dana 100 juta bagi membantu golongan kaum India untuk menceburkan diri di dalam perniagaan khususnya SMI dan skim ini dikelolakan oleh satu jabatan di bawah pimpinan Yang Amat Berhormat Menteri Besar yang dikenali sebagai Jabatan Hal Ehwal Kaum India. Dengan izin, Tuan Speaker, Tuan Speaker, Selangor diiktiraf sebagai negeri yang terkaya serta yang paling maju di Malaysia. Bilangan penduduk kaum India di Selangor adalah paling tinggi di antara negeri-negeri di Malaysia. Satu pertiga iaitu lebih kurang 685,604 orang daripada 1.7 juta penduduk negeri Selangor terdiri daripada seluruh penduduk keturunan India menetap di Selangor. Mari kita meninjau masa silam seketika.

Ekonomi Selangor diasaskan dua industri kembar iaitu industri perlombongan bijih timah dan perladangan pokok getah pada masa silam. Yang pertama didominasi kaum Cina dan yang kedua oleh mereka keturunan India. Pekerja India telah bertungkus-lumus menyumbangkan titik peluh, daya tenaga dan air mata untuk kemajuan ekonomi negeri Selangor tetapi apakah balasannya? Adakah mereka diberi ganjaran yang munasabah dan ekuiti yang berpatutan dalam hasil kemajuan ekonomi Selangor? Oleh kerana angka statistik tidak dapat diperolehi secara khusus untuk negeri Selangor, saya terpaksa menggunakan statistik peringkat nasional yang saya percayai kemiripan keadaan di Selangor juga. Penilaian pertengahan Rancangan Malaysia Kesembilan pada tahun 2008 mencatatkan pendapatan purata isi rumah keluarga India sebanyak RM3,799, kadar yang kedua tinggi di antara ketiga-tiga kaum terbesar di Malaysia. Ini suatu perkara mustahil jika kita meninjau angka-angka lain mengenai keadaan sosioekonomi kaum India. Ada kemungkinan, tetapi kecil. Segelintir orang India yang kaya raya menyebabkan angka purata pendapatan India meningkat sehingga sebegini tinggi. Adakah warga Malaysia keturunan India menikmati taraf hidup yang tinggi? Jika ini benar, bagaimanakah kita menerangkan kenyataan berikut? Pertama, kaum India memiliki jangka usia hidup yang paling rendah dibandingkan dengan kaum lain. Yang kedua, kadar pembunuhan diri yang paling tinggi. Yang ketiga, jumlah banduan paling tinggi yang ditahan untuk jenayah ganas dan aktiviti geng. Yang keempat, jumlah yang paling tinggi untuk murid yang berhenti sekolah. Yang kelima, mereka yang tidak ada dokumen MyKad, sijil kelahiran berjumlah lebih 100,000. Statistik-statistik ini adalah hasil bandingan dengan ketiga-tiga kaum terutama di negara ini.

Tuan Speaker, jadi statistik yang dikemukakan oleh pihak pemerintah tidak dapat menyokong keadaan terpinggir masyarakat India. Kita memang sedar bahawa Selangor mempunyai bilangan yang terbesar pekerja ladang yang hilang pekerjaan dan tempat tinggal mereka akibat arus pembangunan. Ladang-ladang telah di pindah milik untuk didirikan kawasan perumahan, bangunan, komersial dan kawasan perbandaran. Bahkan Putrajaya pun dibangunkan di kawasan yang dahulunya ladang getah. Pembangunan seperti ini walaupun menguntungkan masyarakat Malaysia pada amnya telah menjerumuskan masyarakat ladang ke kancuh kemiskinan dan ketandusan. Biar saya memberi satu ilustrasi. Peneroka Felda berjaya memiliki tanah dalam tempoh satu generasi dan ada juga di antara mereka yang jadi kaya raya apabila tanah mereka diambil alih untuk pembangunan. Ini berbanding dengan pekerja ladang yang selepas tiga generasi bertungkus-lumus menjayakan estet mendapati status mereka seumpama setinggian kerana hilang pekerjaan, tidak memiliki tanah dan terpaksa merayu untuk mendapatkan rumah kos rendah. Dan kebanyakan ladang-ladang ini diusahakan oleh syarikat GLC milik kerajaan persekutuan. Saya merasa amat sedih bila melihat nasib golongan pekerja ladang yang telah banyak menyumbangkan kepada pembangunan negeri tetapi terpinggir dalam ekonomi.

Tuan Speaker, kita harus memperbaiki kepincangan yang telah diakibatkan oleh lebih 50 tahun pemerintahan Barisan Nasional. Jalan yang kita sepatutnya tujui bukan mudah tetapi kalau kita ada daya, nescaya kejayaan menunggu kita. Saya harap dewan yang mulia ini tidak salah faham tentang niat saya apabila saya membangkitkan hal-hal kebajikan kaum India. Bukan saya tidak prihatin tentang cabaran dan nasib-nasib kaum lain, cuma saya lebih tahu tentang nasib golongan miskin orang India. Lebih-lebih lagi kaum India yang sudah tidak ada saluran bantuan dari kerajaan persekutuan atau institusi lain seperti golongan bumiputera. *There is (dengan izin) Tuan Speaker. There is no safety net and the poor Indians are on a free fall.*

Tuan Speaker, kaum India yang tertindas ini melihat arus pembangunan telah melepasi mereka dan mereka susah payah kejar untuk mencapai hasilnya. Tiada masyarakat boleh bangga dengan kejayaannya apabila sebahagian besar daripadanya tertinggal dan tertandus ke dalam cerun kemiskinan. Kita harus melaksanakan usaha untuk membetulkan keadaan selaras dengan kemampuan kita. Kerajaan Barisan Nasional yang berturutan tidak ambil peduli langsung tentang nasib orang India yang terpinggir dan semakin lama semakin tenat keadaan mereka ini. Kita yang mewakili rakyat Selangor harus hindari tindakan pimpinan yang telah memperbodohkan rakyat Selangor. Kita pernah lihat bagaimana pimpinan Barisan Nasional ini hanya sibuk cat sekolah, membaiki jalan, janjikan tanah untuk kuil dan tapak perkuburan serta bantuan untuk ibu tunggal semasa pilihan raya kecil atau besar. Dan juga rupa pendermaan mesin jahit dan jersi bola sepak. Lagi kecil pilihan raya, lagi besar bantuan dan peruntukan. Tetapi langkah-langkah ini merupakan langkah-langkah sementara yang tidak dapat mengubah nasib orang miskin pada jangka masa panjang.

Pada tahun 2007 Tuan Speaker, jumlah penduduk India berjumlah 657,000 dari jumlah keseluruhan penduduk sebanyak 5 juta di negeri Selangor. Ada 13 kerusi DUN di mana pengundi India terdiri dari 20 hingga 30 peratus dari jumlah pengundi dan 10 kawasan parlimen di mana jumlah pengundi India terdiri dari 15 hingga 20 peratus dari jumlah pengundi. Tuan Speaker, hampir 65 peratus daripada kaum India terlibat dalam pekerjaan kategori bawah seperti operator mesin dan kilang serta kerja jualan berpendapatan rendah.

Peninjauan pertengahan Rancangan Malaysia Kesembilan mendapati bahawa peratusan milikan ekuiti korporat oleh kaum India telah jatuh dari 1.2 peratus ke 1.1 peratus sahaja. Sementara ekuiti milikan kaum lain telah meningkat dengan jayanya. Peratusan pelajar India yang berjaya memasuki kursus-kursus popular di universiti-universiti awam juga telah merosot sepanjang 20 tahun yang lalu. Kaum India memang menggemari profesion doktor, peguam dan guru tetapi kategori ini pun peratusannya sudah turun. Kaum India memang merupakan golongan yang tertindas dan terpinggir. Apakah punca kemunduran kaum India? Adakah beberapa sebab? Ada beberapa sebab tetapi biar saya utarakan dua isu penting. Pertama, kegagalan Dasar Ekonomi Baru dalam menangani cabaran yang dihadapi oleh kaum India. Pengabaian sekolah Tamil. Dasar Ekonomi Baru bertujuan untuk menghapuskan identiti kasi kaum dengan pekerjaan serta membasmi kemiskinan tanpa mengira kaum. Dasar Ekonomi Baru telah gagal dalam kedua-dua matlamatnya terutama di dalam kalangan orang India.

Kini kita lihat peratusan kaum India di sektor awam telah turun dan mereka terpaksa membuat kerja buruh kasar yang tidak memerlukan kemahiran tinggi. Mereka ini terlibat dalam pekerjaan yang berpendapatan rendah seperti pencuci kereta, pengawal keselamatan, pemandu lori dan kereta, pekerja ladang, pengutip hutang, operator trafik, penggunting rambut, pencuci rumah, pejabat, *dispatch* dan sebagainya. Bilangan yang melibatkan diri dalam perniagaan kurang dan mereka kurang diwakili di dalam semua pekerjaan ikhtisas kecuali doktor dan peguam. Kaum India memiliki perwakilan yang lebih besar dalam kerja-kerja kategori rendah. Kemiskinan

berleluasa dalam masyarakat India. Walaupun kerajaan Barisan Nasional cuba menyembunyikan fakta-fakta ini, kita dapat lihat gejala simptom masalah-masalah ini. Simptom-simptom termasuk kecenderungan kaum India terlibat dalam jenayah, kadar tinggi murid yang berhenti sekolah, bilangan tinggi dalam rumah anak yatim dan *shelter homes* serta mereka yang tidak memiliki tanah dan rumah. Kaum India tidak menikmati bantuan skim yang dilancarkan di bawah Dasar Ekonomi Baru seperti Felda, ASN, ASB, Risda dan sebagainya. Mereka terpaksa mencari nafkah hidup bersendirian apabila mereka keluar dari persekitaran ladang dan kebanyakan dari mereka hidup umpama kais pagi makan pagi, kais petang makan petang. Mereka yang dahulunya senang dan maju mengerjakan tanah telah diusir. Umpamanya pada tahun 1993, ada 13 buah keluarga yang memelihara 800 ekor lembu dan kambing sejak 50 tahun sebelumnya tetapi terpaksa berundur dari tanah ternakan tersebut apabila tanah itu dirampas tanpa pampasan untuk dibangunkan sebagai Bandar Bukit Tinggi. Walaupun ladang Bukit Tinggi telah dijual dengan harga lumayan sebanyak RM186juta ringgit. Usul ini yang saya bantah selaras dengan niat kerajaan negeri untuk merakyatkan ekonomi negeri Selangor dan diharapkan sedikit sebanyak dapat memulihkan kepincangan yang telah diakibatkan oleh kerajaan Barisan Nasional sebelum ini.

Saya sedar bahawa kebanyakan daripada isu yang saya bangkitkan memerlukan tindakan kerajaan persekutuan, tetapi saya harap buat masa ini kita di Selangor dapat mengubah nasib rakyat Selangor sejauh yang kita mampu. Bersama-sama kita menggerakkan negeri Selangor ke medan perjuangan hak sosial dan ekonomi rakyat. Dan dengan ini saya memohon Tuan Speaker agar usul saya yang ke-14 tahun 2011 diterima. Sekian, terima kasih.

TUAN SPEAKER : Ada penyokong? Sekiranya tidak ada penyokong, maka usul ini tidak dapat dikemukakan untuk dibahaskan dan diputuskan. Baik, usul seterusnya.

PENOLONG SETIAUSAHA DEWAN : Aturan urusan mesyuarat seterusnya, usul No.15 Tahun 2011, usul di bawah Peraturan Tetap 76(5) oleh YB Kota Alam Shah.

YB TUAN MANOHARAN A/L MALAYALAM : Terima kasih Tuan Speaker. Saya ingin membawa usul no.15 tahun 2011 yang berbunyi :-

“ Bahawa mengikut perenggan 5 dalam Peruntukan Tetap 76, Peraturan-Peraturan Tetap bagi Dewan Negeri Selangor, dewan yang mulia ini yang bersidang pada hari ini membuat ketetapan supaya syor-syor dan hukuman yang terdapat di dalam Penyata Laporan Jawatankuasa Hak dan Kebebasan Dewan Negeri Selangor yang telah dibentangkan sebagai kertas mesyuarat bil.18 tahun 2011 adalah diterima”.

Dengan izin Tuan Speaker, saya memohon kepada dewan yang mulia ini agar menerima syor-syor dan hukuman seperti mana yang terdapat di dalam penyata oleh Jawatankuasa Hak dan Kebebasan Dewan Negeri Selangor ke atas YB daripada Pelabuhan Klang dan ke atas peguam yang bernama Mohd Hafarizam Harun. Tuan Speaker, pendengaran penjelasan daripada kedua-dua mereka telah ditetapkan pada 29 April 2011.

Tuan Speaker, sewaktu pendengaran telah diadakan pada tarikh tersebut sejajar dengan suatu usul yang telah di bawa oleh YAB. Dato' Menteri Besar melalui usul no.7 tahun 2011. Terlebih dahulu Tuan Speaker, saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada YAB. Dato' Menteri Besar atas kepercayaan ke atas saya untuk melantik saya sebagai pengerusi sementara untuk mendengar penjelasan daripada kedua-dua mereka tersebut. Tuan Speaker, saman ke atas kedua-dua mereka adalah berpunca daripada suatu surat yang bertarikh 29 Mac 2011 yang telah ditandatangani sendiri oleh Mohd Hafarizam Harun daripada suatu firma guaman bernama

Tetuan Hafarizam Wan dan Aishah Mubarak sebuah Perguaman kepada sebuah Perguaman yang lain iaitu Tetuan Tommy Thomas.

Tuan Speaker, surat tersebut terdapat didalam Penyata yang berbunyi seperti berikut. Yang menyatakan dengan jelasnya

We refer to the above matter and our letter dated 22nd Mac, 2011.

We have our client's strict instruction that the costs of RM40,000.00 is to be paid to the Plaintiff and/or us as Solicitors for the Plaintiff within SEVEN (7) DAYS from this letter".

We also have our client's strict instruction to proceed with the Bankruptcy Proceeding against your client for the failure to comply with the order dated 18th Februari, 2011 which was served on you on 22nd March, 2011 as Solicitors on record for 1st Defendant.

Tuan Speaker, surat tersebut jelas adalah suatu yang tidak senonoh biadab dan mengugut dan terjumlah kepada penghinaan Dewan Yang Mulia Ini sebab surat tersebut ditujukan kepada Tuan Speaker secara peribadi. Dewan memang boleh mengambil tindakan ke atas sesiapa yang menghina Dewan Yang Mulia Ini. Ini termaktub di dalam Undang-Undang Tubuh Kerajaan Negeri Selangor. Setelah mempertimbangkan keseluruhan dan keterangan yang berbangkit maka Jawatankuasa telah sebulat suara Tuan Speaker, telah sebulat suara memutuskan seperti berikut:-

Jawatankuasa memutuskan YAB minta maaf Yang Berhormat daripada Pelabuhan Klang didapati tidak bersalah dan Jawatankuasa juga memutuskan bahawa Mohd Hafarizam Harun didenda sebanyak RM20,000.00 dan didapati bersalah.

Tuan Speaker, alasan-alasan mengapa Yang Berhormat Pelabuhan Klang didapati tidak bersalah adalah disebabkan beliau pertama hadir dan yang kedua beliau telah memberi penjelasan mengatakan beliau tidak memberi arahan-arahan sepertimana yang tercatat di dalam surat tersebut kepada Peguamnya. Tetapi yang paling penting yang ketiga beliau telah meminta maaf seperti begini. Beliau telah mengatakan saya mohon maaf. Bagi pihak saya mohon maaf. Saya mohon maaf pada Badan ini. Minta maaf, *sorry*. Ini adalah perkataan-perkataan yang dikemukakan yang di utarakan oleh Yang Berhormat daripada Pelabuhan Klang. Saya tidak memberi apa-apa arahan kepada Peguam kata Yang Berhormat daripada Pelabuhan Klang. Pelabuhan Klang dengan terus terang menyatakan bahawa beliau tidak memberi arahan terus kepada Peguam Beliau A iaitu Mohd Hafarizam Harun.

Tuan Speaker, Mohd Hafarizam Harun didapati bersalah. Didapati bersalah dan dihukum dengan sebanyak RM20,000.00.

Tuan Speaker, alasan-alasan mengapa Jawatankuasa mendapati beliau bersalah adalah seperti berikut:-

- 1) Beliau memilih tidak hadir, ingkar kehadiran. Beliau tidak hadir untuk pendengaran untuk memberi penjelasan sepertimana kita yang kita memberi peluang kepada beliau untuk memberi penjelasan.
- 2) Surat bertarikh 29^{hb} Mac adalah ditandatangani sendiri oleh Mohd Hafarizam Harun.

- 3) Timing, masa, beliau memilih untuk menghantar surat tersebut adalah suatu yang tidak senonoh. Dewan Yang Mulia Ini dibuka oleh DYMM Tuanku Sultan pada 28hb Mac 2011. Selepas pembukaan pada hari keesokannya beliau memilih untuk menghantar surat tersebut kepada Tuan Speaker dan memberi masa, ah ini yang ketiga mengapa kita mendapati beliau bersalah. Memberi masa hanya tujuh (7) hari untuk Tuan Speaker membayar RM40,000.00 kos yang dikenakan melalui Perintah Mahkamah bertarikh 18hb Februari 2011. Tujuh hari untuk membayar RM40,000.00 dalam masa terdekat, suatu yang tidak senonoh, seolah-olah mengugut.

Tuan Speaker, perkara di mana denda sebanyak RM40,000.00 dikenakan adalah berpunca daripada suatu Guaman Civil terhadap Tuan Speaker sebagai Tuan Speaker dan bukan sebagai kapasiti sendiri. Perkara yang dibangkitkan adalah di mana Tuan Speaker di saman sebagai kapasiti sebagai Tuan Speaker, bukan kapasiti dalam peribadi. Mekan tuntutan yang dituntut oleh Peguam Mohd Hafarizam Harun adalah suatu yang tidak betul, salah di sisi Undang-Undang dan tidak boleh diterima langsung dalam mana-mana perkara. Jelas beliau memilih untuk memberi hanya tempoh tujuh (7) hari sebab Persidangan Dewan Undangan Negeri Tetapkan selama sepuluh (10) hari pada Mac 2011. Ini seolah-olah menekan Tuan Speaker untuk membayar RM40,000.00 dalam masa Dewan Bersidang. Dan yang penting sekali Tuan Speaker, di dalam surat bertarikh 29 Mac 2011 perkataan-perkataan seperti *strict instruction from our clients* digunakan oleh Peguam tersebut manakala anak guam beliau Yang Berhormat daripada Pelabuhan Klang mengatakan beliau tidak memberi arahan sedemikian. Dan kami mendapati ada suatu Afidavit palsu dikeluarkan oleh Mohd Hafarizam Harun menyatakan arahan-arahan adalah diterima daripada Yang Berhormat Pelabuhan Klang. Dan kami mendapati Yang Berhormat Pelabuhan Klang sendiri mengatakan tidak memberi arahan-arahan sedemikian. Dan dengan itu Tuan Speaker, kami dengan alasan-alasan tersebut telah menimbangkan secara mendalam dan telah memutuskan mendapati beliau bersalah dan mengenakan denda sebanyak RM20,000.00 dibayar oleh Peguam tersebut dan malangnya dua daripada Ahli Barisan Nasional yang sepatutnya hadir semasa pendengaran Jawatankuasa Hak dan Kebebasan Dewan iaitu Ahli Yang Berhormat Sabak dan Ahli Yang Berhormat daripada Kuala Kubu Bharu tidak hadir untuk membantu Ahli Yang Berhormat daripada Pelabuhan Klang. Juga tidak hadir untuk membantu Peguam UMNO Mohd Hafarizam Harun. Dan dengan ini saya mendapati pertuduhan saman yang dikeluarkan ke atas kedua-dua mereka adalah sah salah seorang daripada mereka memilih untuk hadir manakala salah seorang memilih untuk pergi ke Mahkamah selepas keputusan dibuat. Peguam Mohd Hafarizam Harun telah pergi ke Mahkamah untuk mendapat suatu perintah selepas keputusan dibuat. Seolah-olah dengan izin *Closing the Staple Door after the Horse has bolted*. Beliau ingin mendapatkan sesuatu Perintah Injunksi ke atas Jawatankuasa ini selepas keputusan dibuat. Memandangkan keputusan telah pun dibuat maka apa-apa Perintah Mahkamah selepas itu tidak boleh digunakan dan tidak boleh terpakai bagi Jawatankuasa ini. Dan walau apa sekali pun mana-mana Perintah Mahkamah tidak boleh mengehadkan kebebasan Dewan Yang Mulia Ini. Dewan Yang Mulia Ini adalah dewan yang mengeluarkan arahan-arahan menetapkan undang-undang, yang menjadikan suatu perkara suatu undang-undang yang sah. Tidak ada orang lain yang boleh mengehadkan kebebasan Dewan ini. Dengan demikian saya telah mendapati berhubung dengan sabitan Jawatankuasa ini merumuskan mendapati Yang Berhormat Pelabuhan Klang didapati tidak bersalah atas pertuduhan ke atas beliau. Kami sanggup maafkan beliau dan Jawatankuasa ini pun merumuskan bahawa Mohd Hafarizam Harun telah menghina Dewan, ini seperti di dalam pertuduhan dan kesalahan menghina Dewan ini tidak boleh dipandang ringan kerana ia menjejaskan kewibawaan di mana hukuman yang setimpal hendaklah dikenakan ke atas Mohd Hafarizam Harun. Dan dengan itu kami telah membuat dua keputusan.

- 1) Bagi Datuk Mohd Hafarizam Harun yang enggan hadir untuk memberi keterangan Jawatankuasa ini telah mengarahkan Setiausaha Dewan Tuan Mohd Yasid bin Bidin untuk membuat suatu repot polis terhadap Mohd Hafarizam Harun bagi membolehkan Pendakwa raya Malaysia mengambil tindakan penghinaan Dewan sejajar dengan sesuatu kesalahan di bawah Seksyen 3(b) Enakmen Penghinaan Dewan Negeri Selangor Tahun 2009 dan boleh dihukum di bawah Enakmen 4(a) Enakmen yang sama. Itu bagi kesalahan tidak hadir dan saya percaya dan saya pasti Setiausaha Dewan telah pun membuat suatu repot Polis.
- 2) Bagi Mohd Hafarizam Harun yang dapati bersalah menghina Dewan, kami mendapati beliau dengan menghantar sesuatu surat bertarikh 29hb Mac 2011 kepada Tuan Speaker, Dewan Negeri Selangor yang berbahasa amat tidak senonoh biadab dan mengugut. Jawatankuasa ini telah mengenakan hukuman denda sebanyak RM20,000.00 ke atas Mohd Hafarizam Harun. Dan akhir sekali saya ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan ribuan terima kasih kepada Yang Berhormat daripada Bangi dan Yang Berhormat daripada Subang Jaya yang tidak hadir sekarang kerana hadir di pendengaran dan telah mendengar penjelasan daripada Yang Berhormat Pelabuhan Klang dan tidak penjelasan daripada Mohd Hafarizam Harun. Dengan ini saya memohon Tuan Speaker agar Usul No. 15 Tahun 2011 diterima. Sekian terima kasih.

TUAN SPEAKER : Penyokong.

YB TUAN DR. SHAFIE BIN ABU BAKAR : Tuan Speaker, Bangi bangun untuk menyokong Usul No. 15 Tahun 2011 Usul Di bawah Peraturan Tetap 76(5) oleh Yang Berhormat Kota Alam Shah dan laporannya sebagai dalam Penyata Jawatankuasa Hak Kebebasan Dewan Negeri Selangor. Terima kasih.

TUAN SPEAKER : Ahli-Ahli Yang Berhormat Sekalian, Usul ini pun telah disokong dan dikemukakan untuk dibahaskan. Ya, Kampung Tunku.

YB TUAN LAU WENG SAN : Terima kasih Tuan Speaker, Kampung Tunku berdiri untuk menyokong Usul yang dibawa oleh Yang Berhormat Kota Alam Shah ini. Saya tidak akan berucap panjang cuma apa yang saya ingin tekankan dan tanya berapa kali ditekankan di dalam Dewan Yang Mulia Ini bermula dengan Enakmen menghina Dewan yang diluluskan oleh Dewan iaitu semua pihak sama ada seseorang itu adalah Ahli Dewan Yang Berhormat atau tidak. Perlulah menghormati keutuhan Dewan dan menjaga kebebasan dan juga Hak Dewan Yang Mulia Ini. Dalam kes ini kami telah melihat bahawa seperti apa yang diucapkan oleh Yang Berhormat Kota Alam Shah tadi tindakan yang senonoh, tindakan yang tidak profesional oleh seorang peguam bernama

Hafarizam bin Harun terhadap Dewan yang mulia atau Speaker sendiri dan juga terhadap Jawatankuasa Hak dan Kebebasan. Ini merupakan satu bentuk penghinaan. Pada pendapat saya penghinaan yang paling besar dan tidak boleh dimaafkan sama sekali. Dan ia perlu diberikan hukuman seberat-berat kerana kita hendak membawa satu mesej kepada orang ramai bahawa Dewan yang bersidang, Dewan dan perjalanannya termasuk jawatankuasa-jawatankuasa yang berjalan di bawah Dewan ini merupakan sesuatu yang penting bagi semua. Ianya mempunyai suatu istimewa, tempat istimewa dalam sistem perundangan di Malaysia ini. Khususnya apa yang lebih penting, satu lagi perkara yang sangat penting ialah tentang tindakan, tindakan peguam ini mengeluarkan saman terhadap Yang Berhormat Speaker. Saya berpendapat ini merupakan sesuatu yang tidak pernah berlaku dalam mana-mana Dewan Undangan Negeri ataupun Parlimen Di Negara Komanwel. Di mana Speaker, apabila

menjalankan tugasnya di bawah Peraturan Tetap dan juga di bawah Undang-undang Tubuh Negeri adalah imun daripada tindakan mahkamah. Sebenarnya kalau kita kembali ke isu yang lebih besar, iaitu isu kekosongan kerusi Pelabuhan Kelang ini, tindakan atau keputusan Speaker adalah muktamad seperti yang di nyatakan dalam Undang-undang Tubuh Kerajaan Negeri Selangor Tahun 1959. Tapi keputusan ini pula di 'reverse' oleh keputusan mahkamah pula. Saya berpendapat ini adalah sesuatu yang tidak sepatutnya berlaku dan ianya apabila telah berlaku merupakan sesuatu yang amat malang bagi sejarah Dewan Undangan Negeri Selangor ini. Oleh itu saya berharap usul ini dapat disokong dan Kerajaan termasuk semua rakyat perlulah berdiri teguh di bawah di belakang Dewan Undangan Negeri supaya orang ramai termasuk pihak-pihak yang di sebelah sana sentiasa menghormati keutuhan Dewan ini. Dan keputusan Dewan ini tidak boleh dicabar di mana-mana mahkamah. Ini merupakan suatu soal pokok, tapi malangnya ramai tidak faham dan terus menerus ada pihak yang membawa keputusan Dewan, keputusan Speaker malahan isi ucapan Ahli-ahli Yang Berhormat ke mahkamah. Dan saya tidak faham mengapa mahkamah melakukan, membuat keputusan untuk campur tangan dalam urusan Dewan ini. Sepatutnya mahkamah tidak ada hak di bawah perlembagaan dan juga di bawah Undang-undang Tubuh Kerajaan. Jadi saya rasa ini merupakan sesuatu yang saya rasa bukan saja tahap penghinaannya yang paling serius tetapi juga merupakan satu 'content', satu krisis perlembagaan, bakal berlaku. Dan sekarang ia sedang berlaku. Kami tidak mahu ia menjadi satu krisis yang tidak baik untuk anak-anak kita pada masa depan nanti. Oleh itu saya berharap usul ini disokong oleh semua pihak termasuk rakyat Selangor dan juga rakyat Malaysia dari seluruh pelosok negara. Sekian, terima kasih.

TUAN SPEAKER : Bebas. Pihak Kerajaan, tak ada.

YAB DATO' MENTERI BESAR: Dato' Speaker. Saya sedang mendengar dengan penuh minat cadangan yang dikemukakan oleh Kota Alam Shah dan saya merasakan Kerajaan Negeri mahu meneliti perkara ini dan menyokong apa yang sesuai supaya kita dapat teruskan usaha supaya penghormatan Dewan Negeri Selangor ini dapat diterima sebagai salah satu institusi yang tertinggi di negeri Selangor mewakili rakyat dalam penggubalan dan pentadbiran negeri Selangor. Oleh itu, Kerajaan Negeri menerima syor ini dan mahu bersama-sama dengan Dewan untuk meneruskan usaha kita supaya peguam diberikan apa yang sepatutnya beliau dikenakan. Terima kasih.

TUAN SPEAKER : Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, adapun masalah di hadapan Dewan ini ialah satu usul yang berbunyi :-

"Bahawasanya mengikut perenggan 5 dalam Peraturan Tetap 76, Peraturan-Peraturan Tetap Bagi Dewan Negeri Selangor, Dewan yang mulia ini yang bersidang pada hari membuat ketetapan supaya syor-syor dan hukuman yang terdapat di dalam penyata laporan Jawatankuasa Hak dan Kebebasan Dewan Negeri Selangor yang telah dibentangkan sebagai Kertas Mesyuarat Bil 18 Tahun 2011 adalah diterima."

Ahli-ahli Yang Berhormat yang bersetuju sila kata **YA**. Ahli-ahli Yang Berhormat yang tidak bersetuju sila kata **TIDAK**. **Usul dipersetujui.**

SETIAUSAHA DEWAN : Aturan urusan mesyuarat seterusnya Usul No. 16 Tahun 2011. Usul di bawah Peraturan Tetap 76 (5) oleh Yang Berhormat Kampung Tunku.

YB TUAN LAU WENG SAN : Tuan Speaker dan Ahli Yang Berhormat sekalian. Bahawasanya mengikut Perenggan 5 dalam Peraturan Tetap bagi Dewan Negeri Selangor,

Dewan yang bersidang pada hari ini membuat ketetapan supaya syor-syor yang terdapat di dalam penyata Jawatankuasa Pilihan mengenai agensi Badan Berkanun dan Anak Syarikat Kerajaan JP ABAS, mengenai laporan Ketua Audit Negara Negeri Selangor yang dibentangkan sebagai Kertas Mesyuarat Bil 19 Tahun 2011 diterima.

Tuan Speaker dan Ahli Yang Berhormat sekalian,

Laporan ini telah membentangkan beberapa siasatan dan kajian terhadap urusan PNSB dan SIC, dan saya berdiri di sini untuk menjalankan supaya saranan-saranan ini perlu di terima dan dilaksanakan oleh Kerajaan Negeri. Kerajaan telah menetapkan garis panduan perbendaharaan mengenai perjalanan syarikat-syarikat di bawah Kerajaan Negeri. Ia perlulah di patuhi. Aspek pertama termasuklah penyata kewangan perlu di bentang dan diaudit secepat mungkin dalam masa terdekat. Aspek yang kedua, garis panduan ini ialah berkaitan dengan bayaran-bayaran bonus kepada syarikat-syarikat Kerajaan. Aspek ketiga adalah berkenaan bayaran dividen dan juga yang keempat tentang kualiti perancangan dan pengurusan syarikat. Walaupun kerajaan sekarang memberi tumpuan kepada aspek yang keempat iaitu kualiti perancangan dan pengurusan syarikat tetapi tiga aspek utama yang disebutkan tadi itu jugalah perlu di patuhi oleh setiap satu anak-anak syarikat kerajaan kerana ia mencerminkan profesionalisme anak-anak syarikat kerajaan negeri. Contohnya dalam laporan ini, dalam penyata ini, JP ABAS telah mendapati Permodalan Negeri Selangor Berhad atau PNSB telah tersasar dalam mengemukakan penyata kewangan tahun 2008 dan tahun 2009 kepada pihak audit, seperti yang dijanjikan bulan Jun 2010. Kelewatan ini disebabkan oleh kelewatan audit dalaman di mana penyata akaun tahun 2007 yang telah dibentangkan kepada Lembaga Pengarah pada Jun 2008 adalah tidak lengkap dan masih terdapat isu-isu yang tidak dapat dijawab pada masa itu.

PNSB juga melakukan kesilapan dari segi yang keempat. Di mana PNSB tidak pernah membuat kajian pasaran dan kajian daya saing atau '*fisicality study*' sebelum menjalankan projek Bandar Baru Salak Tinggi atau BBST. Projek pembangunan ini hanya dijalankan pada masa itu berdasarkan persepsi permintaan yang meningkat di BBST selaras dengan pembangunan lapangan antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA). Dalam penyata Jawatankuasa ABAS ini, PNSB juga telah dilaporkan memperoleh 12 unit apartmen Al-Marwa Tower di Mekah yang bernilai RM 25.6 juta pada tahun 2007. Di mana 7 daripada 12 unit ini di perolehi dengan bilai RM 17.25 juta tanpa kelulusan Lembaga Pengarah. Apa yang aneh ialah apartmen ini kemudian dijual kepada seorang individu dengan harga yang sama pada tahun sama. Dan transaksi ini diluluskan pada tahun 2008, iaitu transaksi dilakukan sebelum mendapat kelulusan Lembaga Pengarah. Yang kedua, saya juga difahamkan bahawa hartanah di kawasan Mekah ini kalau saya tidak silap hanya boleh dijual kepada individu Muslim sahaja. Kalau saya tidak silap hanya boleh dijual kepada individu Muslim sahaja. Bagaimana pula PNSB sebagai sebuah syarikat dibenarkan untuk membeli bukan satu unit tapi 12 unit di apartmen Al-Marwa Tower ini. Ini saya minta Kerajaan untuk mengkaji bagaimana PNSB di bawah Kerajaan PR sekarang boleh mengutip balik apa-apa keuntungan wang ringgit ataupun *profit* yang sepatutnya diraihkan oleh PNSB melalui penjualan 7 unit apartmen itu. Selain daripada itu saya juga meminta Kerajaan untuk memaklumkan kepada Dewan ini apakah yang akan dilakukan, apakah yang boleh dilakukan, dan apakah yang telah dilakukan oleh Kerajaan terhadap baki 5 unit apartmen yang masih dimiliki oleh PNSB. Adakah akan menjual apartmen-apartmen ini, jikalau tidak, bagaimana PNSB akan membayar bil-bil penyelenggaraan yang semakin membebankan.

Untuk isu ini juga, untuk syarikat yang sama iaitu PNSB, Jawatankuasa juga sangsi terhadap pelupusan kereta volvo S70. Keenam-enam kereta volvo ini ialah BFS 171, BFS 3232, BFR 3223, BFS 2233, BFS 8668, BFS9588. Semua angkanya cantik. Di mana kereta-kereta ini, saya difahamkan telah dibeli sekitar tahun 2001 dan 2002. Mesyuarat Lembaga Pengarah PNSB Bil 2/2004 bertarikh 16 Disember 2004, memberi kelulusan pelupusan aset terhadap 6 unit kereta volvo S70 ini. Resolusi juga diluluskan untuk memberi kuasa kepada ketua pegawai eksekutif dan pengurusan syarikat untuk menguruskan pelupusan dan menandatangani perjanjian jual beli. Mesyuarat Lembaga PNSB Bil 1/2005 bertarikh 10 Jun 2005 pula telah meluluskan penjualan kereta kenderaan ini kepada pegawai pengurusan PNSB dengan harga RM 36,500.00 seunit. Bayangkan, ini adalah kereta volvo dan bayaran dibuat secara ansuran dalam tempoh 6 bulan mulai Julai 2005 sehingga Disember 2005. Pada halnya harga atau pun penilaian Jabatan kerja Raya (JKR) terhadap 6 unit volvo S70 ini, adalah di antara RM73,000.00 hingga RM 87,000.00. Bagaimana PNSB boleh manual kereta ini dengan harga yang jauh lebih murah daripada yang sepatutnya. Semakan terhadap keputusan Mesyuarat Lembaga Pengarah Bil 1 2005, mendapati harga jualan 6 unit kereta tersebut adalah berdasarkan harga anggaran oleh JKR iaitu RM 503,500.00 dengan diberi diskaun sebanyak 50% berjumlah RM 251,750.00. Bagaimanapun kenderaan tersebut telah dijual kepada pegawai-pegawai berkenaan dengan jumlah RM219,000.00 iaitu kekurangan sebanyak RM32,750.00. Bayangkan saudara-saudara sekalian, ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, kereta mewah volvo S70 yang berharga ratusan ribu pada masa itu yang hanya diguna pakai selama tiga tahun, dijual dengan harga RM36, 00.00 satu, setiap satu. Ini berlaku kerana PNSB pada masa itu tidak menyediakan SOP sebagai panduan untuk mengurus dan mengawal pengurusan kewangan syarikat. Akibatnya pengurusan kewangan telah menjejaskan kecekapan operasi PNSB. Dan oleh itu Jawatankuasa dalam Penyata telah menyarankan seperti yang berikut :-

1. Prestasi kewangan – memastikan PNSB pada setiap masa ketika memiliki pegawai dan kakitangan audit dan kewangan yang berkelayakan dan kompeten, agar kerja-kerja audit dalaman tidak melengahkan kerja juru audit yang dilantik sendiri oleh PNSB sehingga menjejaskan prestasi kewangan syarikat.
2. Berkenaan dengan projek di Bandar Baru Salak Tinggi – disarankan Kerajaan mengambil tindakan bersepadu daripada semua pihak sama ada pihak Berkuasa Negeri, Pihak Berkuasa Tempatan, agensi-agensi terbabit dan juga PNSB hendaklah dijalankan satu kerangka masa yang ditetapkan bagi mempercepatkan memperoleh Sijil Layak Menduduki di bangunan CF, bagi pembangunan di Bandar Baru Salak Tinggi. Membuat keputusan yang cepat dan tegas berkenaan projek pembangunan di BBST dengan mempercepatkan perjanjian untuk menjadikan unit-unit kedai untuk menjadikan hotel-hotel bajet dibangunkan aktiviti-aktiviti yang boleh menggalakkan perniagaan disewa ataupun dilelong dengan harga yang berpatutan. Dan memastikan rancangan PNSB untuk menjadikan baki tanah seluas 30 ekar sebagai lot-lot untuk dijual kepada pembeli adalah tidak bertentangan dengan hasrat awal tanah tersebut diserahkan oleh kerajaan kepada PNSB. Jika ianya bertentangan dengan tujuan asal maka tindakan wajar adalah diambil bagi mengelakkan kerugian kepada kerajaan negeri.
3. Berkenaan dengan apartmen Al-Marwa Hotel adalah disarankan supaya diwujudkan satu '*task force*' di bawah MBI untuk menyelaras berkenaan dengan De Palma Hotel adalah disarankan agar supaya diwujudkan satu *task force* di bawah MBI untuk menyelaraskan semua urusan kaitan dengan lima unit *apartment* di Al-Marwa Tower dengan satu terma tugas kerangka masa atau tempoh yang jelas dan spesifik. Menyelesaikan segala urusan *maintenance fee* yang masih tertunggak bagi menjaga

nama baik kerajaan negeri Selangor. Mengenal pasti individu yang membeli semula tujuh (7) unit Apartment Al-Marwa Tower tanpa kelulusan Lembaga Pengarah PNSB dengan harga yang sama dan mengenal pasti berapa kadar bayaran ansuran yang telah dibuat. Mengenai berkenaan pelupusan enam (6) kereta Volvo S70 disarankan supaya dipastikan sebarang keputusan yang dibuat oleh Lembaga Pengarah dalam pelupusan aset syarikat hendaklah sebaik-baiknya mengikuti garis panduan agensi teknikal yang dirujuk seperti JKR dan pelupusan dilakukan dengan menggunakan kaedah dan tawaran terbuka atau lelong serta telah mendapat kelulusan daripada pihak berkuasa negeri terlebih dahulu.

TUAN SPEAKER : Yang Berhormat, panjang lagi ya.

YB TUAN LAU WENG SAN : Ada tiga empat perenggan.

TUAN SPEAKER : Baik. Ahli Yang Berhormat sekalian, oleh sebab urusan dewan memerlukan sedikit masa maka dewan perlu disambung, saya mempersilakan Yang Amat Berhormat Menteri Besar untuk membawakan usul.

YAB DATO' MENTERI BESAR : Terima kasih Dato' Speaker dan Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian. Saya ingin membawa satu usul yang berbunyi seperti berikut: "Bahawasanya Dewan yang bersidang pada hari ini mengikut Peraturan 11 Peraturan Tetap Negeri Selangor hendaklah dilanjutkan sehingga Aturan Urusan Mesyuarat diselesaikan."

YB DATO' DR. HASAN BIN MOHAMED ALI : Saya menyokong.

YB TUAN LAU WENG SAN : Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, usul ini telah pun disokong. Saya kemukakan untuk mendapat persetujuan. Ahli-ahli Yang Berhormat yang bersetuju, sila kata 'YA'. Ahli-ahli Yang Berhormat yang tidak bersetuju, sila kata 'TIDAK'. Dipersetujui. Silakan Kampung Tunku.

YB TUAN LAU WENG SAN : Terima kasih Tuan Speaker, Jawatankuasa Pilihan mengenai Agensi Badan Berkanun dan Tanah syarikat kerajaan juga menjalankan semakan terhadap SSIC. Bagi syarikat ini, jawatankuasa mendapati SSIC tidak mempunyai *co-competasi* dalam bidang perniagaan yang diceburinya. Maka dua penubuhan dua subsidi juga menghadapi masalah yang sama iaitu tidak mempunyai fokus dan tumpuan dalam benar-benar memahami kehendak kuasa pemasaran. Selain itu krisis *Marketing Sdn. Bhd* salah satu syarikat, anak syarikat SSIC. Aktiviti mengimport jubin dari negara China telah dijalankan tanpa penelitian terperinci terhadap dasar perlindungan pasaran tempatan dan kenaikan duti import oleh kerajaan. Aktiviti ini, tercicir, kelalaian ini telah menjejaskan gazet *Marketing Sdn. Bhd* sehinggakan menumpukan seluruh aktiviti. Demikian juga, SSIC kekurangan kekuasaan yang mantap dalam bidang perniagaan yang diceburi oleh *Module Board Sdn. Bhd* iaitu salah satu anak syarikat SSIC yang didapati tidak teliti dan cermat dalam memahami cita rasa dalam kehendak pasaran sehingga produk yang diperkenalkannya gagal. Kebergantungan subsidi dan subsidiari-subsidiarinya terhadap PKNS telah menjadikan aktiviti *Module Board Sdn. Bhd.* lumpuh apabila projek Bukit Botak diberhentikan pada masa itu. SSIC juga banyak bergantung pada projek-projek PKNS dan fenomena ini telah menjadikan seolah-olah satu kebiasaan bagi GOC. Saya menyeru semua anak syarikat GOC ini berdikari dan berdiri atas kaki sendiri. Mereka tidak harus terlalu bergantung pada projek-projek PKNS tapi seharusnya cukup usaha dalam menceburi sektor pembinaan swasta, masuk industri-industri pembinaan di luar negara. Selain daripada itu, SSIC mempunyai *distrinorly* PKNS yang mempunyai modal berbayar besar iaitu sejumlah RM35 Juta patutnya mempunyai potensi perniagaan yang *reaseach* dalamnya

sendiri. Pembangunan *co business* dalam kadar segera seperti yang dinyatakan dalam Penyata Kewangan, Penyata Jawatankuasa Pilihan dalam agensi badan berkanun dan anak syarikat kerajaan negeri Selangor ini. Kerajaan negeri Selangor perlulah meneliti saranan-saranan mengemukakan satu kertas putih. Kita harap saranan ini untuk sidang-sidang akan datang supaya rakyat negeri Selangor akan mengetahui dan terkini terhadap isu-isu yang dibangkitkan dalam penyata ini. Itulah ucapan saya, terima kasih diucapkan kepada semua.

TUAN SPEAKER : Penyokong. Lembah Jaya.

YB TUAN KHASIM BIN ABDUL AZIZ : Lembah Jaya menyokong usul 16 di bawah Peraturan Tetap 76 (5).

TUAN SPEAKER : Ada pembahas? Pihak kerajaan?

YAB DATO' MENTERI BESAR: Dato' Speaker, saya mengucapkan terima kasih terhadap usul yang dikemukakan dan cadangan-cadangan yang dikemukakan itu sangat penting dan perlu diambil tindakan. Mengenai Akaun PNSB, saya ingin mengumumkan bahawa akaun PNSB daripada tahun 2007, 2008, 2009, 2010 sudah selesai diaudit dan sudah dimasukkan, didaftarkan ataupun *diserahkan* kepada *register company* ataupun pertubuhan yang memantau syarikat-syarikat. Jadi bagi mesyuarat dewan hadapan, kita boleh tuliskan dalam kertas putih tentang itu semua sudah kita selesaikan. Pemantauan ini dibuat oleh MBI. Kalau ia lambat bererti akauntan MBI akan turun ke syarikat untuk menyelesaikan akaun-akaun tersebut. Maka pada hari ini kita mahu lihat semua akaun syarikat dalam kelolaan MBI ataupun dalam pemilikan Kerajaan Negeri mempunyai akaun-akaun yang diaudit dan terkini. Jadi, kita belum sampai ke satu tahap yang serupa dengan sektor-sektor syarikat yang diurus niaga di pasaran saham. Tahapnya ialah setiap *every quarter* iaitu suku tahun, membuat kenyataan yang disebut *an-auditor result* tetapi kita belum sampai ke satu tahap itu. Saya berharap pada tahun hadapan kita juga boleh mengeluarkan satu laporan perakaunan berasaskan dan berpandukan tatacara yang diterima oleh bursa saham sebagai satu *standard* bagaimana pengurusan kewangan dibuat oleh syarikat-syarikat dalam Kerajaan Negeri. Jadi itu yang kita a... a....

Perkara kedua ialah mengenai a... a... urus niaga ataupun *join venture* yang dibuat di kawasan Salak Tinggi. Ia adalah masalah yang besar, sudah tiada yang ingin membeli dan menyewanya jadi saya tidak juga bercadang untuk melongnya sebab kita rasa lelong boleh memberikan harga yang tidak sesuai memandangkan keadaan di Sepang permintaan secara keseluruhannya masih lagi baik. Bagaimanapun isu yang terpenting ialah isu rizab tanah Melayu yang perlu kita selesaikan dan kita boleh menganggap PNSB ialah syarikat milikan kerajaan negeri. Oleh sebab itu tanah itu dibuat dalam keadaan tersebut dan hanya penjualan boleh dibuat kepada mereka yang berstatus Melayu dan bumiputera ataupun syarikat-syarikat yang mempunyai status Melayu dan bumiputera.

Perkara yang ketiga, mengenai penjualan Volvo, saya sendiri pun baru tahu, kelulusan itu ialah pada tahun 2005. Jadi sudah tentulah kita tidak boleh menyelesaikannya tapi peraturan-peraturan penjualan aset syarikat sudah diperketatkan. Sebelum kes ini pun kita sudah perketatkan dan semua penjualan aset syarikat mestilah mendapat kelulusan Lembaga Pengarah, tidak boleh a... a... dua perkara yang berlaku *writing off* apa yang disebut untuk *writing than* pun mesti mendapat kelulusan Lembaga Pengarah. Kita mahu memperkenalkan lagi satu sistem baharu iaitu *writing off* perkara-perkara yang melebihi lima puluh ribu (50 000) maknanya mesti diluluskan oleh *share holder* oleh pemilik saham. Itu pun kita mahu memperkenalkan satu cara baharu ada pemantauan oleh pemilik-pemilik saham. Bagaimanapun pemilik-pemilik saham ialah MBI. Tetapi MBI sendiri mesti mempunyai

dokumen-dokumen yang menyebabkan kelulusan itu boleh diberi. Jadi pemantauan itu perlu kita lakukan.

YB TUAN LEE KIM SIN : Tuan Speaker, minta penjelasan. Terima kasih kepada Tuan Speaker dan juga Yang Amat Berhormat, kita nampak dalam laporan yang dibawa dalam usul ini, kita dapati memang sistem pemantauan yang disebutkan itu memang kekurangan. Dan juga dari ucapan Yang Amat Berhormat tadi pun menunjukkan bahawa adanya yang kekurangan pemantauan daripada pihak MBI dalam sistem pemantauan anak-anak syarikat GLC ni. Dalam keadaan ini apakah keupayaan MBI untuk memantau GLC-GLC kerajaan yang begitu banyak? Adakah langkah-langkah MBI cadang untuk *slim down* (dengan izin) iaitu dengan dasar *business off goverment not is business* iaitu kita akan kurangkan-kurangkan perniagaan-perniagaan ataupun hal-hal kerajaan dalam perniagaan komersial yang seharusnya diterajui oleh pihak swasta? Sekian, terima kasih.

YAB DATO' MENTERI BESAR : Ada konflik tetapi jawapan itu ada. Pertama, MBI baru ditubuhkan tidak sampai dua (2) tahun, sebabnya MBI tidak wujud, ia wujud sebagai satu *entity* yang tidak mempunyai fungsi langsung, ia baru wujud dan kita sekarang ada kumpulan profesional yang dilatih untuk memantau tetapi tidak boleh besar kerana terlalu besar bermakna *over weight* sangat tinggi. Ia bukan menjalankan operasi ia hanya menjalankan pemantauan. Jadi pemantauan lebih besar daripada orang yang membuat operasi maknanya kita tidak reti tentang *business*. Oleh sebab itu, saya menengok sejauh mana yang kita boleh lakukan yang lebih penting. Dalam mana-mana pengendalian syarikat adalah kewibawaan *chief Executive* nya dan juga disiplin yang dibuat oleh *Chief Executive* dalam hal mengendalikan *business*. Oleh itu, pemilihan kita pegawai-pegawai itu sangat penting dan juga pengalaman pegawai itu pun sangat penting. Boleh jadi ditekan ataupun tidak diberi penekanan pada masa yang lepas sebelum 2008. Jadi sekarang kita mula melihat bagaimana pembaharuan daripada segi pengurusan dibuat. Sebab kita memilih orang yang berpengalaman, berkeupayaan dan berdisiplin dalam usaha tersebut. Saya menerima konsep apa yang disebut *goverment student be in business* tetapi *when goverment in business you must be real business* jadi itu tidak boleh. Saya terima konsep tetapi saya tidak hendak pula datang sahaja masuk kerajaan kita jual *business* kita dengan tidak tentu arah... tidak boleh. Jadi, saya menerima konsep itu sebab saya tidak menekankan kerajaan membeli apa-apa syarikat lagi sebab kita, hanya syarikat yang kita ada mesti kita urus dengan baik dan teratur tetapi tidak menjadikan syarikat itu sebagai Kerajaan Negeri pergi mengambil alih syarikat lain untuk mengembangkan pelaburan Kerajaan Negeri. Walaupun saya mempunyai sedikit pengalaman *alb elf arrange for Malaysian* daripada segi pengambilalihan syarikat tetapi saya tidak menerima konsep ini untuk Negeri sebab negeri *should be in business*. Negeri *should be helping business, create invironment in business* dan untung dihantar dan diberi kepada Negeri untuk pengagihan yang paling telus dan pengagihan yang disebut adil itu. Tetapi sekarang penyelesaian yang dibuat saya berterima kasih kepada Jawatankuasa yang melihat ini dan saya minta Ketua Eksekutif ini mengeluarkan kenyataan untuk diedarkan dalam masa yang singkat sebelum Dewan kita bersidang lagi. Oleh itu, lagi sekali Kerajaan Negeri menerima usul-usul dan cadangan dan berterima kasih terhadap cadangan tersebut dan inilah usaha pemantauan apa yang disebut dalam pengurusan iaitu apa yang kita terima konsep *check and blance*. Maknanya kita boleh semak dan balance supaya dengan cara itu kita sekurang-kurangnya memantau dengan cara yang terbaik harta-harta rakyat yang diuruskan melalui MBI dan ini akan memberi peluang supaya kita ada ketulusan dan kebertanggungjawaban, terima kasih.

TUAN SPEAKER : Ahli-Ahli Yang Berhormat sekalian ada pun masalah di hadapan Dewan ialah satu usul yang berbunyi bahawasanya mengikut perenggan lima dalam peraturan tetap 76 bagi Dewan Negeri Selangor, Dewan yang bersidang pada hari ini membuat ketetapan supaya

syor-syor yang terdapat dalam penyata jawatankuasa pilihan Agensi mengenai Badan Berkanun dan Anak Syarikat Kerajaan JP ABAS melalui laporan Ketua Audit Negara Selangor yang dibentangkan sebagai Kertas Mesyuarat Bilangan 19, 2011 diterima. Ahli-Ahli Yang Berhormat yang bersetuju sila kata ya.

AHLI-AHLI YANG BERHORMAT : Ya

TUAN SPEAKER : Ahli-Ahli Yang Berhormat yang tidak bersetuju sila kata tidak.

Dipersetujui.

SETIAUSAHA DEWAN : Aturan urusan mesyuarat seterusnya usul untuk menangguhkan dewan.

YAB DATO' MENTERI BESAR : Tuan Speaker dan Ahli-Ahli Yang Berhormat. Persidangan kita berakhir di sini. Saya mencadangkan supaya Dewan ini ditangguhkan ke hingga suatu masa yang ditetapkan kelak. Saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli-Ahli Yang Berhormat yang hadir bersama-sama untuk membincangkan dan meluluskan usul-usul yang dikemukakan. Yang Pertama adalah bajet tambahan kita yang kita mahu tentukan penggunaan yang kita janjikan dan juga menerima cadangan bahawa pengurusan itu mesti telus dan bertanggungjawab. Saya menggunakan kesempatan ini untuk memberikan satu jawapan yang dihebahkan di surat khabar menyatakan Kerajaan Negeri membuat beberapa keputusan yang boleh dipersoalkan daripada segi pemberian tender, iaitu kumpulan daripada MCA memberikan kenyataan tersebut dan mereka telah meminta MACC, atau pun Suruhanjaya Pencegah Rasuah untuk menyiasat dan saya menerima kehadiran Suruhanjaya Pencegah Rasuah sebab dan ini saya hendak bantangkan dan kita sudah mendapat laporan bahawa empat puluh tujuh tender ditawarkan pada tahun 2010 dan sejumlah seratus tujuh puluh tujuh perpuhuan tiga juta digunakan. Tender ini ditawarkan secara terbuka dan ada juga tender secara terhad tetapi mengikut proses yang dicadangkan oleh apa yang disebut *treasury* atau pun perbendaharaan. Dan senarai syarikat-syarikat tersebut saya ingin bacakan secara cepat kerana saya hendak supaya ia dikeluarkan di akhbar dan mereka yang berasa perlu diselidik sama ada terdapat apa yang dikatakan perlakuan rasuah, supaya kita bongkar tetapi kalau tidak ada ini menunjukkan ketelusan Kerajaan Negeri.

Kita mempunyai kerja untuk menarik tarif jalan dari Cheras, di Cheras Hulu Langat kita berikan kepada IDX Multi Resource Sdn. Bhd. secara tender dengan nilai tawaran enam perpuhuan empat lapan juta dan tempoh kontrak dua belas bulan dan cadangan mengubah pulih jalan Sungai Labu Sekinchan Daerah Sabak Bernam, kita minta Ahli Dewan Sekinchan melihatnya kita beri kontrak ini kepada Exlenenterbut Sdn. Bhd bernilai dua perpuhuan lima empat juta dan dijangka siap, sepatutnya sudah siap dua empat minggu. Kemudian cadangan membina dan menyiapkan Sekolah Rendah Agama Puncak Alam Daerah Kuala Selangor kepada Fasa Abadi Sdn. Bhd. Enam perpuhuan sembilan lapan lima juta dan tempoh kontrak tujuh puluh dua minggu. Cadangan membina dan menyiapkan Sekolah Rendah Agama Integrasi Saujana Utama Daerah Kuala Selangor iaitu Ali Ibrahim Holding Sdn. Bhd. bukan Khalid Ibrahim tetapi Ali Ibrahim tidak ada kena mengena dengan saudara mara saya.. kita *check* ...tujuh dua lima juta selama enam puluh minggu dan kerja menurap semula dan baik pulih di Sungai Burung juga termasuk tempat wakil dari Barisan Nasional menunjukkan cara pemberian yang adil kepada yang perlu bukan tempat yang tidak tentu, kontrak diberi kepada Agenda Setia Sdn. Bhd. Satu perpuhuan empat juta selama dua puluh lapan minggu.

Saya cepatkan lagi.. Kerja menambah dan baik pulih cerun tambakan di Jalan Kebun nenas Daerah Klang kontrak diberi kepada ABM T Resources Sdn. Bhd. dua perpuhuan satu enam

juta. Jadi nama-nama senarai ini saya juga edarkan kepada Ahli-Ahli Dewan supaya Ahli-Ahli Dewan juga melihat dan memantau dan satu pasukan juga kita hantar untuk melihat apa yang disebut konsep *value for money* supaya cepat belajar bagaimana cara kita memberikan kontrak walaupun kontrak betul harganya dapatkah kita nilai yang sepatutnya. Saya juga hendak berjumpa dengan kumpulan profesional untuk meninjau apa yang disebut *values* supaya ditentukan bahawa cara-cara pengiraan yang dibuat adalah cara-cara yang menetapkan anggaran keuntungan *gross* hingga kepada tiga puluh peratus dan kita cuba kurangkan kepada tujuh ke lapan peratus yang kita rasa dengan duit lebihan itu kita boleh membuat jalan lebih panjang jalan atau pun lebih lagi kerja dan memberikan *value for money* kepada usaha yang kita lakukan.

Oleh itu, Tuan Speaker saya merasakan banyak lagi yang perlu kita lakukan dan saya juga berharap usaha kita untuk menyokong ataupun usaha kita untuk menentukan pilihan raya di negara kita ini dilakukan dengan adil dan bersih dan Kerajaan Negeri mahu berbincang dengan EXCO bagaimana kita boleh meminta pandangan rakyat tentang perubahan-perubahan yang perlu dilakukan untuk menjamin bahawa pilihan raya di sekurang-kurangnya di negeri Selangor dan sudah tentu untuk Malaysia dilaksanakan dengan penuh adil dan yang bersih untuk meningkatkan lagi demokrasi yang ada di negeri kita. Itulah sahaja. Lagi sekali saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli-Ahli Yang Berhormat dan saya berharap satu perkara yang kita perlu juga mengingatkan diri kita sendiri, bahawa Dewan Negeri adalah satu Dewan yang tertinggi dan ia mesti dianggap sebagai satu kehormatan kepada kita untuk menjadi Ahli Dewan Negeri sebab rakyat memilih kita. Untuk menjaga tatacara dan disiplin saya anggap Yang Berhormat dari Kuang telah menunjukkan satu sifat yang tidak boleh menjadi contoh kepada Ahli Dewan dan saya dalam rekod ini menyatakan perkara ini perlu kita bincangkan bersama-sama di Jawatankuasa Tertib supaya tidak berlaku perkara ini dan supaya rakyat tidak memandang kita sebagai pilihan yang salah kerana kita anggap kita, saya sendiri menganggap jawatan ini adalah suatu jawatan yang mempunyai tanggungjawab yang besar. Kita mesti menilai tanggungjawab kita ini daripada segi kelakuan dan cara kita menjalankan tugas. Terima kasih.

TUAN SPEAKER : Ahli-Ahli Yang Berhormat sekalian seperti biasa sebelum saya menangguhkan Persidangan Dewan saya mengambil peluang dan kesempatan di sini untuk mengucapkan ribuan terima kasih kepada semua Yang Berhormat Ahli-Ahli Dewan Negeri, Ketua-Ketua Jabatan, Pegawai-Pegawai Kerajaan yang telah memberikan kerjasama yang sesungguhnya bagi melicinkan perjalanan Persidangan Mesyuarat bagi penggal keempat ini. Ucapan terima kasih juga saya tujukan kepada Setiausaha Dewan, Penolong Setiausaha Dewan, seluruh kakitangan Pejabat Dewan, Pelapor-Pelapor, dan semua Petugas-Petugas yang bertugas secara langsung mahupun yang tidak langsung di atas kerjasama tuan-tuan dan puan-puan menjayakan Mesyuarat pada kali ini. Seperti lazimnya saya suka mengingatkan supaya Yang Berhormat agar dapat mengemas kembali draf penyata yang telah diedarkan dan yang akan diedarkan berkaitan dengan ucapan-ucapan Yang Berhormat. Sila kembalikan semula ke Pejabat Dewan sekadar segera agar Penyata Rasmi dapat disediakan dan diedarkan kepada Yang Berhormat sekalian. Dengan itu saya menangguhkan Sidang Dewan ini sehingga suatu masa yang akan ditetapkan kelak. Dewan ditangguhkan.

(Dewan ditangguhkan pada jam 5.00 petang)